

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 42

Khamis

23 September 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2005 (Halaman 24)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005 (Halaman 24)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 107)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 23 September 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah guru tadika/tabika KEMAS di Malaysia. Apakah kelayakan minimum dan tertinggi guru-guru tersebut dan berapa orang yang mempunyai kelayakan tertinggi dan terendah. Adakah pihak kementerian menyediakan kursus-kursus untuk mereka ini dan apakah bentuk kursus ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya mengucapkan terima kasih, oleh kerana diberi peluang untuk menjawab soalan yang pertama pada pagi ini. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Ogos 2004 terdapat seramai 8,179 orang guru tadika KEMAS di seluruh Malaysia. Jawatan guru tabika KEMAS atau gelaran jawatan iaitu Pemaju Masyarakat Tabika bersandarkan kepada skim perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah (Gred N 11).

Berdasarkan kepada skim berkenaan kelayakan minimum bagi mengisi jawatan guru KEMAS ialah Sijil Rendah Pelajaran (SRP).

Daripada 8,179 orang Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS di seluruh Malaysia, seramai 660 orang memiliki kelayakan STPM, 5,874 orang memiliki SPM, 1,629 orang berpendidikan SRP, sementara sepuluh orang berkelayakan Empat Thanawi.

Tuan Yang di-Pertua, KEMAS menyediakan dua bentuk kursus kepada guru-guru tabika iaitu Kursus Pra-Perkhidmatan dan Kursus Dalam Perkhidmatan.

Sebelum para pelatih dilantik menjadi guru-guru tabika KEMAS, mereka diwajibkan mengikuti Kursus Pra-Perkhidmatan di pusat atau institusi latihan KEMAS,

kursus ini berdasarkan kepada kurikulum pendidikan prasekolah kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Para pelatih diwajibkan menjalani latihan asas selama enam bulan (24 minggu) secara teori dan amali, serta wajib lulus dengan jayanya sebelum dilantik secara sah untuk menjadi Pemaju Masyarakat Tabika.

Selain tenaga pengajar dalaman, KEMAS juga mendapatkan khidmat penceramah luar seperti daripada Pusat Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri, universiti, maktab, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bomba dan lain-lain mengikut keperluan modul latihan dan kepakaran masing-masing.

Kursus-kursus dalaman perkhidmatan pula diadakan bertujuan meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang-bidang yang ada hubungan kaitnya dengan pendidikan awal kanak-kanak. Kursus ini biasanya diberikan semasa cuti persekolahan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sedar betapa pentingnya pendidikan sebagai salah satu ejen untuk membasmi kemiskinan, jadi untuk itu kita memerlukan tenaga mahir dan berilmuan dalam pendidikan asas, lebih-lebih lagi kepada kumpulan ini yang merupakan kumpulan daripada keluarga miskin dan juga keluarga pertengahan.

Jadi, pada masa yang sama kebajikan tenaga pengajar perlu juga dijaga, dan mereka perlu diberi keperluan dan kemudahan mengajar dan mendidik. Jadi, ini termasuklah dalam bentuk imbuhan.

Jadi, soalan saya, adakah kementerian menimbangankan untuk memberi ganjaran ataupun imbuhan dengan mengiktiraf guru-guru yang telah memperolehi kelayakan tambahan seperti diploma ataupun ijazah melalui usaha mereka sendiri dengan menaikkan gaji mereka daripada gred yang disebutkan tadi iaitu gred N 11 kepada gred gaji yang lebih sesuai dengan kelayakan mereka. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Sebelum kita memikirkan tentang mengiktiraf kelayakan yang didapati atau yang dimiliki oleh kakitangan KEMAS, kita perlu tahu tentang latar belakang KEMAS sebenarnya.

KEMAS adalah satu agensi yang dibentuk khas untuk membangunkan kawasan luar bandar secara menyeluruh, jadi kebanyakan dari kakitangan KEMAS

ataupun mereka yang diambil untuk bekerja dengan KEMAS, adalah merupakan pegawai kontrak pada masa sekarang.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian memang sentiasa prihatin secara kebetulan pada hari ini, kita akan mengadakan suatu mesyuarat yang penting bagi menyemak dan juga melihat tentang bagaimana kita dapat mempertingkatkan lagi skim perkhidmatan mereka ini, khasnya bagi mereka yang telah lama bertugas dengan KEMAS.

Namun demikian, kita juga mempunyai masalah ataupun *limitation*, dengan izin, oleh kerana kebanyakan mereka duduk di kawasan luar bandar, dan berasal dari kawasan luar bandar, dan saya akui bahawa mereka ini mempunyai banyak rintangan, cabaran dan sebagainya dari segi infrastruktur, dari segi kemudahan yang mereka perlukan bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anak-anak kita. Oleh kerana itulah, kementerian sedang mengkaji perkara ini, jadi sama ada kita akan mengiktiraf kelayakan diploma dan sebagainya yang dimiliki oleh mereka ini, itu terpulang kepada kajian yang akan dilakukan oleh kementerian dan juga terpulang kepada keputusan atau kelulusan daripada pihak kerajaan. Sekian.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya dikunjungi oleh beberapa guru-guru yang berkhidmat di KEMAS dan mereka berkata kepada saya, satu di antaranya adalah guru yang berkhidmat dari kawasan Batu Gajah, di mana dikatakan bahawa gaji bulanan mereka tidak dibayar tetap pada cukup bulan, tetapi dibayar dua, tiga, empat bulan selepas itu. Apakah ini terjadi? Dan apakah galakan yang diberi oleh kementerian bagi orang-orang yang bukan Melayu untuk berkhidmat dengan KEMAS. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan kes guru-guru tabika KEMAS yang tidak dibayar gaji ataupun diberi gaji lewat, itu kemungkinan kalau ada kes yang tertentu mungkin Yang Berhormat boleh majukan kepada saya sendiri, oleh kerana saya tidak ada bukti ataupun tidak ada maklumat tentang perkara itu.

Mengenai dengan galakan kepada orang-orang bukan Melayu atau bukan bumiputera untuk bekerja ataupun berkhidmat dengan KEMAS, suka saya menyatakan di sini, kelayakan ataupun *qualification* yang diperlukan bagi mereka yang berkhidmat dengan KEMAS ini kita telah dapati dan dipersetujui oleh pihak Kabinet, iaitu

berdasarkan kepada skim yang telah diluluskan pada tahun 1996, iaitu SRP sebagai kelayakan minimum, mereka mestilah warga negara Malaysia, berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 52 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan, mereka lulus SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dengan Kepujian dalam bahasa Malaysia. Jadi, selain dari itu, calon-calon yang dipilih mestilah calon-calon yang memiliki SPM dengan Kepujian dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, ini yang diberi keutamaan, calon-calon tempatan yang mempunyai kebolehan menggunakan komputer, calon-calon yang mempunyai minat yang mendalam terhadap kanak-kanak, sihat tubuh badan dan tidak cacat anggota, mereka juga perlu lulus Pendidikan Agama Islam peringkat SPM, mempunyai bakat dalam nyanyian, lakonan dan asas membaca Al-Quran bagi calon yang beragama Islam dan mereka memiliki sijil kursus bidang pendidikan awal kanak-kanak (jika ada). Sekian.

[Soalan Nombor 2 – Y.B. Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) tidak hadir]

3. Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) bilakah projek pembinaan sekolah rendah kebangsaan di kawasan Taman Tun Perak, Cheras, Taman Cheras Utama, Cheras, Taman Impian Ehsan, Balakong dan Taman Mahkota, Bangi akan dibina dan dijangka siap; dan
- (b) bilakah projek pembinaan Sekolah Menengah Desa Serdang dan Sekolah Menengah Sg. Ramal, daerah Hulu Langat dibina dan bilakah dijangka siap.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap pembangunan institusi pendidikan terutama di kawasan yang dinyatakan amatlah dihargai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran melalui Jabatan Pelajaran Negeri Selangor sedang meneliti dan mengkaji keperluan pembinaan sekolah di kawasan-kawasan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Yang Kesembilan iaitu untuk tempoh 2006 hingga 2010.

Namun demikian, dalam Rancangan Malaysia Kelapan terdapat projek-projek yang telah dirancang di kawasan Serdang dan Hulu Langat merangkumi pembinaan sekolah baru, tambahan bangunan dan juga projek gantian.

Projek yang terlibat di daerah Serdang adalah dua, iaitu Sekolah Kebangsaan Serdang yang meliputi bangunan tambahan dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Serdang iaitu untuk bangunan tambahan, manakala bagi daerah Hulu Langat sebanyak 22 buah sekolah kebangsaan dan sebuah SJK(C) terlibat dalam projek pembangunan yang meliputi pembinaan sekolah baru, tambahan bangunan dan juga projek gantian. Sekian, terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta maaf, Sekolah Menengah Seri Serdang bukan kawasan Serdang. Apa yang saya dengar dari jawapan Yang Berhormat tadi itu sebagai kenyataan umum maka dengan demikian soalan tambahan apakah kriteria atau garis panduan dalam perancangan untuk membina sekolah kebangsaan atau SKJ(C) di sesuatu kawasan tersebut sama ada mengikuti kehendak-kehendak ibu bapa-ibu bapa atau masyarakat setempat itu begitu mendesak di situ? Kalau hanya secara umumnya maka kawasan yang begitu mendesak untuk mendapat sekolah tidak ada langsung maka ini satu tanggungjawab kerajaan untuk memberi satu pusat pendidikan di kawasan tersebut, maka itu saya mintalah pihak kementerian beri satu jawapan yang lebih tepat supaya untuk memahami kawasan-kawasan yang tertentu untuk mendapat sekolah tersebut.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua permohonan dan juga keperluan pendidikan adalah satu perkara yang dinamik dan bukan statistik. Ia akan selalu berubah mengikut masa dan kriteria yang diambil kira oleh kementerian ini apabila kita melayani sesuatu permohonan ataupun apabila kita membuat perancangan adalah berasaskan kepada beberapa kriteria termasuk bilangan penduduk, demografik ataupun umur penduduk di satu-satu kawasan, permohonan daripada pihak PIBG dan juga pihak penduduk ibu bapa dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat di satu-satu tempat.

Sekiranya ahli Yang Berhormat ada satu-satu permohonan yang spesifik, kami minta kerjasama supaya permohonan itu dikemukakan kepada kami. Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi permohonan itu sedang dikaji di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan kita belum lagi membuat keputusan. Jadi saya minta Yang Berhormat bersabar dan kami akan memaklumkan tidak lama lagi. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya tertarik dengan kriteria apa yang telah ditetapkan oleh kementerian tetapi kalau kita melihat kriteria itu semua sekolah akan

dibina kerana mengambil kira pandangan masyarakat tempatan, umur, dari segi pembangunan, mana satu yang tidak memenuhi kriteria. Persoalannya siapakah yang membuat kajian? Kajian tetap kajian dan saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan laporan? Adakah wakil rakyat juga dilibatkan bersama dalam proses permohonan? Minta penjelasan, terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya fahamkan soalan tambahan itu soalnya adakah seseorang wakil rakyat mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam perancangan untuk sekolah-sekolah baru. Saya rasa saya juga seorang wakil rakyat dan saya ada banyak peluang di kawasan saya bersama-sama dengan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Saya tidak tahu di kawasan ahli Yang Berhormat tetapi seperti saya katakan tadi sekiranya ada permohonan yang spesifik kemukakan, hasrat kementerian ini adalah untuk memberikan kualiti pendidikan yang tinggi untuk semua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya yakin ini bukan jawapan untuk soalan Ayer Hitam.

[Dewan riuh]

Puan Komala Devi: Saya rasa ini adalah satu soalan spesifik dan saya akan jawab sekali lagi.

4. Dato' Chor Chee Heung [Alor Setar] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah pekerja asing yang masih diperlukan oleh negara bagi setiap sektor ekonomi dan sama ada jumlah yang sedia ada mencukupi untuk menampung kekurangan ataupun telah melebihi. Jika jumlah pekerja asing telah melebihi daripada yang diperlukan, apakah tindakan kerajaan dalam hal ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kelulusan pengambilan pekerja asing adalah mengikut keperluan dan permintaan majikan. Kerajaan tidak menetapkan kuota tertentu bagi pengambilan pekerja asing. Ini adalah untuk memastikan perkembangan ekonomi negara tidak terjejas akibat kekurangan pekerja. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa menggalakkan majikan mengautomasikan proses kerja supaya pergantungan terhadap tenaga kerja asing dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, tadi Timbalan Menteri telah menyentuh mengenai bagaimana kita boleh mengautomasikan operasi perniagaan dan sebagainya. Soalan tambahan saya, adakah kementerian telah membuat sesuatu kajian yang mendalam mengenai dari segi kos dan juga *practicality* nya dengan izin bahawa operasi-operasi perniagaan secara eksport ataupun secara dalaman ini boleh diberikan satu automasi secara cepat dan juga berkesan dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan majikan mengautomasikan proses kerja, kementerian ini sedang membuat kajian bersama dengan kementerian-kementerian yang lain. Kita akan tentukan insentif akan diberikan kepada majikan-majikan yang terlibat dan kita akan pastikan kos proses kerja akan dikurangkan. Jadi kita akan buat pengumuman nanti. Sekian, terima kasih

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum bahawa dalam negara kita ini masih lagi terdapat banyak pekerja tanpa izin dan kehadiran pekerja tanpa izin ini kadang-kadang juga didalangi oleh majikan-majikan. Mereka ini terpaksa menggaji pekerja tanpa izin kerana masalah pemprosesan dan kelulusan daripada pihak kerajaan. Saya dapat aduan ramai majikan yang mengadu, majikan yang kecilah, mereka memohon dua atau tiga pekerja tidak dilayan, hanya melayan majikan-majikan yang besar iaitu apabila permohonan lima puluh, seratus, dua ratus pekerja mereka layan. Saya rasa kerajaan sekarang hendak memastikan permohonan ini secara telus dan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa akan menggunakan perkhidmatan *disclosure base regulation* iaitu peraturan berdasarkan pengisytiharan iaitu apabila pemohon memohon mengisikan borang dengan syarat-syarat dan garis panduan yang penuh dan jelas maka imigresen atau pejabat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diluluskan sahaja tidak payah menyusahkan majikan.

Adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini merancang untuk memastikan bahawa permohonan ini dipermudahkan bagi memastikan majikan dapat pekerja dengan senang.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, terdapat lima sektor ekonomi yang dibenarkan bagi pengambilan pekerja asing iaitu sektor pembantu rumah, perkilangan, sektor pembinaan, perladangan dan

perkhidmatan. Kementerian ini menerima semua permohonan sama ada permohonan untuk bilangan mengambil pekerja asing ramai atau satu dua orang pekerja asing, kita terima semua permohonan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat semua permohonan mesti memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh kementerian ini dan proses untuk permohonan, kementerian ini sudah ambil langkah supaya tidak perlu ambil masa panjang untuk meluluskan sebarang permohonan yang sudah memenuhi kriteria-kriteria tertentu. Jadi ada apa-apa masalah bolehlah majukan kepada kementerian ini . Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dato' Dr. Tan Kee Kwong.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, saya harap Datuk ada sihat dan keadaan yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebab?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Sebab bantulah. Sebab bantulah. Soalan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa tujuan? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Tidak ada tujuan, saya sudah ucap. Kita ada niat baik tidak ada apa-apa. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya kuat, sihat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Saya tahu Tuan Yang di-Pertua tiap-tiap hari jalan di kawasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sendiri ada sakit ha. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Ya lah, terseliuh kaki, apa mahu buat. Soalan saya ialah nombor lima.

5. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta Menteri Luar Negeri menyatakan baru-baru ini Perdana Menteri telah melawat Amerika Syarikat dan United Kingdom, apakah sambutan yang diterima ini dan sila bagi penjelasan tentang usaha mempertingkatkan perdagangan dua hala dengan mereka.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana kita dengar Tuan Yang di-Pertua sihat dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mengapa tiba-tiba disebutkan perkara ini? *[Ketawa]*

Dato' Joseph Salang Gandum: Tidak mengapa. Secara keseluruhannya lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan United Kingdom pada 18 hingga 24 Julai 2004 telah berjaya mencapai objektif dan mengeratkan hubungan dua hala Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut. Ia terbukti dengan layanan dan sambutan yang amat baik dan mesra yang diberi oleh kerajaan tuan rumah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepanjang lawatan itu. Lawatan tersebut telah dapat memperbaharui jalinan hubungan peribadi yang lebih akrab serta meningkatkan kerjasama dan persefahaman di antara mereka.

Melalui sesi pertemuan dengan tokoh-tokoh perniagaan di kedua-dua buah negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya memberikan gambaran jelas tentang dasar-dasar kerajaan bagi menarik minat pelabur-pelabur dan pedagang-pedagang syarikat gergasi atau dengan izin *multi-national* untuk meningkatkan pelaburan dan perdagangan dengan Malaysia.

Seperti mana Yang Berhormat semua sedia maklum, kedua-dua buah negara tersebut adalah merupakan rakan dagang terbesar dan mempunyai jumlah pelaburan yang tinggi di Malaysia. Antara usaha-usaha kerajaan negara kita adalah menawarkan pelbagai insentif pelaburan yang menarik dan menyediakan sistem perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan atau dengan izin *public delivery system* serta kemudahan infrastruktur yang baik di samping suasana politik yang stabil untuk pelabur-pelabur asing. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tentang hal-hal kawal sikap terrorism, bagaimana kerjasama dengan kerajaan USA dan U K tentang tukar maklumat untuk kebaikan semua.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Segambut. Berkenaan dengan pertukaran maklumat di antara negara Malaysia dengan negara-negara kongsi dagang seperti negara United Kingdom dan Amerika Syarikat sentiasa diamalkan mengikut lunas-lunas yang sedia ada iaitu mengenai apa yang patut diketahui oleh sesuatu negara mengikut apa yang penting kepada negara kita iaitu mengikut *on our national interest*, dengan izin. *Thank you.*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Baru-baru ini dalam *Far Eastern Economic*

Review ada mengatakan bahawa Malaysia mempunyai pegawai-pegawai yang berpendirian *anti-American* dan saya berjumpa dengan Ambassador Amerika di Cambodia, dia juga menunjukkan bahawa ada kesan-kesan *anti Malaysian* kepada pegawai tertinggi Amerika di Cambodia tersebut. Jadi, saya bertanya apakah tindakan kerajaan supaya perasaan bahawa *Malaysian* itu *anti American* tidak berleluasa dan akan mendatangkan kesan buruk kepada perdagangan di antara dua negara. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

Dato' Joseph Salang Gandum: Santubong, sudah bertukar ya. Memang ada ramai orang di Amerika Syarikat ataupun penganalisa-penganalisa yang berpendapat bahawa ada sesetengah pegawai ataupun ahli perkhidmatan di Malaysia berpendirian bahawa mereka adalah anti Amerika tetapi ini dinafikan sekeras-kerasnya. Ini tidak benar. Apa yang ada sekarang iaitu kita ada hubungan yang erat dengan Amerika Syarikat tetapi apa yang tidak diketahui bahawa apa yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat semasa lawatan tersebut iaitu apa butir-butiran yang di bincang itu tidak diketahui umum iaitu bahawa Malaysia akan menghantar pasukan perubatan dan tokoh-tokoh korporat yang ingin untuk *reconstruction of Iraq*, dengan izin, iaitu ada syarat dan oleh kerana syarat mestilah diluahkan oleh Kementerian Luar Negeri.

Oleh itu ada yang menyangka bahawa Kementerian Luar Negeri yang sebenar yang tidak memberi sokongan untuk membaiki antara kedua-dua buah negara tetapi saya menafikan di sini bahawa Kementerian Luar Negeri hanya meluahkan iaitu *condition* yang sepatutnya diadakan sebelum kita menghantar pasukan perubatan ataupun pasukan yang lain untuk membantu *reconstruction of Iraq*. Terima kasih.

6. Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan majikan yang telah menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak bagi pekerja mereka dan apakah langkah-langkah galakan semasa dan cadangan akan datang bagi menarik minat majikan dalam menyediakan dan mengendalikan pusat berkenaan.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga kini sebanyak 29 buah syarikat telah memaklumkan mengenai pertubuhan pusat asuhan kanak-kanak kepada Jabatan Tenaga Kerja di bawah kementerian saya. Kementerian ini telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Penggalakan Pertubuhan Pusat Asuhan Kanak-kanak di sektor swasta sejak tahun 1992 dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja dan juga Jawatankuasa Teknikal yang berfungsi sebagai *one stop centre* bagi menyelaras pelaksanaan serta menangani masalah dan halangan yang dihadapi oleh majikan-majikan yang ingin menubuhkan pusat asuhan ini.

Jawatankuasa ini juga dianggotai oleh agensi-agensi yang berkaitan dalam memberi kelulusan pertubuhan pusat asuhan kanak-kanak. Kementerian saya bercadang untuk meningkatkan lagi publisiti mengenai Skim Galakan Cukai yang diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi menggalakkan majikan menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja atau yang berdekatan dengan tempat kerja.

Dua jenis galakan cukai disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri kepada majikan bagi menyedia dan menyelenggarakan pusat penjagaan kanak-kanak itu adalah seperti berikut:-

- (i) Seksyen 34 Akta Cukai Pendapatan memberi potongan cukai ke atas perbelanjaan yang dilakukan bagi menyedia sebuah pusat penjagaan kanak-kanak bagi kepentingan para pekerja, tidak termasuk perbelanjaan modal seperti membeli tanah atau bangunannya;
- (ii) Peruntukan di bawah Elaun Bangunan Industri iaitu perbelanjaan yang dilakukan bagi pembinaan atau pembelian sebuah bangunan bagi tujuan kemudahan penjagaan anak-anak pekerja dianggap sebagai bangunan perindustrian dalam perniagaan majikan serta layak diberi Elaun Bangunan Industri sebanyak 10% daripada perbelanjaan yang telah dibuat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang masalah atau kepentingan anak-anak di bawah jagaan menjadi perkara yang paling mustahak kepada ibu bapa yang juga pekerja kepada semua sektor. Idea untuk menubuhkan pusat asuhan

kanak-kanak ini, memanglah satu idea yang cukup baik dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian.

Satu perkara yang ingin saya bangkitkan dalam soalan tambahan ialah berkenaan dengan apakah langkah-langkah kawalan pihak kementerian bagi memastikan kos yang dikenakan iaitu kos yuran, kos makanan dan sebagainya yang dikenakan kepada ibu bapa dikawal dan tidak membebankan ibu bapa, terutama sekali yang berpendapatan rendah dan apakah langkah-langkah untuk memastikan bahawa pengasuh ini mendapat latihan yang sewajarnya bagi membimbing anak-anak tersebut. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat ini. Sungguhpun sibuk dengan tugas lain tetapi masih sedia datang.

Tuan Markiman bin Kobiran: Ini pun tugas, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Jawapan kepada soalan tambahan ini, dari segi kawalan dan juga dari segi menentukan kosnya adalah berpatutan. Kementerian saya selalu membuat lawatan ke pusat-pusat asuhan dan kita juga cadangkan bahawa misalnya kos makanan yang disediakan bagi kanak-kanak itu adalah sama rata dengan kos-kos yang dikenakan misalnya di kantin, di mana kebanyakannya adalah *disubsidize*, dengan izin oleh majikan.

Dari segi latihan, kita juga telah menetapkan bahawa guru-guru ataupun penjaga yang digajikan untuk menjaga pusat tersebut mestilah mengikut kelayakan yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran. Kita mahu menentukan bahawa kualiti latihan yang diberi itu adalah selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran.

Dari segi lain juga, kementerian saya bercadang terus berbincang dengan agensi-agensi lain khususnya Kementerian Kewangan supaya lebih banyak insentif boleh diberi sebagai galakan kepada pihak majikan untuk menubuhkan pusat-pusat ini.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan masalah penyediaan pusat penjagaan ataupun pusat asuhan kanak-kanak ini adalah satu masalah yang begitu lama dan selalu dibangkitkan. Kita dapati bahawa walaupun banyak insentif dan galakan telah diadakan oleh kerajaan tetapi sehingga sekarang hanya 29 buah syarikat sahaja yang mengadakan pusat-pusat asuhan ini.

Jadi, soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk mewajibkan supaya syarikat-syarikat yang mempunyai golongan pekerja-pekerja yang ditentukan jumlahnya, diwajibkan dan dimestikan mengadakan pusat asuhan kanak-kanak ini. Kalau boleh kita minta supaya pejabat ataupun pejabat-pejabat kerajaan sendiri mulakan sebagai teladan kepada syarikat-syarikat swasta. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Padang Serai ini. Dia adalah seorang Ahli Yang Berhormat yang selalu prihatin. Sungguhpun belum ada anak dia sendiri tetapi prihatin dengan masalah-masalah [*Ketawa*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum kahwin lagi Yang Berhormat? Bukan belum ada anak lagi, belum kahwin lagi.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: [*Ketawa*] Itu saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana prihatin tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh para pekerja, khususnya para pekerja wanita dari segi penjagaan anak-anak mereka.

Memang kementerian saya sudah bercadang untuk mewajibkan supaya kilang-kilang besar misalnya mesti ada pusat-pusat asuhan ini tetapi kementerian saya menghadapi masalah di luar dari bidang kuasa kita. Misalannya ada masalah lain yang akan timbul. Satu daripadanya ialah misalannya, mengikut Akta JPJ, pekerja tidak boleh membawa anak-anak mereka dalam bas kilang kerana bas kilang tersebut adalah untuk para pekerja sahaja. Para pekerja adalah dilarang untuk membawa anak-anak mereka bersama dalam bas tersebut.

Selain daripada itu juga, Akta Keselamatan Bomba misalannya menghalang penubuhan pusat asuhan di kilang-kilang kerana bimbang masalah sekiranya ada kebakaran dan sebagainya ia boleh membawa satu isu lain yang serius.

Jadi, kementerian saya selepas berbincang dengan agensi-agensi tersebut, kami rasa jalan yang terbaik sekali untuk menyelesaikan masalah itu ialah untuk berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri, supaya setiap kawasan perindustrian kita wajibkan ada satu taman asuhan kanak-kanak atau dengan izin, pusat asuhan kelompok di mana pekerja-pekerja dari semua kilang dalam kawasan perindustrian itu boleh menghantar anak-anak mereka ke pusat tersebut dan pusat tersebut dijaga oleh sebuah agensi yang dilantik oleh kawasan perindustrian tersebut. Kita seterusnya

akan berbincang untuk mencari jalan yang terbaik sekali untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan penting, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah buat keputusan.

Tuan Liow Tiong Lai: Sebab Menteri datang, kita hendak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang sentiasa, boleh dikatakan tiap-tiap hari ada menteri datang.

Tuan Liow Tiong Lai: Tidak ada orang lagi.

[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) tidak hadir]

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Haji Mohamed Razali bin Che Mamat (Kuala Krai) tidak hadir]

[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Mas pergi Mesyuarat UMNO? *[Ketawa]*

[Soalan No. 10 - Y.B. Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) tidak hadir]

[Soalan No. 11 - Y.B. Dato' Haji Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) tidak hadir]

[Soalan No. 12 - Y.B. Datuk Bung Mokhtar bin Radin (Kinabatangan) tidak hadir]

[Soalan No. 13 - Y.B. Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) tidak hadir]

[Soalan No. 14 - Y.B. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) tidak hadir]

[Soalan No. 15 - Y.B. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tuan Jimmy Donald.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Ya, ya. Selamat pagi sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya No. 17. *[Dewan riuh]*

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: No. 16.

Datuk Ronald Kiandee: No. 17.

Tuan Liow Tiong Lai: No. 17.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: 16.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 16.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: 16 atau 17?

Tuan Jimmy Donald: 17.

Tuan Liow Tiong Lai: 17. Di sini 17 [*Mengangkat Aturan Urusan Mesyuarat*]

Datuk Ronald Kiandee: 17. Di sini 17 [*Mengangkat Aturan Urusan Mesyuarat*]

Tuan Jimmy Donald: Saya punya senarai No. 17.

Seorang Ahli: 16.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana boleh

Tuan Liow Tiong Lai: 17.

Datuk Ronald Kiandee: 17.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey. 16 lah Yang Berhormat. Hah..... 16.

Tuan Jimmy Donald: Tetapi yang di sini 16.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ikut yang sinilah. [*Dewan semakin riuh dengan ketawa*]

Tuan Jimmy Donald: Boleh saya baca soalan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah.

Datuk Ronald Kiandee: *That is the English version.*

16. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan akan menambahkan subsidi terhadap minyak diesel memandangkan harga minyak telah melambung di pasaran antarabangsa.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jumlah subsidi dan pengecualian cukai jualan yang tidak dikutip di atas barangan petroleum termasuk diesel bagi tahun 2004 adalah RM10.7 bilion. Soalan penambahan subsidi tidak timbul. Terima kasih.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya ingin tahu apakah langkah yang dijalankan untuk menentukan subsidi diesel ataupun bahan bakar yang lain yang diberi tidak disalahgunakan dan memang dinikmati oleh orang-orang yang disasarkan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apa-apa insentif, apa-apa subsidi yang kerajaan berikan kepada rakyat, tanggungjawab rakyat adalah jangan menyalahgunakan apa-apa insentif. Kita di sini pun sangat sedih hati. Betul sangat sedih hati sebab kita tahu ada masalah yang timbul.

Dia orang yang gunakan ini dan penyeludupan, *smuggling* keluar dari negara kita dan kita selalu menguatkan kita punya kastam di mana-mana tempat termasuk pintu keluar negara kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang pihak nelayan, pihak industri pengangkutan telah terkena oleh kerana harga diesel yang meningkat. Sekarang sudah sampai ke peringkat RM1.50 seliter. Semua syarikat bas di seluruh Malaysia dan pihak nelayan ditangkap kerajaan oleh kerana membeli diesel di stesen minyak biasa kerana penilaian kerajaan berhubung dengan subsidi ini ada dua.

Pertama *national standard*, yang kedua *international standard*. Apabila harga ini naik, penjualan kepada yang kena *subsidise* dalam *transport industry* dan nelayan juga terkena tetapi nelayan ini adalah orang miskin, orang kampung kita, orang di kawasan luar-luar bandar. Yang Berhormat, macam mana sebenarnya supaya subsidi ini tidak mengena dan tidak mendatangkan kesan yang buruk kepada nelayan, orang-orang kampung, oleh kecil, orang-orang di luar bandar dan sekarang bas-bas kompeni sudah juga tidak dibantu oleh kerajaan tetapi sudah terkena juga dengan subsidi yang tidak menepati sasaran.

Macam mana tindakan kerajaan supaya tidak mendatangkan kesan yang lebih buruk lagi kepada negara ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan subsidi diesel memang adalah suatu isu yang sangat kompleks. Masalah itu ialah kerajaan hendak memberikan subsidi untuk membantu orang miskin atau nelayan tetapi seperti soalan tambahan oleh Tuan Jimmy Donald memang ada banyak kes yang disalahgunakan. Tetapi macam mana masa kita hendak membuat apa-apa keputusan mengenai harga petroleum kita akan memasukkan semua isu sebelum kita membuat apa-apa keputusan.

18. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah tunggakan cukai tanah yang belum dibayar oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) kepada Kerajaan Negeri Kelantan setakat ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, kita harap Tuan Yang di-Pertua sihat kerana Tuan Yang di-Pertua kena duduk satu hari pada hari ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, KTMB telah pun membuat pembayaran cukai tanah berjumlah RM225,068 kepada Kerajaan Negeri Kelantan setiap tahun sehingga tahun 2004. Berdasarkan kedudukan semasa KTMB tidak mempunyai sebarang tunggakan cukai tanah kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu, Keretapi Tanah Melayu Berhad adalah salah satu di antara tuan punya atau penyewa atau pengguna tanah yang besar di negara ini termasuk di Kelantan sendiri. Di beberapa kawasan, tanah-tanah yang disewa atau dipajak atau di punyai oleh KTMB di Kelantan tidak digunakan dan tidak berkemungkinan akan digunakan untuk kegunaan-kegunaan yang langsung berkaitan dengan industri kereta api.

Setengah-setengah daripada kawasan-kawasan tanah ini sekarang ini digunakan dengan cara yang agak percuma oleh orang-orang tempatan untuk sama ada tanam menanam ataupun untuk kegunaan sebagai taman-taman atau padang-padang rekreasi seperti bola dan sebagainya. Soalan saya, tanah-tanah lebihan ini adakah KTMB bercadang untuk membangunkan ataupun kalau tidak ada cadangan langsung daripada KTMB untuk membangunkan, untuk melepaskan tanah-tanah tersebut supaya boleh dibangunkan oleh kerajaan negeri bagi manfaat rakyat di negeri berkenaan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tumpat. Seperti kita semua sedia maklum bahawa KTMB sekarang adalah dalam masa untuk merealisasikan segala operasi KTMB supaya ia boleh lebih cekap, lebih berkesan dan akan dapat membalikkan keuntungannya. Oleh yang demikian, maka KTMB masih belum membuat apa-apa keputusan mengenai harga-harta yang ada di seluruh negara. Sehingga waktu itu, kita minta Kelantan bersabarlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya masih meragui tentang jawapan Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa tunggakan hutang

sekarang ini ialah RM225,640 lebih, lebih kurang begitu. Saya yakin dan percaya tunggakan hutang ini lebih dari ini dan saya akan buktikan di dalam Dewan ini waktu membahar secara *detail* atau dengan secara di peringkat Jawatankuasa. Saya akan buktikan jawapan ini memang tidak benar dan saya hendak memastikan sama ada jawapan ini diambil hutang sekarang, hutang yang sudah diubahsuai, ditimbang semula hasil permintaan Keretapi Tanah Melayu tentang beberapa syarat tanah yang diminta oleh pihak Keretapi Tanah Melayu yang sebelum ini tunggakan hutang ialah lebih daripada RM20 juta tetapi hari ini Menteri telah menjawab RM220,000 sahaja.

Saya ingin tahu apakah hutang ini diambil mulai sekarang ini ataupun sebelum daripada ini dan kalau betul, maknanya kalau betullah hutangnya, ini saya mahu tahu apakah hutang-hutang sebelum ini telah di*write-off*kan oleh Kerajaan Negeri Kelantan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Rantau Panjang ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Rantau Panjang.

Datuk Douglas Uggah Embas: Rantau Panjang tidak perlu ragu mengenai jawapan saya. Ini adalah fakta. Yang Berhormat mungkin dapat membaca fakta lain dari surat khabar yang selalu memfitnahkan kerajaan. Saya tidak berhasrat untuk menjawab lebih panjang kerana saya menunggu Yang Berhormat menghuraikan apa fakta-fakta yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan waktu itu kita dari pihak kerajaan memang sentiasa ada penjelasan.

[Soalan No. 18 - Y.B. Dato' Haji Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun] tidak hadir]

19. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Kesihatan menyatakan nisbah di antara doktor dan penduduk, jumlah doktor asing yang berkhidmat di negara kita dan jumlah doktor yang diperlukan lagi untuk memenuhi permintaan terhadap doktor di Malaysia. Apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, nisbah di antara Pegawai Perubatan kepada penduduk di Malaysia pada tahun 2004 adalah 1,000 doktor kepada 1,755 penduduk. Kedudukan pengisian dan kekosongan Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Kontrak pada 7 September 2004 adalah seperti berikut:

<u>Jawatan</u>	<u>Perjawatan</u>	<u>Pengisian</u>	<u>Kekosongan</u>	<u>% Pengisian</u>
Pegawai Perubatan	13,464	9,313	4,151	69.2%
Pegawai Perubatan Kontrak (warganegara Malaysia)	92	-	-	-
Pegawai Perubatan Kontrak (warganegara asing)	723	-	-	-

Pecahan Pegawai Perubatan (warganegara asing) mengikut negara asal adalah seperti berikut:-

<u>Negara</u>	<u>Jumlah</u>
India	268
Pakistan	167
Myanmar	84
Bangladesh	29
Indonesia	23
Mesir	122

Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya kurang pasti tentang angka yang diberikan. Saya hanya hendak memberi suatu pengalaman pahit saya di Hospital Universiti pada 1 Mei tahun ini apabila saya sakit kaki.

Saya telah tunjuk banyak kali kepada kaunter 'Saya ini Ahli Parlimen'. Saya pergi ke Unit Kecemasan. Saya tunggu tiga jam baru dapat jumpa doktor. [*Dewan riuh*]

Betul! Saya memang tunggu tiga jam, boleh *check* dengan rekod di Hospital Universiti dan selepas itu saya tengok pesakit-pesakit di sekeliling saya, mereka ada yang sakit teruk. Ada yang wanita itu dia kata dia *internal bleeding*, tunggu tiga jam masih belum dapat jumpa doktor.

Selepas itu saya berbual dengan Pegawai Perubatan di sana dan dia beritahu saya, dia kata Unit Kecemasan di Hospital Universiti itu sebenarnya memerlukan

seramai 25 orang doktor tetapi mereka hanya mempunyai 14 orang sahaja. Di kalangan 14 orang itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: yang dua pertiga adalah doktor asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya. Soalan saya sebenarnya adalah saya tanya soalan ini adalah kerana pengalaman pahit saya. Saya merasa ragu, kenapa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan sekarang. Soalan tambahan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, ya. Ini adalah keraguan saya. Kenapakah ini boleh terjadi di hospital yang begitu masyhur sebagai hospital awam di negara kita dan juga mereka mengenakan caj yang begitu tinggi yang agak sama dengan klinik yang di luar itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukup, Menteri boleh jawab. Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Belum. Belum. Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Soalan saya belum tanya. [*Dewan riuh*] Soalan saya adalah di manakah doktor warganegara Malaysia kita sekarang ini? Kenapakah hospital begitu masyhur mengupah begitu ramai doktor asing dan masih tidak cukup untuk memenuhi keperluan pesakit setempat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya rasa ini satu masalah yang sangat serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Soalan tambahan sudah dikeluarkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Macam manakah kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: tujuan kerajaan mengatasi masalah seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan masa untuk berucap. Cukup. [*Dewan riuh*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yalah. Ini sekarang Perhimpunan Agung UMNO. [*Dewan semakin riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini juga peluang bagi kita meluahkan rintihan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, oleh kerana Perhimpunan Agung, Yang Berhormat bernasib baik kerana soalan No. 19 keluar.

Seorang Ahli: Sepatutnya kita bersyukur.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, saya syukur kerana UMNO ada Perhimpunan Agung hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Cukup. Baik. Cukup, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya juga minta Yang Berhormat memberi jawapan yang panjang lebar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawab Yang Berhormat.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak pasti pada masa Yang Berhormat pergi ke hospital ini adakah pada masa luar waktu pejabat kerana kalau kita sudah di luar waktu pejabat, semua *outpatient* ini mesti dirawat, kerana *outpatient* sudah tutup bermakna kita kena pergi ke *Emergency Ward*.

Berkaitan dengan kes-kes ini selalunya di hospital, kita ada satu sistem iaitu sistem *Triad* iaitu yang kecemasan itu kita rawat dengan serta-merta. Yang tidak cemas itu kita akan kena tunggu sekejap. Itu adalah keadaan di hospital kita. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Krai. Tengoklah kerana masuk soalan ini, terpaksa beliau keluar daripada Perhimpunan Agung.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*“Cantik sungguh burung tempua,
bersarang di pokok sagu,
baik sungguh Tuan Yang di-Pertua,
bila masuk beri selalu”.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selalu tidak bolehlah.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah tidak soalan saya nombor lapan yang ketinggalan? *[Sorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan soalan tambahan?

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tambahan?

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya, soalan tambahan. Okey, soalan tambahan. Saya ingin tahu, bilakah pihak Kementerian Kesihatan akan memberi insentif kepada doktor-doktor supaya doktor-doktor dapat ditempatkan khususnya di luar-luar bandar yang tidak pernah ke sana? Kalau dihantar pun, hanya nama sahaja tetapi doktornya tidak wujud. Yang ada hanyalah *assistant* sahaja. Jadi, adakah pihak kementerian ingin memberi insentif kepada doktor-doktor yang dihantar ke luar bandar? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan memang memberi insentif kepada doktor-doktor yang bekerja di luar bandar. Umpamanya adalah elaun pedalaman jikalau mereka dihantar ke tempat-tempat pedalaman dan Kementerian Kesihatan juga membayar Elaun Wilayah kalau mereka orang Semenanjung, mereka bekerja di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

[Soalan No. 20 – Y.B Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin] tidak hadir]

21. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menjadikan Kota Kinabalu sebagai hub maritim bagi kawasan BIMP-EAGA dan apakah cabaran-cabaran yang dihadapi ke arah matlamat itu.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Soalan 21 pun sampai hari ini Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan tidak berhasrat untuk menjadikan Pelabuhan Kota Kinabalu sebagai hub maritim di kawasan BIMP-EAGA kerana kedalaman perairan iaitu 10 meter di dermaga adalah tidak mencukupi untuk membolehkan kapal-kapal induk dengan izin *mainline operators* singgah di pelabuhan tersebut.

Di samping itu, kawasan pelabuhan adalah terlalu kecil untuk mengendalikan kontena secara besar-besaran. Tambahan pula, produktiviti pelabuhan adalah rendah disebabkan kedudukan pelabuhan tidak menggalakkan penggunaan peralatan moden. Walau bagaimanapun, pelabuhan Kota Kinabalu boleh memainkan peranan sebagai *feeder port* dengan izin kepada pelabuhan Bintulu yang telah ditetapkan sebagai hub.

Bagi membolehkan pelabuhan Kota Kinabalu bertindak sebagai *feeder port*, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju memberi pinjaman mudah kepada pelabuhan tersebut bagi meningkatkan lagi kemudahan dan seterusnya produktiviti pelabuhan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelabuhan Kota Kinabalu adalah seperti berikut:

- (i) keperluan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti pelabuhan bagi menggalakkan lebih banyak kapal singgah;
- (ii) mendalamkan kawasan perairan pelabuhan sejajar dengan pelabuhan kapal-kapal; dan
- (iii) keperluan untuk memperluaskan kawasan pelabuhan bagi membolehkan aktiviti-aktiviti berkaitan pelabuhan dijalankan di samping mengurangkan kesesakan.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Apabila kita menyatakan pelabuhan Kota Kinabalu, adakah Yang Berhormat merujuk kepada pelabuhan yang ada sekarang, yang terletak di Tanjung Nipah ataupun di Teluk Sepanggar? Terima kasih. Itu soalan saya yang pertama.

Yang kedua, jika sekiranya pelabuhan di Kota Kinabalu ini hanya akan dibangunkan untuk menjadi *feeder* pelabuhan kepada Bintulu, apakah Yang Berhormat sedar bahawa BIMP-EAGA sekarang ini sudah menyatakan yang Kota Kinabalu itu akan dijadikan sebagai BIMP-EAGA. Sebab itulah, pertengahan negara-negara yang terlibat. Kalau kita letakkan di Bintulu, barangkali itu *a little bit out of the way*. Adakah pihak kementerian akan melihat kedudukan Sabah ini sebagai satu tempat strategik untuk pembangunan maritim untuk keseluruhan kawasan BIMP-EAGA? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pertama, telah saya merujuk kepada pelabuhan di Teluk Sepanggar yang sekarang dapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Yang kedua, memang kita sedar bahawa Sabah akan menjadi hub untuk BIMP-EAGA tetapi itu adalah satu isu yang berlainan, sama ada satu tempat boleh jadi hub maritim, ianya mempunyai beberapa ciri yang penting.

Yang pertama adalah ianya sesuai untuk kita menarik minat *mainline operator* untuk datang. Jadi, kalau sesuatu keadaan dalam sesuatu pelabuhan itu tidak

memenuhi kehendak kapal-kapal, maka *mainline operator* ini boleh berpindah kepada pelabuhan-pelabuhan lain kerana kita di kawasan BIMP-EAGA adalah bersaing begitu hebat dengan port Muara di Brunei yang sedang dibangunkan dengan kerjasama oleh PSA, maka kita haruslah berhati-hati dan kementerian memang menentukan bahawa apa-apa keputusan mengenai kedudukan sesuatu pelabuhan, ianya akan menguntungkan ke seluruh industri maritim kita di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah masa untuk sesi soal jawab.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion tiga ratus tiga juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM28,303,894,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2005, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 Tahun 2004 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.” **[22 September 2004]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Serdang diminta menyambung semula ucapan.

11.03 pagi.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, sumber asli dan galian merupakan hasil tanah kekayaan negara kita sejak dahulu lagi. Negara kita adalah bertuah kerana kita mempunyai bahan sumber asli seperti petroleum dan gas yang banyak dan kaya. Hari ini, surat khabar di *New Straits Times* sudah menyatakan "*Major Oil Discovery Of Sabah*", "*Minyak Ditemui di Luar Pesisir Sabah*". Salah satu contohnya bahawa, begitu kekayaan petroleum yang telah didapati di negara kita ini.

Berdasarkan anggaran pakar, bekalan petroleum dan simpanan gas ini hanya akan dapat dikeluarkan daripada bumi kita dalam tempoh tertentu sahaja. Sebagai rakyat negara ini, kita amat peka terhadap perkara ini memandangkan sumber ini bukan sahaja memberikan sumbangan ekonomi yang penting tetapi juga merupakan antara nadi pembangunan negara kita. Untuk perkara ini, sumber ini perlu diuruskan dengan penuh cermat dan berhati-hati bagi membolehkan hasilnya dapat dinikmati oleh negara. Adalah baiknya jika pihak kerajaan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang jumlah simpanan petroleum dan gas yang terdapat dalam negara kita ini.

Berapakah jumlahnya dan berapa jumlah hasil yang akan dapat diperolehi oleh kerajaan daripada hasil sumber asli ini? Saya percaya, pada keadaan harga minyak dunia yang berada dalam tahap yang tertinggi sejak suku tahun yang lalu, hasil daripada penjualan sumber asli yang terbabit sudah tentu akan menyumbang sedikit sebanyak pendapatan kepada kerajaan dari segi cukai. Daripada hasil ini, kerajaan dapat memperoleh sejumlah tanah bagi menampung program pembangunan negara semasa merancang dan merangka Rancangan Malaysia Kesembilan nanti, agar cadangan dan senarai tinggi projek-projek tertentu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional akan dapat dimasukkan ke Rancangan Malaysia Kesembilan untuk dinikmati oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Pelajaran....

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tuan bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Serdang. Bercerita tentang gas petroleum di negara kita ini dan Yang Berhormat tadi menyebut laporan akhbar hari ini menyatakan bahawa ada lagi penemuan baru telaga minyak di negeri Sabah yang begitu besar. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa negeri-negeri pengeluar minyak di Malaysia ini termasuklah Terengganu, Sabah dan Sarawak ini adalah di antara negeri yang kurang maju dan ramai penduduknya yang miskin.

Yang Berhormat tadi bercerita tentang bagaimanakah industri ini, komoditi ini dapat membantu rakyat tetapi, di negeri Sabah kesan daripada industri petroleum ini belum lagi dirasakan dan adakah Yang Berhormat bersetuju jika sekiranya kerajaan akan meletakkan industri-industri petroleum di tanah besar Sabah dan bukan hanya di Labuan seperti yang dilaporkan dalam akhbar hari ini, supaya rakyat di Sabah menikmati nikmat daripada petroleum ini, bukan sahaja dari segi kerajaan tetapi juga dari segi peluang-peluang perniagaan. Sila Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Yap Piau Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak dapat dijawab, hanya boleh mendapat jawapan dari Jabatan Perdana Menteri pada minggu hadapan. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengatakan bahawa Kementerian Pelajaran akan menimbangkan agar mengkaji semula terhadap SJK(C) dan SJK(T) yang masih dikategorikan sebagai Sekolah Bantuan Modal ke Sekolah Bantuan Penuh.

Saya mengalu-alukan pengumuman ini daripada pihak Kementerian Pelajaran tentang kajian semula sistem pendidikan ini. Langkah ini merupakan pandangan jauh dan komitmen daripada pihak kerajaan dalam menyelesaikan masalah pembangunan pendidikan negara. Pihak kerajaan menyedari kepentingan pendidikan dalam jangka masa panjang dan perkara ini tidak berkaitan dengan politik, agama mahupun perkauman.

Langkah ini adalah penting memandangkan ini tidak munasabah bagi kerajaan untuk meneruskan pemberian bantuan berlandaskan kepada dua sistem kerana ia hanya akan memberikan tanggapan bahawa hanya sekolah tertentu yang boleh mendapat bantuan penuh manakala yang lain tidak layak, walaupun Kementerian Pelajaran mempunyai kriteria dan syarat yang ditetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yen Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang. Saya amat tertarik di mana tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa Kementerian Pelajaran ada cadangan untuk menukarkan Sekolah Bantuan Modal kepada Bantuan Penuh tetapi dalam suasana sekarang ini ada pihak-pihak tertentu mereka ada kesangsian bahawa Kementerian Pelajaran mungkin memberikan syarat-syarat tertentu sebelum pemindahan ini berlaku. Adakah Yang Berhormat sedar dan bersetuju dengan saya bahawa kalau pertukaran ataupun pemindahan ini berlaku tanpa syarat, iaitu kita mesti memberikan satu perkhidmatan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat minta pendekkan sebab masa Yang Berhormat bagi Serdang.

Tuan Lau Yen Peng: Okey. Yang Berhormat setuju atau tidak bahawa kementerian boleh membuat pemindahan ini tanpa syarat, kerana ini adalah penting untuk perpaduan dan juga kesejahteraan masyarakat majmuk di negara ini.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Oleh kerana pengumuman Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini masih belum mendapat apakah kriteria yang telah dijalankan untuk mengkaji semula sistem ini. Maka kita tunggulah sampai ke tahap itu, maka kita tidak ada tanggapan atau tafsiran yang tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara ini adalah tidak baik memandangkan kerajaan tetap akan dilihat sebagai menganaktirikan sekolah tertentu sedangkan pendidikan merupakan perkara asas untuk semua rakyat yang berhak untuk mendapatkan bantuan dalam proses pembelajaran mereka.

Dalam Akta Pendidikan sedia ada, pelaksanaan dasar pendidikan kini adalah meliputi semua aliran pendidikan termasuk SJK(C), SJK(T) dan Sekolah Rendah Kebangsaan di negara kita. Lagi pun SJK(C), SJK(T) dan SRK merupakan tempat rakyat negara kita mendapatkan pendidikan mereka yang tidak terhad kepada sesuatu kaum.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh di SJK(C) lebih 70,000 pelajar adalah terdiri daripada kalangan bukan Cina dan jumlah ini merupakan satu jumlah yang besar dan semakin bertambah. Bilangan pelajar bukan cina yang ramai di SJK(C)

sebenarnya boleh dikatakan disebabkan oleh beberapa fakta. Ini termasuk fakta seperti pelajar yang menuntut di SJK(C)...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Yap Pian Hon: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung

Dato' Yap Pian Hon: mempunyai kelebihan daripada segi penguasaan ilmu seperti kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa. Masyarakat Malaysia berasa bangga kerana seorang pelajar keturunan bangsa Melayu yang mendapat pendidikan aliran SJK(C) dengan fasih bertutur dalam bahasa Mandarin telah diterima masuk ke Peking Universiti, di Beijing yang terkemuka di dunia untuk melanjutkan pelajarannya. Kejayaannya ini bukanlah "*isolated case*" dengan izin sedangkan ramai pelajar bangsa Melayu di dalam negara kita fasih bertutur bahasa Mandarin kerana mereka mendapat pendidikan di SJK(C) dan seterusnya ke Pusat pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, semoga Sistem Bantuan Penuh dan Bantuan Modal dapat disatukan dan dijadikan kenyataan supaya bentuk Bantuan Modal ditukar kepada Bantuan Penuh bagi mengelakkan sebarang pertikaian lagi dalam sistem pendidikan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga mendesak kepada Kementerian Pelajaran agar Sistem Bantuan Satu Ringgit dengan Satu Ringgit (*Dollar to Dollar*) untuk membantu SJK(C) yang digariskan sebagai Bantuan Modal semasa kutipan Tabung Bangunan Sekolah yang diamalkan dahulu dapat ditunaikan semula. Melalui sumbangan Satu Ringgit dengan Satu Ringgit SJK(C) yang digariskan sebagai Bantuan Modal akan menerima manfaat sekali gus membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap aspek pendidikan di negara ini. Masyarakat Malaysia amat menghargai bantuan kerajaan ini terutamanya bagi mendapatkan kemudahan yang mencukupi bagi memberi anak-anak kita mendapat pelajaran dengan sempurna.

Bagaimanapun sumbangan Satu Ringgit dengan Satu Ringgit telah diberhentikan beberapa tahun ini. Masyarakat Malaysia amat berharap bahawa Kementerian Pelajaran akan menyambung semula sumbangan bantuan ini berdasarkan ekonomi negara kita bertambah kukuh dan terdapat keperluan mendesak untuk sumbangan bantuan ini diteruskan sehingga sistem pendidikan dikaji semula. Pihak Kementerian Pelajaran telah menyatakan dalam Dewan ini pada 20 Julai 2004

bahawa bagi sekolah-sekolah yang diisytiharkan tidak selamat oleh JKR, kementerian akan bertindak untuk merobohkan bangunan berkenaan dan menggantikan dengan bangunan yang baru. Tambahan pula, Yang Berhormat Menteri Pelajaran juga menyatakan dalam Dewan ini ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa.

Dato' Yap Pian Hon: Sikit sahaja. Pada 6 September 2004 bahawa sehingga Julai 2004, JKR telah mengenal pasti bahawa 48 buah sekolah rendah yang mempunyai komponen-komponen bangunan yang tidak selamat di seluruh negara dengan 39 buah sekolah kebangsaan, tujuh buah SJK(C) dan dua buah SJK(T). Saya percaya di antara satunya SJK(C) Serdang Baru 1, di mana pihak JKR melalui suratnya yang bertarikh 19 Oktober 2001 telah mengesahkan bahawa Bangunan JKR 1197 telah uzur dan tidak sesuai untuk pembelajaran, dan disyorkan supaya bangunan itu dirobohkan dan dibina dengan bangunan yang baru.

Saya yakin bahawa keselamatan dan keselesaan murid-murid di sekolah-sekolah dapat diberi keutamaan oleh pihak kerajaan tanpa mengira lokasi sama ada di bandar, luar bandar atau di kawasan-kawasan pedalaman dan tanpa mengira sekolah kebangsaan, SJK(C) atau SJK(T) dengan tidak membezakan sekolah Bantuan Penuh dan Bantuan Modal juga dimasukkan ke kategori yang sama. Maka saya berharap sekolah yang saya sebutkan dapat dibina semula. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa ramai lagi?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat memang ramai yang memohon hendak berucap. Saya akan cuba, jadi sekarang saya hendak mengingatkan kalau terpaksa menggunakan Peraturan Mesyuarat 37 (2) akan saya gunakan. Jadi, saya tidak akan membenarkan Ahli yang meminta penjelasan kerana ini saya nampak kemungkinan besar masa juga terbuang begitu sahaja. Jadi, saya berharaplah, saya akan cuba beberapa faktor saya akan kira, wakil dari parti ataupun negeri dan sebagainya. Sekarang saya beri kepada seorang wanita, Yang Berhormat bagi Padang Serai.

11.19 pagi

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membentangkan Bajet 2005. Tuan Yang

di-Pertua, saya amat bersetuju dengan empat teras utama yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kewangan dalam Bajet 2005. Keempat-empat teras ini sebenarnya amatlah bertepatan dan keperluan pembangunan negara pada hari ini terutama yang melibatkan pembangunan kesejahteraan rakyat termasuklah di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menetapkan hampir 80% daripada peruntukan bajet ini dengan tujuan utama untuk menyelaraskan dan memantapkan lagi khidmat dan pelaksanaan program pembangunan di peringkat Kerajaan Pusat dan negeri untuk membolehkan jentera pelaksanaan berjalan lancar tanpa masalah.

Sebenarnya kita kena memperakui bahawa pelbagai program telah dicadangkan menerusi bajet-bajet sebelum ini yang mempunyai nilai murni demi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat. Akan tetapi peruntukan yang sebanyak mana pun masih lagi bergantung sepenuhnya kepada kebijaksanaan dan keberkesanan sistem pelaksanaan yang diwujudkan untuk memantau, mengurus dan melaksanakan projek-projek yang dimaksudkan. Setiap tahun juga kita sering mendengar di dalam Dewan yang mulia ini, rintihan dan keluhan wakil-wakil rakyat baik daripada rakan-rakan saya di dalam Barisan Nasional mahupun daripada sebelah sana tentang persoalan kejituan sistem pelaksanaan.

Setiap tahun juga kita dijanjikan oleh kerajaan dengan pelbagai perubahan dan peningkatan untuk memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek mesra rakyat dan yang akan menjadi tunggakan untuk meningkatkan kesejahteraan mereka. Saya amatlah berharap dengan inisiatif Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri Bajet 2005 ini akan menjadi titik tanda permulaan di dalam proses memperkasakan sistem pelaksanaan kerajaan, baik di peringkat Pusat mahupun di peringkat negeri. Ini kerana ia amat penting untuk menentukan projek-projek yang bernilai beratus-ratus juta ringgit yang diperuntukkan ini akan dapat dilaksanakan dengan berjayanya.

Tuan Yang di-Pertua, telah berkali-kali diulangi di dalam Dewan yang mulia ini akan masalah besar yang dihadapi oleh golongan petani negara ini terutamanya pesawah padi. Program pembangunan yang digarapkan setiap tahun seolah-olah tidak mampu untuk memastikan nasib golongan ini akan teruja dan dibela. Seolah-olah tidak terdapat perancangan jitu untuk memastikan hasil padi negara akan dapat ditingkatkan dan pendapatan serta kesejahteraan pesawah padi negara terbela. Bagi

saya terdapat pelbagai halangan untuk pesawah padi negara ini membangun maju. Antaranya ialah tiada satu program besar-besaran yang dapat membangunkan sawah-sawah berkelompok yang banyak terdapat di negara-negara maju. Kebanyakan daripada tanah sawah di negara ini dimiliki oleh usahawan dan pesawah kecil dan oleh sebab jumlah hasilnya yang agak kecil mereka sering kali terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi. Lebih-lebih lagi di waktu sekarang bila mana harga barangan semakin meningkat. Untuk menjadikan sebuah negara pengeluar bahan makanan utama dunia, Malaysia perlulah terlebih dahulu merevolusikan konsep pertanian yang ingin dilaksanakan di negara ini dan menjurus kepada usaha sama dan kerjasama di kalangan golongan petani untuk menjayakan program ini.

Kita dapat melihat di negara Barat misalnya, petani-petani mereka menubuhkan *conglomerate* dan usaha sama untuk meningkatkan nilai harta tanah mereka, dalam konteks ini memperbesarkan ladang-ladang mereka dengan usaha sama untuk mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan hasil dan seterusnya menambah pendapatan yang akan dikongsi bersama selepas hasil tuaian mereka dijual. Kita wajar meneliti dan mungkin mencontohi konsep ini. Ini kerana buat masa ini pesawah dan petani terutamanya golongan berpendapatan rendah luar bandar hanya memiliki tanah sekangkang kera sahaja dan mereka menghadapi masalah untuk meningkatkan pengeluaran hasil tanaman dan kos yang meningkat.

Saya mencadangkan kerajaan mengambil inisiatif untuk menubuhkan kerjasama dan muafakat ini dengan menggerakkan koperasi dan juga syarikat usaha sama di kalangan petani. Kerjasama ini boleh dilaksanakan menerusi kerajaan mengambil alih proses dan usaha pembangunan tanah luar bandar ini untuk menyatupadukan tanah dan membesarkan serta menambah nilai tanah, seperti mana yang diluahkan oleh kerajaan di dalam proses pembangunan Tanah Rizab Melayu. Saya ingin menyarankan supaya kerajaan mengambil-alih tanah-tanah ini, tetapi bukannya dengan membayar pampasan kepada pemilik asalnya. Sebaliknya pemilik asal diberikan pegangan ekuiti di dalam syarikat yang akan ditubuhkan untuk membangunkan tanah ini bagi tujuan tanaman komersial dan hasil pulangnya akan dikembalikan di dalam bentuk kewangan, dan dividen yang dibayar oleh syarikat ini kepada pemilik tanah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan beberapa perkara yang begitu lama masih lagi tidak dapat diselesaikan. Satu

daripadanya ialah berkenaan dengan masalah projek-projek terbengkalai. Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa seperti yang banyak kali telah disebutkan masih terdapat 122 projek terbengkalai yang belum lagi dipulihkan, dan saya hendak menyeru kepada pihak kerajaan supaya mengubah konsep ataupun struktur SPNB. Sebenarnya SPNB ditubuhkan untuk mengatasi masalah terbengkalai. Tetapi malangnya tujuan yang utama ini telah dialihkan kepada tujuan-tujuan lain. Misalan membina rumah-rumah mesra rakyat dan sebagainya.

Saya hendak minta supaya SPNB balik kepada tujuan asalnya iaitu memulihkan projek-projek terbengkalai. Kita lihat bahawa mangsa-mangsa yang terlibat dalam projek terbengkalai ini begitu kasihan sekali, mereka tidak mempunyai rumah selepas beberapa tahun dan mereka terpaksa menanggung lagi sewa-sewa dan juga *interest* yang perlu mereka bayar kepada bank. Jadi saya mintalah supaya kerajaan kaji semula sebab untuk rumah-rumah mesra rakyat kita boleh agihkan kepada syarikat-syarikat swasta untuk membinanya dengan bantuan daripada pihak kerajaan. Jadi tidak payahlah kita bersaing dengan syarikat-syarikat perumahan, dan di sini saya juga ingin meminta penjelasan daripada pihak kerajaan berapa banyakkah rumah yang telah diagihkan kepada ibu tunggal yang boleh mendapat 20% diskaun. Saya ingin mendapat sedikit maklumat sebab kita selalu sahaja dengar rintihan bahawa ibu tunggal ini tidak dapat membeli rumah-rumah yang sedemikian, dan saya mengucapkan syabas kepada kerajaan yang begitu prihatin sekali yang ingin membina 100,000 rumah mampu milik.

Di sini saya hendak cadangkan bahawa sistem ataupun kaedah IBS yang kita menggalakkan bolehkah kita *standardize*? Misalan saya difahamkan oleh pihak-pihak pemaju bahawa masalah yang timbul ialah kerana kos ini yang menyebabkan tidak ada *standardization*. Seperti yang terdapat di Singapura kita dapati bahawa rumah-rumah yang mereka bina semuanya *standardize* daripada tingkap, pintu, tangga, bilik air, semuanya adalah *standardize*. Jadi untuk kilang-kilang yang mengeluarkan bahan-bahan ini mereka boleh mengeluarkan dengan kos yang lebih rendah, jadi dengan kekurangan kos ini dapatlah kerajaan membina lebih lagi rumah untuk rakyat yang memerlukannya.

Jadi saya mintalah supaya pihak kerajaan meneliti ataupun melihat berkenaan dengan keadaan yang terdapat di Singapura. Saya difahamkan tangga pun mereka boleh buat pasang siap, semua *standardize*, jadi tidak menimbulkan banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah-masalah perundangan, jadi saya begitu sedih, dan banyak juga persatuan wanita berkenaan dengan kes di mana seorang bapa merogol anaknya, tetapi telah dibebaskan kerana dari segi teknikaliti, iaitu mangsa tidak mengingatkan tarikh-tarikh yang sebenarnya perbuatan itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut bertimbang-rasa dan memahami keadaan yang sebenarnya semasa seseorang itu dirogol, tekanan jiwa yang dia hadapi, walaupun dia cuba sedaya-upaya untuk melupakan apa yang berlaku. Jadi kita patut mengambil simpati tentang keadaan yang sebenarnya dan kita sepatutnya memastikan undang-undang yang sedia ada menunjukkan boleh melakukan keadilan kepada mangsa-mangsa ini. Saya difahamkan bahawa A-G kita telah membuat kenyataan bahawa kalau ini berlaku, maka banyak lagi kes-kes terpaksa ditarik balik. Ini adalah satu keadaan yang begitu tidak adil kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Jadi, di sini saya merayu dan meminta supaya kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membaiki ataupun mengamendlah mana-mana undang-undang yang perlu untuk memastikan keadaan yang sedemikian tidak berlaku lagi dan bahawa keadilan mesti diadakan dengan seadil-adilnya. *Justice must be seen to be handed down*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mintalah supaya kes ini dipandang serius. Kita tidak mahu perkara ini berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat lagi undang-undang yang tidak begitu konsisten dengan saranan kita, terutama Yang Amat Berhormat supaya *gender equality* ini dapat dilaksanakan dengan seadil-adilnya. Masih terdapat undang-undang kita di mana apabila seorang anak yang umurnya kurang daripada 21 tahun, mereka perlu mendapat kebenaran untuk mendaftar perkahwinan mereka yang emak ataupun ibunya tidak dapat menandatangani borang itu, hanya bapa, bapa sahaja seperti yang asal. Jadi, kita terima kasih kepada kerajaan sebab banyak undang-undang yang tidak adil kepada pihak golongan wanita telah diamendkan tetapi masih terdapat lagi segelintir yang mungkin tercicir ataupun terlepas pandang oleh kementerian yang berkenaan. Jadi kita minta supaya perkara ini dapat diteliti dan diperbaiki.

Satu lagi ialah berkenaan dengan masalah *Real Property Gain Tax*. Saya difahamkan bahawa seumur hidup kita, kita boleh dapat pengecualian untuk dilepaskan daripada *Real Property Gain Tax* ini sekali dalam seumur hidup kita. Tetapi saya difahamkan bahawa kalau seseorang wanita itu sebelum dia berumah tangga dan

dia tidak menggunakan pengecualian ini dan selepas dia berumah tangga dan didapati bahawa suaminya telah pernah pada masa dahulu telah gunakan peluang pengecualian ini, maka wanita ini, si isteri ini, tidak akan dapat peluang yang sepatutnya.

Tetapi sebaliknya kalau isteri yang sudah gunakan dan suami belum, suami masih boleh mendapatkan pengecualian ini. Ini juga dari segi

Dr. James Dawos Mamit: Saya setuju. [*Berjalan menuju ke tempat duduk*]

Puan Lim Bee Kau:syarat-syarat ini memang tidak begitu adil kepada pihak wanita. Jadi, saya minta supaya perkara ini juga dipandang serius sebab untuk memastikan *gender equality* akan sampai ke tahap yang diperlukan, kita mesti pastikan semua syarat ataupun undang-undang begitu adil sekali, tidak memihak ataupun tidak bias kepada mana-mana *gender*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di sini berkenaan dengan masalah kaunselor. Kaunselor yang terdapat di sini saya dapati bahawa pendaftaran kaunselor ialah 162 sahaja di Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Ini memang tidak mencukupi. Kita lihat bahawa masyarakat kita sekarang dengan begitu *expose* kepada semua jenis tekanan, banyak memerlukan kaunselor-kaunselor yang berkualifikasi yang penuh.

Tetapi kita dapati bahawa kalau daripada syarat yang diperlukan, iaitu mereka mesti mempunyai ijazah dan juga sekian berapa banyak jam yang telah mereka membuat kaunseling, ramai yang begitu lama sudah membuat kerja ini tidak dapat ataupun tidak *qualify* dalam golongan ini. Di sini saya hendak cadangkan supaya ada dua *tier*, iaitu *tier* yang pertama mungkin seperti yang diperlukan oleh kementerian. Tetapi kita juga boleh lihat *social workers* yang begitu ramai terdapat di masyarakat kita dan banyak di NGOs ini, mereka juga boleh didaftarkan tetapi mungkin dengan *tier* kedua dan semuanya. Itu satu cadangan yang saya harap kementerian boleh melihat dan juga membantu supaya mereka ini secara *official* boleh memainkan peranan mereka untuk membantu masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu kagum dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang betul-betul dan begitu ikhlas ingin memperbaiki *delivery system* kita. Saya berharap bahawa semua pihak yang berkenaan akan memandang serius. Kadang-kadang kita lihat bahawa walaupun kita faham sistem yang wujud itu

adalah suatu sistem yang begitu lama wujud, bukan senang, tetapi *every change will begin with the first step*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya haraplah untuk kebaikan negara dan rakyat kita, semua pihak akan memainkan peranan terutama sekali daripada pentadbir-pentadbir. Kita sebagai *politician*, kita harap sangat kepada *mindset change* daripada pegawai-pegawai sekalian supaya kita dapat memberikan perkhidmatan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulunglah.

Puan Lim Bee Kau: yang lebih sempurna kepada rakyat. Jadi, dengan kata-kata demikian, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

11.37 pagi.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian di dalam Perbincangan Bajet 2005. Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih rakyat, khususnya di kawasan Bukit Mas kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia di atas komitmen dan usaha gigih untuk membangun negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 September lepas merupakan bajet yang pragmatik dan mesra rakyat, oleh itu ia disambut dan diterima baik oleh rakyat jelata. Apa yang penting, Tuan Yang di-Pertua, hasrat dan cita-cita kerajaan yang lahir daripada impian dan kehendak rakyat, yang sudah merdeka selama 47 tahun untuk melihat khususnya di kawasan-kawasan yang kurang maju seperti luar bandar, mendapat pembelaan dan pembangunan yang seimbang, selaras dengan Wawasan 2020.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan Pusat agar dapat menyalurkan peruntukan yang besar dan mencukupi bagi pembangunan di kawasan atau negeri-negeri yang kurang maju. Contohnya, di negeri Sarawak yang begitu luas kawasannya serta penempatan penduduk yang bertaburan di seluruh

pelosok negeri itu, tentu sekali memerlukan perhatian khusus atau untuk mendapatkan bantuan kewangan yang mencukupi bagi pembangunan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, yang tidak kurang penting apa yang diperuntukkan di dalam bajet yang telah dibentangkan, yang merupakan projek-projek kerajaan harus dilaksanakan dengan jayanya pada tahun semasa. Ini akan memastikan rakyat dapat manfaat daripada perancangan dan bantuan pihak kerajaan. Apa pun masalah dan halangan terhadap pelaksanaan projek-projek harus diatasi secepat yang boleh supaya tidak menjejaskan imej kerajaan dan merugikan rakyat.

Pihak pelaksana harus mengelakkan peruntukan projek daripada *direvoke*, dengan izin, disebabkan pelaksanaan tidak dapat dijalankan pada tahun semasa kerana ini bererti menggunakan peruntukan kewangan tahun yang berikutnya, walaupun projek asal itu terlaksana.

Sehubungan ini, saya ingin tahu berapakah projek yang terpaksa *direvoke* bagi tahun 2001 hingga 2003 di Sarawak dan berapakah jumlah peruntukan yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan dan integrasi di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini merupakan perkara penting. Apalah maknanya sesebuah negara merdeka mencapai tahap pembangunan yang tinggi jika rakyat dalam negara berkenaan tidak ada perpaduan yang akhirnya boleh menggugat kestabilan dan kemakmuran yang telah dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, kepentingan perpaduan dan cintakan Malaysia haruslah diserap di dalam jiwa dan sanubari setiap rakyat Malaysia khususnya golongan muda pada hari ini. Untuk tujuan memupuk perpaduan dan integrasi, saya menyokong cadangan untuk membuka semula perkhidmatan Feri Malaysia yang telah diberhentikan beberapa tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian sebagai punca hidup kebanyakan rakyat Malaysia, diharap dapat membawa perubahan yang besar, meningkatkan kehidupan masyarakat petani, nelayan dan penternak. Di Sarawak khasnya, saya tidak melihat banyak perubahan malah disebabkan cara tradisi yang masih diamalkan tidak mendatangkan banyak hasil, maka ramai petani yang kurang memberi perhatian untuk memajukan ladang mereka. Ini juga disebabkan kurang penyertaan daripada anak-anak muda kerana tumpuan mereka adalah untuk mencari pekerjaan di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar mencorak langkah untuk membawa perubahan dan

memodenkan pertanian khasnya di Sarawak supaya hasil usaha para petani dapat meningkat dan dengan itu dapat menarik minat ramai lagi yang melibatkan diri dalam bidang pertanian dan secara tidak langsung mengurangkan kemasukan hasil pertanian luar negara serta mengurangkan pengaliran wang keluar.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kawasan Parlimen saya Bukit Mas, khasnya Bario dan Ba'Kelalan, mendapat liputan media yang meluas berikutan berlakunya kemalangan helikopter yang membawa maut kepada bekas wakil rakyat DUN D.62 – Ba'Kelalan, mendiang Yang Berhormat Datuk Dr. Judson Sakai Tagal dan enam orang yang lain, terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak. Tujuan lawatan mereka ke kawasan itu adalah untuk meninjau dan mengkaji kemungkinan untuk membawa bekalan elektrik ke kawasan Bario, Ba'Kelalan, Long Semado dan lain-lain yang belum mendapat kemudahan itu. Saya mohon dan merayu kepada kerajaan supaya melihat keperluan rakyat di kawasan tersebut dari segi bekalan elektrik. Besar kemungkinan ianya dapat dijanakan melalui pembinaan mikro-hidro dan pembinaan jalan raya yang dapat menghubungkan Ba'Kelalan, Long Semado dan Bario dengan Lawas menjadi keutamaan dan realiti.

Sehubungan dengan kemalangan yang telah berlaku, saya bagi pihak keluarga mendiang Yang Berhormat Datuk Dr. Judson yang terkorban bersama-sama dengan enam orang kawan dalam nahas helikopter berdekatan Bario pada 12 Julai yang lalu menyampaikan ucapan terima kasih kepada kerajaan, pihak polis, tentera, Bomba, Kementerian Kesihatan serta lain-lain pihak yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamatkan mangsa.

Disebabkan operasi yang dijalankan memakan masa yang lama, lebih 10 hari barulah mangsa dan helikopter yang terhempas dapat dikesan, terdapat komen daripada orang ramai tentang kemampuan pasukan penyelamat kita dan keberkesanan alat-alat pengesan yang diguna pakai dalam operasi itu. Sekiranya alat-alat tertentu tidak dapat mengesan dengan jelas dan tepat benda-benda yang dicari itu, maka dicadangkan agar alat-alat tersebut diganti dengan yang lebih moden dan canggih untuk memudahkan operasi sekiranya berlaku kejadian yang seperti ini pada masa-masa akan datang dan di samping itu memberi imej yang baik berhubung kemampuan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini, hasrat dan harapan rakyat di Bukit Mas mengenai projek-projek yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, cadangan lapangan terbang baru di Lawas. Daerah Lawas, yang terletak di utara hujung Sarawak, terhalang atau putus perhubungan secara terus dengan kawasan-kawasan lain di Sarawak kerana terletak di tengah-tengah wilayah Brunei Darul Salam dan negeri Sabah. Bagi rakyat Lawas mengharapkan perkhidmatan pengangkutan *Twin Otter* yang beroperasi sekarang memang tidak mencukupi, lebih-lebih lagi untuk masa depan rakyat dan Daerah Lawas yang kian pesat membangun.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Disebabkan itu, ramai penduduk Lawas termasuk pelawat-pelawat dan pelancong yang keluar masuk Lawas, menggunakan Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, apabila datang ke Parlimen menumpang atau menggunakan penerbangan daripada Kota Kinabalu kerana lebih mudah mendapat *seat* penerbangan terus dan kapal terbang yang besar. Saya berharap kawan-kawan kita di Sabah tidak akan menghalang kami daripada Lawas untuk terus menggunakan kemudahan yang baik dan selesa di Sabah dan saya mengucapkan terima kasih kepada mereka. [*Ahli-ahli Barisan Nasional Sabah menyuarakan sokongan*] Untuk merealisasikan cadangan pembinaan lapangan terbang baru di Lawas, satu kawasan yang sesuai telah pun dikenal pasti dan saya berharap pertimbangan yang sewajar dapat diberi terhadap cadangan ini.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, permintaan rakyat untuk pembinaan jambatan di Sungai Terusan. Sekarang ini pengguna-pengguna jalan *Highway Pan-Borneo* menghadapi masalah dan kesulitan menyeberangi Sungai Terusan dengan feri yang disediakan oleh pihak swasta kerana *sand bar*, dengan izin, yang terdapat di sana semakin membesar. Dengan terbinanya jalan Persekutuan yang ada sekarang, rakyat jelata, termasuk pelancong-pelancong, tetap menggunakan jalan raya ini dan menjadi tanggungjawab pihak yang berwajib untuk menentukan kemudahan disediakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan pihak Kementerian Kerja Raya sebelum ini yang menyatakan pembinaan jambatan di Sungai Terusan harus menunggu penyelesaian masalah sempadan dengan negara Brunei Darul Salam tidak dapat diterima rakyat, kerana apalah maknanya *Pan Borneo Highway* yang ada sekarang tanpa penghubungnya, iaitu jambatan di Sungai Terusan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sungai Terusan terletak dalam wilayah Sarawak sejauh lebih kurang empat kilometer dari sempadan Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di daerah Limbang yang terdiri daripada kaum Melayu Brunei, Kadazan, Cina, Bisaya, Iban, Kelabit, Lunbawang, Tabun dan Penan, ingin melihat kawasan DUN N.60 – Limbang dibahagikan menjadi dua kawasan DUN. Ini akan memberi peluang dan memudahkan wakil rakyat di kawasan berkenaan memberi perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kepada kawasan yang diwakili. Dengan terbahaginya kawasan DUN N.60 – Limbang seperti dicadangkan menjadi dua kawasan maka dicadangkan agar diwujudkan satu kawasan Parlimen baru yang berasingan untuk kawasan Limbang dan Lawas, masing-masing menjaga dua buah kawasan DUN.

Ini disebabkan daerah Limbang dan Lawas terpisah oleh daerah Temburung, Brunei dan perhubungan agak susah. Selain itu, kawasan Parlimen Bukit Mas yang mengandungi keseluruhan daerah Limbang dan Lawas seluas 7,790 kilometer persegi tidak termasuk kawasan Bario dan Long Lelen sebahagian daripada daerah Merudi, Baram.

Masalah perhubungan menjadi sukar apabila membuat lawatan ke kawasan Bario dan Long Lelen, terpaksa turun ke Miri dahulu dan dari Miri mengambil *flight* ke Bario atau Long Lelen. Jika melawat Ulu Limbang terpaksa menggunakan bot dan jalan balak, sementara ke kawasan Ba'kelalan, Long Semadun, Long Sukang juga menggunakan jalan balak memakan masa lima hingga lapan jam bergantung kepada keadaan cuaca.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Cheras.

11.51 pagi.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada saya tidak ada yang menakjubkan dalam Bajet 2005. Peruntukan bajet tahun hadapan saya mendapati ada sedikit pertambahan daripada Bajet 2004. Kalau 2004 peruntukan

yang disediakan ialah RM112.5 bilion, maka pada tahun 2005, ia bertambah sedikit menjadi RM117.4 bilion.

Berbanding dengan anggaran hasil yang tidak pernah melebihi perbelanjaan tahunan seperti tahun-tahun sebelumnya, kali ini ada peningkatan hasil iaitu RM99 bilion, sedangkan tahun 2004 ialah RM95.6 bilion. Sekali lagi negara kita dibentangkan dengan bajet defisit iaitu 3.8% bagi tahun 2005 berbanding 3.3% pada tahun 2004 dan 5.4% bagi tahun 2003.

Dalam bahasa yang mudah, Kerajaan Malaysia sentiasa berhutang untuk menampung perbelanjaan tahunannya. Ia bukan sesuatu yang memalukan kerana Kerajaan Amerika Syarikat pun menghadapi hal yang mana jika tidak ekonomi dunia turut terjejas jika Kerajaan Amerika menurunkan defisit dengan banyak.

Pada saya, negara kita patut mencontohi Singapura sebagai negara pulau yang paling kecil di Asia Tenggara, tetapi mereka menerajui ekonomi negara dengan baik. Pada Jun 2004, Kerajaan Singapura mempunyai *reserve* antarabangsa sebanyak USD101,064.3 juta, tetapi *reserve* Malaysia adalah cuma USD44,736.8 juta sahaja meskipun negara kita besar dan mempunyai pelbagai sumber ekonomi.

Mesej pertama saya ialah kita kena belajar dari negara lain bagaimana cara terbaik mengurus ekonomi. Jangan pandai mencari salah dan memperbesarkan isu titik bingit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan nampaknya seperti bermain silap mata dalam mengagihkan peruntukan Bajet 2005. Selagi negara kita mengutamakan perkhidmatan hutang negara tahun 2005 sebanyak RM13.32 bilion ataupun 11.3%, selagi itulah kita tidak dapat lari daripada menghadapi defisit bajet dan terpaksa membelanjakan peruntukan dalam lingkungan 90% sahaja.

Walau bagaimanapun, kerajaan patut dipuji kerana mengutamakan subsektor pendidikan negara bilamana peruntukan berjumlah RM24,049.3 juta disediakan mengatasi subsektor lain dan menjadikan sektor sosial mendahului sektor lain. Akan tetapi saya tidak berpuas hati dengan Kementerian Pelajaran yang mendapat peruntukan tertinggi, namun hanya mampu membina 85 buah sekolah menengah, 45 buah sekolah rendah, 7 buah sekolah berasrama penuh dan 32 buah asrama baru bagi sekolah harian.

Nampaknya permintaan kami supaya dibina lebih banyak sekolah menurut permintaan dan gesaan terutama dalam bandar tidak ditunaikan oleh kerajaan seperti

yang dijanjikan dalam pilihan raya umum. Taburan pembinaan sekolah baru banyak tertumpu dalam kawasan baru walaupun kurang permintaan. Dasar membina sekolah dengan tidak mengikut keperluan dan permintaan tidak dapat diterima oleh rakyat, sebaliknya melambangkan sikap tidak bertolak-ansur kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2005 mencatatkan bahawa petroleum menyumbang RM24,123 juta kepada hasil kerajaan, yang mana cukai pendapatan petroleum sebanyak RM11,274 juta akan dikutip akibat kenaikan harga minyak dari USD35 setong dalam tahun 2003 kepada USD37 setong dalam tahun 2004, duti eksport minyak sebanyak RM1,576 juta, royalti minyak dan gas RM2,575 juta, pendapatan daripada kegiatan cari gali minyak dan gas sebanyak RM98 juta serta dividen Petronas sebanyak RM8,600 juta.

Anggaran hasil petroleum 2005 lebih tinggi iaitu RM24,123 juta daripada hasil petroleum dan pada 2004 iaitu RM23,291 juta. Ini bererti terdapat anggaran lebihan hasil petroleum hampir RM1 bilion dan ini menggambarkan bahawa Petronas mendapat faedah dari kenaikan harga petrol. Malangnya kita tidak diberitahu berapakah pendapatan Petronas yang sebenar.

Perdana Menteri ada membayangkan bahawa kenaikan harga petroleum adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan kerajaan tidak berupaya untuk menanggung subsidi minyak sebanyak RM10.7 bilion setahun. Saya ingin membantah keras jika kenaikan harga ini dipikulkan ke bahu pengguna Malaysia. Kenaikan petrol dijangka naik melebihi RM2 seliter dari harga sekarang iaitu RM1.37 seliter.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mesti memikul kenaikan harga petrol kerana ia akan memberikan kesan yang besar ke atas ekonomi terutama perniagaan kecil. Sebagai contoh, kenaikan setiap 10 sen, kos syarikat pengangkutan akan naik sebanyak 4% hingga 5%. Adakah ini bajet untuk golongan kecil jika harga petrol naik? Saya pasti Petronas berupaya menanggung kos subsidi minyak RM10.7 bilion ini jika negara kita hendak mengekalkan harga petrol pada kadar sekarang.

Jika tidak, negara kita tidak dapat mengekalkan *deficit Budget 2005* pada RM17.7 ataupun 3.8% daripada KNK. Sudah terdapat permintaan daripada syarikat teksi supaya kerajaan membenarkan mereka menaikkan kadar tambang. Bagaimana pula sektor yang lain? Rakyat menjadi keliru dengan langkah kerajaan kerana menjadikan Petronas kebal dari ketelusan. Tidak ada rakyat yang mengetahui

kedudukan kewangan Petronas yang sebenar sebagai sesuai dengan langkah ketelusan yang diambil oleh pentadbiran kerajaan sekarang.

Maka Petronas tidak wajar dilindungi lagi dari menghendaknya mendedahkan kedudukan kewangan hasil pendapatan yang diterima. Sebagai salah sebuah negara pengeluar minyak, rakyat Malaysia sepatutnya boleh mendapat faedah dari kenaikan harga petrol dengan membayar harga yang rendah. Apa makna menjadi pengeksport minyak jika kita terpaksa membayar harga minyak yang tinggi seperti negara-negara pengimport minyak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2005 juga menyentuh sektor pertanian dan kerajaan berjanji untuk melaksanakan transformasi sektor ini supaya lebih dinamik. Saya tidak pasti sama ada kerajaan mampu menunaikan janji yang dibuat. Setiap kali bajet dibentangkan sejak bertahun-tahun yang lalu iaitu untuk mencorakkan semula sektor pertanian sebagai jentera ketiga pertumbuhan ekonomi negara selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Apa yang digariskan dalam Bajet 2005 serta bajet terdahulu bahawa objektif bagi menggerakkan dan mencergaskan sektor pertanian ialah untuk menambah pendapatan peladang, pekebun, penternak dan nelayan di samping mengurangkan pergantungan kepada import barang makanan. Menurut jawapan yang saya terima daripada soalan saya di Dewan ini pada Julai tahun ini, sungguh memeranjatkan kerana jumlah nilai import makanan dalam tempoh sebelas tahun kebelakangan sejak 1993 hingga 2003 sentiasa meningkat.

Pada 1993 jumlah import makanan ialah RM5,797 juta. Tahun 1994 - RM6,639 juta dan tahun 1995 meningkat ke RM7,856 juta, 1996 - RM9,063 juta, tahun 1997 meningkat ke RM10,050 juta, 1998 sudah jadi RM10,494 juta dan bagi tahun 1999 meningkat ke RM10,849 juta, bagi tahun 2000 sampai ke RM11,357 juta dan untuk tahun 2001 - RM12,240 juta tahun 2002 - RM12,406 juta dan bagi tahun yang lepas 2003 meningkat ke RM13,900 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1997 kerajaan pernah berjanji selepas krisis kewangan melanda negara, kerajaan akan memperkasakan sektor pertanian dan keluaran makanan tempatan bagi mengurangkan pergantungan kepada makanan import dan setiap tahun berikutnya janji-janji yang sama diulangi. Namun kita mendapati bil import makanan terus meningkat dan menjadi berganda. Apa alasannya yang diberikan oleh kerajaan iaitu ketidakstabilan dan ketidaktentuan kadar tukaran

telah membebaskan Malaysia dari segi simpanan pertukaran wang asing yang telah membawa berlakunya reflasi yang diimport.

Permintaan yang tinggi terhadap makanan membawa peningkatan harga akibat peningkatan pendapatan per kapita mereka dan kesedaran makanan seimbang menyebabkan mereka memilih makanan dan cita rasa. Jika alasan ini boleh diterima apakah usaha yang dijalankan bagi memastikan objektif menambah hasil keluaran pertanian tempatan telah pun dibuat. Saya berani mengatakan usaha yang dibuat tetapi dalam kadar yang tidak memuaskan. Sektor pertanian masih dilihat sebagai sektor yang lembap dan tiada daya saing.

Masalah ini disebabkan oleh tiada tanah pertanian yang cukup. Masalah tanah terbiar seluas 400,000 hektar, tanah pertanian tidak dikerjakan, tidak mengamalkan teknologi moden dan kurang produktiviti. Para peladang kurang modal dan guna tenaga pertanian tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan pertanian yang saya sebutkan ini dapat menunjukkan bahawa sektor pertanian kurang dinamik dan tidak banyak perubahan dan peningkatan. Saya harap dengan Menteri yang baru, sektor pertanian mendapat lonjakan baru. Pertama, komoditi eksport pertanian purata lebih rendah sepanjang tahun 1998 hingga 2003 berbanding dengan komoditi import pertanian.

Contohnya, sayur-sayuran untuk eksport tahun 1998 hanya bernilai RM205,934,000 kemudian meningkat sehingga 2003 bernilai RM391,307,000 manakala sayuran import pada 1998 bernilai RM986,844,000 kemudian meningkat pada 2003 bernilai RM1,176 juta. Contoh lain ialah bijirin dan sediaan bijirin eksport tahun 1998 bernilai RM410,923,000 naik kepada 2003 bernilai RM659,963,000 manakala bijirin import 1998 bernilai RM1,959 juta menurun 2003 menjadi RM1,467 juta tetapi meningkat pula pada 2002 bernilai RM2,644.8 juta. Defisit akaun perdagangan bagi sektor pertanian adalah petunjuk yang tidak baik bagi negara. Apa yang saya faham untuk meningkatkan komoditi pertanian eksport kita tidak boleh bergantung kepada pekebun dan peladang semata-mata kecuali mereka berjaya mengubah sikap dan menguasai kemahiran pertanian komersial.

Saya tidak faham mengapa Bajet 2004, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengadakan tabung makanan berjumlah RM2.3 bilion tetapi tidak ada peruntukan dalam Bajet 2005. Bagaimanakah peruntukan ini telah dibelanjakan dan mengapakah ia diberhentikan. Sebaliknya peruntukan RM1.5 bilion diberikan kepada para pekebun

kecil serta insentif kepada sektor swasta untuk merebut peluang. Saya berharap peruntukan RM1.5 bilion ini tidak dibazirkan dan tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir yang saya ingin menyentuh di sini ialah di bidang pendidikan pula. Kerajaan Barisan Nasional sedang melakukan diskriminasi ke atas rakyat Malaysia berketurunan Cina dan India di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saya berani berkata demikian berdasarkan faktor yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan sekolah rendah di Kuala Lumpur setakat ini mengikut semua jenis sekolah adalah seperti berikut:

Sekolah kebangsaan	-	134 buah;
Sekolah jenis kebangsaan atau SJK(C)	-	40 buah;
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil SJK(T)	-	15 buah.

Jumlah kesemuanya ialah 189 buah sekolah rendah. Ini bererti sekolah kebangsaan ada 7.9%, SJK(C) 21.2% dan SJK(T) 9.9%. Jumlah peruntukan yang disediakan bagi setiap aliran sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah RM276,866,003 dan dari jumlah ini sebanyak RM273,538,000 atau 98.83% untuk sekolah kebangsaan dan bakinya yang merupakan 1.17% untuk SJK(C) dan SJK(T).

Daripada angka tersebut dapatlah kesimpulan dibuat bahawa sekolah kebangsaan yang berjumlah 70.9% mendapat 98.83% dari peruntukan RMK-8 sedangkan SJK(C) dan SJK(T) yang berjumlah 29.1% hanya mendapat 1.17% dari peruntukan RMK-8.

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah hakikat ini menakjubkan Dewan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mendakwa telah melaksanakan kualiti sama rata antara semua aliran sekolah dalam pentadbiran mereka. Tidakkah Kerajaan Barisan Nasional terfikir telah melakukan kezaliman, penindasan diskriminasi pendidikan ke atas rakyat. Lain hulu lain parang, macam juga dahulu seperti juga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sudah termakan janji kosong Kerajaan Barisan Nasional dalam setiap pilihan raya sampailah tahun ini. Kalau melakukan dasar yang saksama adilkah SJK(C) dan SJK(T) hanya mendapat 1.17% sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Tuan Tan Kok Wai: Saya tidak ada masa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Belakang sana, tengok belakang, belakang yang bangun ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Teruskan, teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskanlah Yang Berhormat, ada sedikit masa sahaja lagi.

Tuan Tan Kok Wai: Jumlah peruntukan ini, bererti Kerajaan Barisan Nasional telah gagal mengagihkan peruntukan RMK8 secara adil. Adakah Dewan ini sedar Tuan Yang di-Pertua, untuk beroperasi dan untuk membolehkan pendidikan ibunda diberikan kepada para pelajar, pihak pentadbir SJK(C) bersama guru dan ibu bapa terpaksa bersusah payah mengumpul dalam setiap tahun daripada orang ramai bagi membiayai perbelanjaan sekolah, jika tidak, sudah lama SJK(C) ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita renungkan pula pecahan sekolah yang dibina sepanjang RMK8 di kesemua sebelah kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu sekolah kebangsaan – 33 buah, SJK(T) – sebuah, iaitu di kawasan Parlimen Titiwangsa. Bagi SJK(C) pula – 0, tidak ada sebuah pun SJK(C) dibina dalam mana-mana kawasan Parlimen di Kuala Lumpur. Adakah dasar ini bermakna SJK(C) adalah mencukupi di ibu kota? Saya tidak faham maksud Perdana Menteri tentang *equality* jika kerajaan melaksanakan dasar yang bertentangan semangat dan jaminan perlembagaan tentang pendidikan bahasa ibunda untuk rakyat negara ini.

Saya ingin mengulangi gesaan yang dibuat kepada kerajaan bahawa masalah kekurangan SJK(C) sangat ketara di negara kita terutama di tiga buah negeri iaitu Johor, Selangor dan Kuala Lumpur. Di ketiga-tiga negeri tersebut, sebanyak 124 buah sekolah SJK(C) diperlukan bagi menampung permintaan ibu bapa dan pelajar, dan 103 buah dari jumlah itu diperlukan di Lembah Klang. Ini disebabkan bilangan sekolah yang sedia ada tidak lagi dapat menampung kemasukan pelajar baru. Dengan bilik darjah yang terhad di setiap sekolah, maka setiap tahun kita menyaksikan ramai ibu bapa dan pelajar hampa dan kecewa kerana tidak berjaya memasuki SJK(C) bagi mendapatkan pendidikan ibunda sendiri. Inilah satu perkara yang paling mengecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya umum yang lalu, Kerajaan Barisan Nasional telah pun membuat janji dan saya boleh menunjukkan bukti di sini [*Menunjukkan keratan surat khabar*] iklan dalam surat khabar, penuh muka, yang diiklankan oleh MCA bahawa janjinya iaitu pertambahan enam buah sekolah rendah

Cina di sini kecuali Sekolah Pui Choy 2 di Petaling Jaya yang sedia dibina sebelum janji itu telah dibuat yang pada asalnya ialah untuk sekolah kebangsaan, tetapi kerana permintaannya adalah kecil dan hakikatnya bahawa di Petaling Jaya Utara iaitu di mana letaknya sekolah itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Bilangan sekolah kebangsaan adalah melebihi permintaan, maka bagi tujuan memancing undi, kerajaan mengubah sekolah itu menjadikan SRJK(C) dan hanya sekolah ini yang telah siap sebelum janji dibuat kerana sebab-sebab yang saya tunjukkan tadi. Akan tetapi lima buah sekolah yang lain iaitu Desa Jaya - 2, Ampang - 2, Connaught - 2, Kepong - 3 dan Kuantan Chong Cheng sehingga sekarang yang telah pun melebihi lima tahun. Iklan ini dibuat pada 25 November 1999, hampir lima tahun tetapi tidak terdapat pun sebuah sekolah yang dapat dibangunkan lagi untuk sesi persekolahan pada masa hadapan. Misalnya di kawasan Parlimen Ampang, hanya kerja-kerja tanah yang telah disiapkan beberapa bulan dahulu dan sekarang kerja-kerja pembinaan seterusnya telah terbengkalai. Apakah sebab-sebabnya lima tahun tidak dapat membina sebuah sekolah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Ini menunjukkan semua ini adalah pembohongan oleh MCA dan Barisan Nasional. Saya harap Menteri Pelajaran dapat memberikan satu jawapan yang dapat meyakinkan masyarakat Cina seumpamanya. Kalau Petronas Twin Towers boleh disiapkan kurang daripada lima tahun, saya tidak faham sebuah bangunan sekolah rendah pun tidak dapat disiapkan. Saya minta jawapan yang memuaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup ya.

Tuan Tan Kok Wai: *[Mengangguk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hulu Langat.

12.16 tgh.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hulu Langat, tidak banyak yang akan dikemukakan?

Tuan Markiman bin Kobiran: Sekejap sahaja Tuan Yang di-Pertua kerana selepas ini saya terpaksa ke PWTC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, saya akan bantu awaklah. Bila masa sampai, saya tegurlah.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas ruang yang diberi kepada saya untuk turut terlibat dalam perbincangan dasar berkenaan dengan Bajet 2005 bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan bajet mesra rakyat 2005 bagi menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keperluan semua lapisan masyarakat yang mengharapkan perhatian sama rata daripada pihak kerajaan supaya kepentingan mereka sentiasa diambil berat dari tercicir dari arus perdana pembangunan negara dan seterusnya berkongsi menikmati agihan kemakmuran negara.

Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, saya beranggapan bahawa Bajet 2005 ini memberi banyak kebaikan terutama sekali kepada warga pendidik yang merupakan pihak yang paling bertuah kerana buat pertama kalinya warga pendidik yang cemerlang boleh diberikan opsiyen untuk menikmati peluang kenaikan pangkat tanpa mengorbankan minat mereka untuk terus kekal dalam bidang pendidikan yang diminati di samping pelajar dan pentadbiran sekolah akan terus mendapat sumbangan bakti, kepakaran dan kebolehan yang ada kepada pendidik dan pengetua yang cemerlang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu pendidikan, saya ingin membangkitkan satu perkara berkenaan dengan pembinaan bangunan sekolah di kawasan-kawasan perumahan terutama sekali kawasan-kawasan yang dalam perancangan dan yang akan dibangunkan. Adalah menjadi ketetapan bahawa kegigihan, disiplin dan kesungguhan serta usaha kuat warga pendidik semata-mata tidak akan dapat menjamin kejayaan bagi melahirkan pelajar yang cemerlang, tetapi prasarana sekolah

serta kemudahan sampingan adalah merupakan faktor yang baik yang banyak menentukan kejayaan akademik para pelajar.

'Tuan-tuan dan puan-puan', Tuan Yang di-Pertua.....*[Ketawa] sorry.* Tuan Yang di-Pertua, saya telah dimaklumkan bahawa pihak pejabat perancang di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) ketika meluluskan pembangunan-pembangunan setempat terutamanya di kawasan perumahan telah berusaha sedaya upaya bagi menentukan ruang atau petak tertentu bagi tujuan pembangunan sekolah kerana pihak PBT sedar bahawa keperluan asas bagi setiap pembangunan perumahan juga meliputi keperluan menyediakan tapak sekolah. Saya difahamkan oleh pihak berkuasa tempatan kebanyakan tapak sekolah yang telah dikhaskan oleh pembangunan sekolah ini mendapat tentangan yang hebat daripada pemaju kerana mereka beranggapan bahawa kawasan tersebut sepatutnya boleh dibangunkan untuk tujuan komersial.

Tetapi akhirnya apabila usaha kuat yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan ini tidak langsung mendapat perhatian atau tidak langsung mendapat sokongan daripada pejabat pelajaran daerah atau jabatan pelajaran negeri malah oleh Kementerian Pelajaran sendiri untuk membangunkan sekolah di tapak yang telah dikhaskan. Pihak pemaju dengan usahanya sendiri telah memohon semula tapak itu untuk dijadikan pembangunan komersial ini dan perkara ini telah banyak berlaku terutama sekali di kawasan-kawasan yang berpotensi tinggi di kawasan negeri Selangor.

Saya memohon pihak kementerian untuk bekerjasama rapat dengan pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan bahawa tapak-tapak sekolah yang telah ditentukan ini dapat dibangunkan untuk tujuan pendidikan anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu kedua masih dalam isu pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman, saya dapati bahawa terlalu ramai para guru yang terlibat di dalam aktiviti PIBG secara keterlaluan, tidak dinafikan bahawa guru-guru adalah merupakan tulang belakang kepada aktiviti dan pergerakan PIBG, tetapi ada kalanya penglibatan mereka menjadi keterlaluan akibat daripada usaha gigih yang dilaksanakan oleh PIBG bagi mengisi tabung persatuan ini kerana biasanya pihak sekolah apabila berlaku kekurangan kewangan sehinggalah tujuan memperlengkap peralatan bilik sumber, mengganti bangku yang patah, membina pondok bas, membina wakaf, membiayai pembelian unit-unit *air-condition*, memotong

pokok dan menceriakan kawasan memerlukan tabungan sumbangan dan bantuan PIBG.

Oleh kerana yang demikian PIBG terpaksa menganjurkan berbagai aktiviti-aktiviti bagi mengisi tabung, tidak lain dan tidak bukan tenaga guru terpaksa dikerah bagi menjayakan aktiviti ini bagi mengisi tabung. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, tenaga yang sepatut dicurahkan kepada kemajuan dan kejayaan anak-anak dalam bidang akademik terpaksa diagihkan di antara tugas akademik dengan tanggungjawab penglibatan untuk mengisi tabung PIBG.

Saya ingin mencadangkan bahawa pihak berkuasa atau pihak kementerian menentukan sejumlah tertentu yang memadai bagi tujuan pembangunan di sekolah-sekolah terutama sekali pada sekolah-sekolah rendah di kawasan-kawasan yang kurang mendapat perhatian. Tuan Yang di-Pertua, jika kita serius untuk memastikan kecemerlangan anak-anak di sekolah terutama di sekolah rendah yang begitu daif di kawasan perkampungan misalnya, kita haruslah lebih arif dan lebih peka terhadap keperluan pembangunan terutama sekali keperluan-keperluan yang berkait rapat dengan perkembangan akademik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara berikut yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan program penswastaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang terakhirlah. Yang Berhormat perlu pergi PWTC membuang undi.

Tuan Markiman bin Kobiran: Ya. Saya tidak akan gulung, saya akan teruskan sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, program penswastaan kerajaan adalah dianggap sebagai satu langkah yang bijak bagi mengurangkan beban dalam usaha kerajaan untuk memperhebatkan penyediaan perkhidmatan di samping memberi peluang kepada sektor swasta untuk melibatkan diri dalam tugas pembangunan negara. Tidak dinafikan bahawa idea ini dan tindakan kerajaan untuk menswastakan projek-projek tertentu telah banyak mendatangkan faedah langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan pihak kerajaan terutama sekali badan-badan pelaksana projek penswastaan terdapat pihak-pihak yang telah gagal untuk menghayati idealnya konsep penswastaan ini dengan mengetepikan kepentingan dan keperluan perasaan serta sensitiviti beberapa pihak dalam menentukan kesan langsung kepada pelaksanaan projek ini.

Saya ingin mengambil contoh penswastaaan lebuah raya yang terpaksa melibatkan kawasan-kawasan perumahan di kawasan Hulu Langat. Tuan Yang di-Pertua, terdapat suatu projek penswastaaan dalam kawasan Hulu Langat yang melintasi sekeliling bandar Kajang yang telah melibatkan kawasan-kawasan taman perumahan, telah banyak diperkatakan oleh masyarakat setempat bahawa pihak pelaksana konsesi ini gagal untuk mengambil kira kepentingan masyarakat setempat dalam kawasan di mana jajaran lebuah raya ini telah dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya semua konsesi lebuah raya untuk mengambil pertimbangan supaya lebih *neighbour friendly* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil kira keuntungan melaksanakan projek tersebut dibandingkan dengan perikemanusiaan serta kesusahan yang dialami oleh masyarakat setempat. Tuan Yang di-Pertua, ketika jajaran atau pembinaan lebuah raya itu dirancang adalah lebih supaya pandangan daripada masyarakat setempat berkenaan dengan kesulitan yang akan dialami kewujudan lebuah raya tersebut. Bayangkanlah sekiranya kedua-dua atau tiga taman kemudian dipisahkan oleh pembinaan lebuah raya tersebut di mana mereka berkongsi kemudahan awam seperti padang permainan, surau, masjid, dewan, taman kanak-kanak malah sekolah terpaksa terpisah oleh kerana pembinaan jalan raya tersebut.

Saya ingin mencadangkan supaya pada masa-masa hadapan pihak pengendali lebuah raya ini dapat mengambil kira kemudahan yang telah sedia ada tidak terganggu. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat bahawa pihak Berkuasa Tempatan terutama sekali Majlis-majlis Perbandaran, JKR, JPS, Jabatan Parit dan Saliran serta lain-lain badan tempatan Pejabat Tanah misalnya telah tidak dirujuk berkenaan dengan cadangan tersebut, akibatnya sebagai satu contoh kawasan tapak masjid, kawasan tapak balai raya telah dilanggar untuk tujuan pembinaan lebuah raya ini dan akibatnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Markiman bin Kobiran: Ya, sikit lagi, sikit. Akibatnya menimbulkan bantahan serta mogok daripada penduduk setempat. Saya ingin mencadangkan sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, supaya pembangunan mega ini perlu mendapat rujukan, pandangan terutama sekali daripada penduduk setempat dan pemimpin setempat. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hujung sekali tu, Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

12.17 tgh.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum wbt, salam sejahtera, salam mesra terutama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang mesra rakyat baru-baru ini. Kami di luar bandar terutama dapat merasakan betapa bajet kali ini banyak memberi tumpuan kepada kami, penambahan peruntukan untuk luar bandar juga menggambarkan kepekaan kerajaan dalam mengatasi jurang kemajuan yang terdapat di antara golongan bandar dan luar bandar. Tidak lupa juga dalam peningkatan peruntukan untuk keperluan IT di sekolah-sekolah terutama bagi kami di luar bandar.

Saya yakin ini adalah tindakan yang cepat dan tepat dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menangani masalah jurang digital ataupun dengan izin, *digital divide* di negara ini. Di samping itu penambahan peruntukan kepada guru-guru adalah satu tindakan yang benar-benar bersesuaian terutama buat masa sekarang di mana hari-hari kita mendengar rungutan mengenai masalah berkaitan pelajar dan sekolah. Ini adalah satu pengiktirafan terhadap guru dari kerajaan untuk jasa dan bakti yang telah mereka tabur.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sektor pendidikan, saya ingin menyingkap sedikit mengenai kemudahan-kemudahan pembelajaran bagi kami di luar bandar, khususnya di tempat kami di Kuala Krai. Satu contoh yang amat ketara ialah dari segi penyediaan dan bilangan guru-guru Sains dan Matematik yang mahir mengajar dalam bahasa Inggeris. Saya ingin wakil dari Kementerian Pelajaran untuk memantau sendiri keadaan pembelajaran, subjek-subjek ini di sana. Selain itu mutu pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar juga masih terlalu jauh jika hendak dibandingkan dengan mutu pelajaran di bandar. Antara punca kepada masalah ini ialah kekurangan bilangan guru bahasa Inggeris ataupun jika ada, mereka ini kurang berminat untuk berkhidmat di luar bandar.

Di sini saya ingin mencadangkan agar satu insentif dapat diadakan seperti Elaun Khidmat Luar Bandar kepada mereka yang berkhidmat di sana, kerana terdapat

masa ini nama dihantar tetapi gurunya tidak ada. Di samping tenaga pengajar murid-murid luar bandar juga kurang memberi tumpuan atau berminat dalam bahasa Inggeris. Kekurangan pendedahan terhadap kepentingan bahasa ini mungkin adalah salah satu dari puncanya.

Saya cadangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya menjalankan satu kajian terperinci mengenai isu ini atau mengadakan sesi dengan izin, *brainstorming* bagi mencari cara yang efektif untuk menarik minat-minat murid luar bandar untuk belajar atau menguasai bahasa Inggeris. Sebagai satu contoh, masa dahulu semasa saya mengajar di sekolah, pihak sekolah telah mengadakan beberapa aktiviti menarik seperti Minggu Bahasa Inggeris, Bulan Bahasa Inggeris di mana pertandingan drama bahasa Inggeris, bercerita atau bahasa dalam bahasa Inggeris telah diadakan, tetapi kini entah ke mana.

Di samping belajar menguasai bahasa Inggeris ini juga dapat mendidik sifat jati diri dalam diri murid-murid di kala ini. Justeru itu saya merayu kepada pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran, agar memberikan penumpuan yang lebih terhadap penaiktarafan kemudahan pembelajaran di sekolah-sekolah di luar bandar.

Pada masa dahulu juga diadakan guru-guru terlatih bahasa Inggeris ini selain di dalam negeri juga dihantar juga ke luar negara. Di samping bila balik dapat memberi pengajaran kepada guru-guru bahasa Inggeris iaitu dengan izin, *key personnel*. Dari segi kemudahan kesihatan pula, saya dapati proses penaiktarafan hospital jajahan agak perlahan. Sebagai contoh Hospital Kuala Krai, pihak kementerian telah memperuntukkan beberapa jawatan doktor pakar, malangnya setakat ini yang mampu diisi hanya segelintir jawatan doktor pakar sahaja. Yang sedihnya terdapat doktor pakar yang dilantik tetapi tidak mahu menetap di Kuala Krai, mereka sanggup berulang alik dari Kota Bharu yang jauhnya kira-kira 60 kilometer. Hari ini amat menyukarkan para penduduk terutama bila terdapat kes-kes kecemasan lebih-lebih lagi di kawasan Dabong yang 100 kilometer jauhnya daripada Kuala Krai.

Saya ingin menyarankan Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengambil langkah-langkah yang drastik dan tegas dalam menangani masalah ini kerana telah saya bangkitkan di percakapan saya kali pertama dahulu. Kemungkinan sesetengah masalah yang saya bangkitkan di sini adalah hasil dari jurang pembangunan yang terdapat di kawasan bandar dan luar bandar.

Oleh itu saya merayu kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk membawa angin pembangunan untuk penduduk-penduduk di luar bandar bermula dengan kemudahan sistem pengangkutan dan infrastruktur asas. Ini boleh menjana ekonomi penduduk di kawasan ini, di samping mengurangkan jurang perbezaan pembangunan di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Dalam Bajet 2005, kita dapat lihat peruntukan yang agak besar telah diagihkan oleh kerajaan terhadap sektor-sektor pendidikan dan kesihatan. Kedua-dua sektor ini amat perlu sekali kerana apabila kita sihat, bila kita berpendidikan sudah tentu kita akan berada di dalam negara maju iaitulah dengan izin, *first world mentality* tetapi jangan kita hanya banyak membuat perancangan, tetapi pelaksanaannya kurang diberi penekanan. Sebagai contoh, tempat saya di Kuala Krai peruntukan setengah juta ringgit telah pun saya belanjakan, tetapi projek-projeknya masih belum terlaksana katanya pihak JPP tidak ada juruteknik untuk memantau projek-projek yang telah diluluskan itu.

Saya berharaplah supaya pihak kerajaan dapat menepati janji ini. Sebagai contoh, dalam pengagihan komputer ke sekolah-sekolah di luar bandar juga jangan lupa pastikan yang kemudahan prasarana telah tersedia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya, saya akan gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya gulung.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Seperti yang kita maklum, talian komunikasi di luar bandar agak terbatas. Satu lagi jangan kita hanya mempunyai komputer tetapi ketiadaan sistem bantuan penyelenggaraan ataupun, dengan izin, *maintenance support system*. Dari itu pelaksanaan hendaklah dijalankan secara bersepadu dengan jabatan-jabatan berkaitan bagi memastikan perancangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendatangkan hasil kepada rakyat seperti yang dihasratkan.

Tuan Yang di-Pertua,

"Pulau pandan, jauh ke tengah,

Gunung Daik bercabang tiga,

Perancangan bajet dibentang sudah,

Pelaksanaannya kini yang dinanti jua".

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cameron Highlands.

12.36 tgh.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Banyak-banyak terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya berbincang mengenai sektor pertanian sebagai enjin ketiga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ucapan belum siap sedia ya?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ada, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau belum siap tidak mengapalah beri peluang kepada orang lain.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Dia kacau Tuan Yang di-Pertua. Masa saya rugi. Baik sektor pertanian sebagai enjin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia cakap siapa kacau awak? *[Ketawa]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Kawan saya sebelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, pertanian yang diasaskan sebagai enjin pertumbuhan yang ketiga untuk melahirkan Orde Baru Tani Malaysia sangat-sangat dialukan dalam Bajet 2005.

Fokus pembangunan RM1.29 bilion yang disarankan dan diluluskan untuk 2005 memberi fokus kepada pengeluaran makanan dan produk pertanian untuk mengurangkan bil import sebanyak RM13.9 bilion.

Saya amat tertarik dengan tekanan yang diberi kepada produk-produk berkualiti tinggi dan selamat melalui kaedah agro yang moden dan canggih di mana MARDI diperuntukkan RM133 juta dan Bank Pertanian RM31 juta. Seterusnya fokus pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran yang masih kekurangan di Malaysia untuk pasaran global juga mendapat perhatian dan saya tertarik dengan peruntukan FAMA RM43 juta dan seterusnya tenaga kerja mahir melalui pengiktirafan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang akan dijana semula untuk revolusi pertanian serta penglibatan sektor swasta melalui *commercialization and agriculture sector* melalui GLC's di mana RM300 juta diperuntukkan.

Maka saya mengaitkan segala yang diperuntukkan ini dengan satu industri yang mungkin belum lagi melihat potensinya di Malaysia. Industri bunga-bunga di Cameron Highlands. Maka fokus industri bunga-bunga ini adalah potensi *chrysanthemum* sebagai sejenis bunga yang ada potensi pasaran antarabangsa. Industri ini begitu berpotensi kerana Cameron Highlands mengeluarkan sebanyak RM53.9 juta iaitu 62.2% selain daripada bunga orkid iaitu pengeluaran keseluruhan Malaysia. Sebanyak RM33 juta daripada bunga itu adalah untuk penggunaan domestik dan RM20 juta untuk eksport iaitu 38%

Kini di Columbia, untuk mengatasi masalah *cocaine*, Amerika Syarikat telah melaburkan begitu banyak wang untuk menggalakkan petani-petani di Columbia untuk berusaha menanam bunga *Chrysanthemum* dan kini bunga *Chrysanthemum* begitu popular di US.

Sebenarnya bunga *Chrysanthemum* ini datang daripada negeri China – Chu namanya. Ada satu bandar China yang bernama Chu Xian. Bunga *Chrysanthemum* ini dipanggil sebagai *Queen of Fall Flower* di US yang digunakan untuk perayaan dan keakraban. Tetapi malangnya di Eropah bunga ini digunakan untuk takziah – bila ada kematian dan sebagainya.

Bunga ini mempunyai potensi yang begitu luas sekali kerana ketahanannya. Ketahanannya tidak seperti bunga Mawar. Mawar itu tahan hanya beberapa hari sahaja. Maka potensi bunga ini kalau diterokai oleh Jabatan dan Kementerian Pertanian mungkin akan menjadi satu industri yang begitu besar sekali.

Sekarang di Johor, kementerian banyak memberi perhatian kepada penanaman bunga Orkid yang juga telah melahirkan kejayaan dari segi eksportnya dan.....

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya tidak ada masa Ahli Yang Berhormat bagi Mambong. Maka *The Business Times* pada 7 September telah memberi satu fokus bahawa bagi tahun ini sahaja sebanyak RM60 juta akan dijanakan melalui penanaman, pengeksportan dan penjualan bunga *Chrysanthemum*. Saya menyeru supaya kementerian memberi fokus kepada jenis bunga ini di Cameron Highlands kerana cuacanya dan juga ada petani-petaninya yang sudah begitu canggih dalam teknologi penanaman bunga *Chrysanthemum* di sana.

Dalam pada itu kita perlu memasyarakatkan budaya kita ke arah budaya bunga. Di Jepun mereka adakan *National Chrysanthemum's Day*. Apa salahnya kita adakan satu hari *National Flower's Day* di mana semua orang, jiran-jiran, sahabat handai dan pelajar-pelajar bertukar bunga di antara satu sama lain.

Kita dibudayakan dengan *Valentine's Day*. *Valentine's Day* itu adalah konsep Barat. Kita wujudkan....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak hantar bunga kepada Seputehkah Yang Berhormat?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak boleh, tidak boleh. Oh. Boleh, boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya minta Yang Berhormat supaya jangan ganggu saya. *[Ketawa]* Bukan masanya untuk kita taburkan bunga sekarang. Ini adalah perjuangan bajet, maka saya hendak teruskan, ya.

Saya memohon supaya kementerian bukan sahaja memberi fokus kepada penanaman dan teknologi dan R&D ke arah penanamannya tetapi juga memberi fokus kepada bagaimana bunga itu boleh dijadikan satu budaya. Contohnya, pendidikan di sekolah-sekolah boleh memulakan dalam subjek Kemahiran Hidup ataupun Sains Pertanian ataupun apa jua bagaimana bunga itu boleh menjadi satu seni kreativiti di rumah.

Di Taiwan, contohnya ada rancangan-rancangan televisyen di mana mereka mengajar bagaimana menggubah bunga yang senang (*simple*) boleh dilakukan di rumah. Orang tidak payah membeli kerana harganya begitu mahal sekali. Beli barang dengan harga yang murah dan ajar anak-anak mereka supaya berkreativiti untuk gubahan di rumah secara kecil-kecilan untuk hiasan di dapur, meja makan dan sebagainya.

Eratkan silaturahim. Bunga ini boleh digunakan sebagai satu bahan untuk mengeratkan silaturahim – keakraban. Bunga ini boleh menjadi satu kesenian dan kreativiti dan juga untuk kesan-kesan terapeutiknya - herbanya. *[Tepuk]*

Ha, ini Ahli Yang Berhormat bagi Mambong memberi saya sedikit petua. Dia kata boleh menangani masalah penyakit epilepsi kerana sakit "gila babi" ini banyak. *[Ketawa]* Terima kasih, Mambong.

Saya rasa mungkin kita keluar daripada cara pengajaran yang normal (*simple*). Bunga ini boleh di dapati di mana-mana dan bunga ini boleh dijadikan bahan pengajian sastera – kepuisian. “Sekuntum Bunga Mawar Merah Sebuah Puisi” – saya masih ingat lagi *Alley Cats*. Betul atau tidak?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Maka bunga itu adalah satu lambang. Kalau kuning – kita pergi kepada seorang gadis memberi sekuntum bunga mawar kuning, maka kita mengatakan kepada gadis itu, “Saya terima persahabatan, bukan percintaan”. Kalau putih sebagai satu lambang keikhlasan persahabatan, kalau merah -cinta habis. Maka bunga itu begitu dahsyat sekali dan kita dalam pelarian kebendaan, kita lupa bahawa kita sebagai manusia biasa yang ada kehalusan. Itulah yang perlu diperkayakan di kalangan generasi kecil kita. *[Disampuk]* Anak-anak kerdil kita. Yes.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Sekejaplah. *Very fast.*

Datuk M. Kayveas: *Very fast.*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya, sekejap.

Datuk M. Kayveas: Kalau bunga itu warna biru, macam mana? *[Ketawa]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Ketawa]* Bunga biru? Saya.... Orang belum kahwin, kut? Terima kasih. Kita balik ke sini.

Tuan Yang di-Pertua, industri dan juga penajaan ekonomi daripada bunga itu boleh dilakukan secara besar-besaran. Minuman Yeo’s Bunga Kekwa semakin popular kerana tidak ada gas di dalamnya. Potensi bunga itu orang tidak tahu, maka kita perlu serlahkan. Kementerian Pertanian perlu menggambarkan potensi bunga secara besar-besaran.

Inilah yang harus dilakukan supaya Cameron Highlands akan menjadi satu *Chrysanthemum hub* yang mempunyai peranan MARDI, FAMA , Persatuan Penanam-penanam Bunga - PKNP membuat satu konsortium ke arah melahirkan satu industri yang besar-besaran. Dengan insentif R&D tarif di Thailand jual bunga-bunga di lapangan terbang ataupun tarif penerbangan (*transportation*) yang memberi 30% insentif. Tetapi di sini tidak ada, maka petani-petani menghadapi masalah – mahal,

tidak ada *chillers* besar-besaran di Cameron Highlands untuk menyimpan bunga-bunga itu untuk waktu yang lama. Maka, saya memohon supaya Kementerian Pertanian memberi fokus kepada industri bunga-bungaan sebagai satu industri yang mempunyai potensi yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalih kepada pendidikan sebagai fokus saya yang kedua. Setelah memikul tanggungjawab bagi kawasan saya, dalam proses kita melahirkan satu *first class infrastructure – first class citizens*, maka saya rasa pendidikan merupakan tunjang. Warga insan yang madani berteraskan kepada nilai-nilai murni merupakan fokus kita. Maka, apabila saya bawa kepada falsafah pendidikan negara yang meletakkan insan seimbang sebagai asas kelahiran satu generasi baru yang berketerampilan dengan nilai madani – nilai yang murni maka kita balik kepada Rukun Negara, di mana Tuhan merupakan inspirasi dan meletakkan kesetiaan (*loyalty*) kepada Raja dan negara. Selepas itu kita ada keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan kesopanan dan kesusilaan.

Adakah sistem peperiksaan yang kita sedia ada melahirkan segala insannya yang kita ilhamkan ini? Maka, saya balik kepada satu isu kecil, mungkin mikro tetapi ada kesan mikronya iaitu isu UPSR. Baru-baru ini you tengok, pada September 17 – hentam menghentam ini. Prof. Dr. Mohd. Ali Hassan – dia kata, dengan izin “This is unfair that pupil who have done this questions before in the work book have an A then others.

Kemudian pula, National Union of Teaching Profession (NUTP) “*Fears that condoning the wholesale reproduction of the pictures with minor changes, the key words would set the precedent where teachers would start photo copying questions from work books for school level exams – warn parent questions that ethics is involved. What are we teaching our children if even at year six they are being taught how to cheat*” maka dalam umur yang begitu kecil sekali – muda kita melahirkan orang yang “gila periksa” dan untuk kejayaannya dia rela menipu. Ibu bapa pergi cari, telefon sana telefon sini adakah soalan ini soalan itu? Selepas itu pula guru-guru pula pergi cari untuk dapatkan ini dapatkan itu. Guru Besar pula dengan program-program. Kelulusan siapa tinggi siapa rendah?

Maka kita memulakan satu kelas *struggle* di sekolah. Sekolah yang tidak begitu dahsyat, reputasinya teruk, sekolah yang dahsyat keputusannya tinggi.

Maka inilah saya rasa yang perlu kita beri fokus. Maka di peringkat peperiksaan UPSR berumur 12 tahun tidak payah kita adakan peperiksaan. Mungkin kita boleh menggunakan peperiksaan di semester satu dan semester dua dan boleh ditempatkan atau peperiksaan itu boleh dijadikan peperiksaan di peringkat negeri.

Inilah saya rasa fokus perlu diberi supaya anak-anak kita tidak payah membawa beg-beg yang begitu berat sekali. Mereka terpaksa mengheretnya jika segala ini perlu dilihat. Apa yang kita gunakan acuan Barat sebagai ukuran untuk peperiksaan kita sendiri. Saya mohon supaya ini sebagai *yardstick* sahaja, satu contoh kecil untuk digunakan sebagai suatu penilaian secara menyeluruh ke arah menilai semula peperiksaan. Tidak mengapa kalau katakan Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima perlu tetapi peringkat Darjah Enam ini berumur 12 tahun, saya rasa inilah.

Macam-macam tohmahan, 1999 isu ini, 2002 isu ini. Sekarang isu balik dan ini akan mengikis kepercayaan masyarakat terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Perlu kita melihat pendidikan sebagai suatu isu sosial, tanggungjawab sosial yang begitu penting sekali. Dengan itu saya memohon sedikit membincangkan mengenai isu ketiga dalam strategi pembangunan Bajet 2005 iaitu pembasmian kemiskinan dalam pendidikan yang akan bakal melahirkan *knowledge workers* dan *skill workers*.

Kita setuju strategi kedua, strategi ketiga dan strategi keempat, memang fokus kepada menjanakan peralihan ke arah *high value added economy*, pembangunan insan (human capital) dan yang ketiga, kualiti hidup melalui pembasmian di luar bandar. Saya tidak akan bertanggungjawab sekiranya saya lalai dari segi memperjuangkan masyarakat yang saya wakili iaitu golongan masyarakat India. Dalam proses itu, pembangunan pendidikan luar bandar untuk semua masyarakat iaitu masyarakat Melayu di kampung, Sabah dan Sarawak yang begitu banyak melaung-laungkan permintaan mereka dan juga Orang Asli dan juga masyarakat India di pinggir perlu diberi fokus.

Kalau kita ingin melahirkan human capital, kalau kita hendak melahirkan golongan-golongan yang ada modal insan yang tinggi, kalau kita ingin melahirkan golongan-golongan yang mempunyai kualiti hidup yang tinggi maka saya rasa kita perlu berbalik kepada pemberian pendidikan yang saksama dan seimbang kepada semua.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Maafkan saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Menyampuk lagi – bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Oh! Dia hendak bangun dahulu. Sekejap ya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Masih bangun dan minta laluan*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya mohon supaya waktu saya tidak diganggu. Dengan segala hormatnya diminta supaya Yang Berhormat duduk supaya tidak terganggu pemikiran dan *line of thought* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya membawa kepada masalah sekolah-sekolah Tamil yang banyak memerlukan bantuan dari segi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, point of order nombor berapa Yang Berhormat. Dia hendak keluarkan point of order. Point of order nombor berapa?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kuorum tak cukup. Kuorum..... [*mencari-mencari muka surat di dalam Buku Peraturan Majlis Mesyuarat Find Corum?* Nombor 13. Sudah UMNO tak ada, tidak UMNO pun tak ada juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak mengapa Yang Berhormat. Kita kira kuorum dahulu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: 13.

Seorang Ahli: Kuorum [*Ketawa*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: 13(1)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita bilang dahulu Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Kira sekarang. Kira sekarang.

Setiausaha: *[Mengira kuorum yang ada]*

[27 orang Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 27 orang dalam Dewan, cukup bilangan *[Disorak]* Teruskan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya..... Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih sekali.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Dalam saya memperjuangkan satu isu yang begitu serius sekali, gangguan remeh-temeh ini akan menggugat kemuliaan Parlimen ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, itulah PAS. Okey, kita teruskan Tuan Yang di-Pertua. Okey, saya balik kepada pendidikan bermutu tinggi dengan prasarana asas. Saya balik kepada ekuiti akses dan kualiti yang telah dilaungkan dalam manifesto pendidikan 2000 dan Bajet 2005 telah memberikan peruntukan yang begitu banyak sekali untuk pendidikan.

Saya memohon kepada Perdana Menteri kita supaya menjenguk sedikit. Bukan senang, saya tahu bukan senang, bukan senang untuk kita memuaskan semua pihak. Tetapi ada perkara-perkara yang perlu kita tunjangi dalam pembangunan pendidikan. Saya mohon dan menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya mengkaji semula peruntukan yang sedia ada untuk pembangunan sekolah-sekolah luar bandar.

Dalam isu sekolah-sekolah Tamil, maka saya dapati bahawa ada 83.3% sekolah-sekolah Tamil yang di luar yang perlu dijanakan kekuatannya, kalau tidak kita akan melahirkan satu golongan yang terpinggir dan kebanyakan golongan-golongan India yang miskin datang daripada kawasan-kawasan ini. Kita didepankan dengan pelbagai masalah sosial, masalah gengsterisme, masalah penyalahgunaan dadah,

masalah macam-macam di luar bandar, ibu tunggal, tergugatnya institusi keluarga dan segalanya balik kepada keupayaan insan memberi modal insani yang kukuh.

Maka itulah yang menjadi isunya. Kalau ada golongan-golongan yang tercicir dalam umur yang begitu kecil sekali. Mereka tidak berupaya untuk mendirikan sebuah rumah tangga yang kukuh, maka akan lahirlah ramai anak yang tidak boleh mengikut perjuangan objektif negara. Inilah jadinya, maka cabaran sekolah-sekolah Tamil, pertama kita perlu bila berlakunya perubahan daripada ladang ke bandar, masalah psycho-social, masalah kekeluargaan, masalah kejutan budaya perlu ditangani. Bukan sekadar memberi yang fizikal sahaja melihat manusia itu sebagai insan yang perlu diimbangkan emosi, rohani dan mentalnya. Inilah yang harus diberi perhatian.

Kesan-kesan negatif warga sekolah Tamil digugat oleh status tanah yang begitu lama diperjuangkan tetapi belum diselesaikan lagi. Selain daripada itu mewajibkan prasekolah di semua peringkat luar bandar. Peruntukan kerajaan perlu diberi kepada prasekolah untuk sekolah Melayu di kampung, untuk sekolah Tamil, untuk sekolah-sekolah di Sabah, Sarawak dan juga untuk sekolah-sekolah Orang Asli kerana di sanalah mereka jatuh. Di bandar banyak sekolah prasekolah. Semua ibu bapa mampu tetapi di sana mereka tidak ada. Bila pelajar itu sampai ke Darjah Tiga belum lagi menguasai 3R. Inilah masalahnya. Saya mohon supaya peruntukan diberi kepada sekolah-sekolah. 90.4% sekolah-sekolah Tamil tiada prasekolah daripada 526 sekolah. Sebelum 2005, saya mohon supaya 50% daripada sekolah-sekolah ini diberi peluang untuk mengadakan prasekolah, semua peringkat di luar bandar dan seterusnya mengatasi halangan birokrasi akar umbi.

Apabila kita pergi ke peringkat kawasan-kawasan kita, ada kawasan di mana ada sekolah-sekolah yang tertentu yang dibina dengan begitu canggih sekali tetapi ada sekolah yang tiada kerusi meja. Maklum balas daripada peringkat akar umbi dalam pembinaan sekolah-sekolah ini dan juga untuk guru-guru tidak ada. Di Cameron Highlands ada Guru Sandaran yang mengajar Tingkatan Lima. Ada guru-guru yang tidak mahu pergi ke sana kerana dia ingat terlalu tinggi. Maka permintaan itu tidak dibuat terlebih awal.

Saya rasakan bahawa kalau kementerian ingin membuat perancangan supaya masalah akar umbi dapat diselesaikan. Maklum balas dari Ahli Parlimen juga perlu diambil kira melalui satu proses yang boleh dicadangkan oleh kementerian supaya segala keperincian perancangan itu adalah benar-benar yang diperlukan oleh orang-

orang di akar umbi dan Wakil Rakyat yang terpaksa berdepan dengan mereka kena hantam, boleh menyelesaikan masalah mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Itulah hasratnya. Saya seterusnya memohon supaya keperluan infrastruktur, kualiti, pedagogi, pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan secara serius kerana 22% daripada sekolah-sekolah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) masih berteraskan kepada guru-guru sandaran.

Kita perlukan 900 guru-guru tetapi yang disediakan untuk latihan hanya 120 sahaja. Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi hendak cerita, tetapi lain kali sahajalah. Sebelum saya menggulung

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Belum lagi! *[Ketawa]* Apa ini. Sebelum saya menggulung

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila habiskan Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: saya memohon jasa baik kerajaan supaya melihat sekolah-sekolah Tamil sebagai satu yang begitu penting sekali dan saya mohon jasa baik Perdana Menteri supaya sekolah-sekolah Tamil diberi perhatian khusus dalam pembangunan Bajet 2005. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada cukup masa untuk bercakap. Saya bagi Batu Sapi dahulu.

12.59 th

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Terima kasihlah terutama Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang mengambil bahagian membahaskan Belanjawan 2005 seperti yang telah dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Sesungguhnya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Yang Berhormat sambung jam 2.30 petang *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Sapi, sila sambung.

2.30 ptg.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Bukit Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sesungguhnya, belanjawan yang telah dibentangkan itu adalah belanjawan yang istimewa kerana ianya memberikan sasaran kepada matlamat Rancangan Malaysia Kelapan. Kerajaan menilai pencapaian yang telah pun dirancang. Saya yakin, kerajaan akan mengembalikan perancangan yang tertinggal pada masa Rancangan Malaysia Kelapan dan memasukkannya sebagai agenda pada Rancangan Malaysia Yang Kesembilan. Sesungguhnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengambil kira maklum balas secara serius daripada Ahli-ahli Parlimen supaya masalah rakyat dapat diselesaikan segera.

Tuan Yang di-Pertua, masa yang agak terbatas ini saya ingin terus menjurus menyentuh tentang masalah yang dihadapi di negeri Sabah. Sesungguhnya, Kerajaan Persekutuan seolah-olah tidak meluangkan masa yang cukup untuk meninjau, mengkaji, menganalisis dan mencadangkan bagaimana untuk memperbaiki masalah yang dihadapi, khususnya rancangan yang disediakan oleh agensi-agensi Persekutuan yang telah dimaklumkan terlebih kepada Ahli Dewan Rakyat di negeri ini. Tindakan yang sedemikian telah menyebabkan penggunaan dana tidak bersesuaian pada tempat yang sepatutnya. Dengan senario ini, rakyat Sabah seolah-olah mempersoalkan keikhlasan pihak Kuala Lumpur ketika menggunakan dana seperti contoh-contoh berikut untuk membuktikan apa yang saya perkatakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya rakyat Sabah amat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah dan sedang melaksanakan pembinaan sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah di kebanyakan tempat di negeri Sabah dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kos pembinaan sekolah

rendah lebih kurang RM20 juta. Sekolah menengah sekitar RM30 juta. Secara peribadi, saya berbangga dengan pembangunan seperti ini, namun saya berpendapat ianya perlu dirancang dengan betul dari segi kedudukan dan saiz. Beberapa buah daripada sekolah-sekolah yang besar ini telah dibina di lokasi yang terpencil di pedalaman, di mana kawasan tersebut mempunyai masalah dari segi logistik serta masalah dari segi kemampuan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka di sekolah seperti ini.

Akibatnya, bilik-bilik darjah banyak dan kosong kerana bilangan pelajar sangat sedikit berbanding dengan keperluan jumlah pelajar yang sepatutnya. Saya berpendapat dengan tegas, sepatutnya sekolah-sekolah ini dibina di kawasan perkampungan yang mempunyai bilangan penduduk yang besar dan dapat menampung keperluan belajar yang diperlukan oleh sekolah tersebut dan bukannya hanya membina sekolah dengan kos perbelanjaan yang besar tanpa mengambil kira keperluan yang sepatutnya.

Ternyata, ini adalah satu pembaziran. Sesungguhnya, saya berpendapat sekolah-sekolah tersebut seharusnya dibina lebih kecil sesuai dengan keperluan penduduk setempat dan sepatutnya perhatian harus ditumpukan kepada usaha menaikkan taraf sekolah-sekolah yang sedia ada. Agenda mengatasi kekurangan tenaga pengajar sepatutnya diberikan keutamaan kerana ini merupakan faktor yang telah menyumbang kepada kemerosotan pencapaian akademik khususnya di kawasan pedalaman di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini, saya ingin mengajukan beberapa soalan. Soalan yang pertama, berapakah bilangan guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah yang telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan? Soalan kedua, berapa ramai pelajar yang telah mendaftar di sekolah tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya terdapat tiga buah sekolah yang dibina pada tahun lepas. Yang pertama, Sekolah Menengah Kebangsaan Iluk Pura II, Sekolah Menengah Kebangsaan Sandakan II dan ketiga Sekolah Rendah Sungai Anik III. Tinjauan saya, sekolah tersebut tidak mempunyai jalan raya keluar masuk yang sesuai. Keadaan ini berlaku kerana ketiadaan penyelarasan antara Majlis Perbandaran Sandakan dan Kementerian Pelajaran. Saya berharap Menteri Pelajaran yang baru dapat menyediakan dana yang diperlukan untuk menyempurnakan serta

menaiktarafkan jalan laluan ini di mana berdasarkan kepada penyelidikan saya, peruntukannya berjumlah RM4 juta diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang kedua, kerajaan telah membina beberapa buah hospital yang bertaraf hospital besar di Sabah. Tetapi malangnya, hospital yang besar ini tidak mempunyai jumlah pekerja yang sepatutnya berkhidmat untuk menyelenggarakan hospital tersebut seperti Hospital Besar Tungut dalam daerah Kinabatangan dan hospital di Lahad Datu yang pada masa ini seolah-olah menjadi projek gajah putih. Ini adalah, bukti yang cukup bahawasanya pelaksanaan projek-projek yang tidak melalui kajian analisis dan keperluan menyebabkan berlakunya pembaziran, di mana sepatutnya tanah kerajaan yang begitu besar boleh dimanfaatkan untuk kegunaan melahirkan lebih banyak lagi tenaga profesional, khususnya di bidang perubatan untuk memenuhi keperluan akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, melalui kesempatan ini sebagai Ahli Dewan Rakyat bagi Batu Sapi di daerah Sandakan saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, khususnya masalah air yang merupakan perkara serius yang memerlukan penyelesaian segera. Dari statistik yang saya perolehi masalah air di Sandakan telah mencapai 38% diikuti oleh Papar 30% dan Kota Kinabalu 20% serta *Non Revenue Water* (NRW) 65%. Berdasarkan kepada statistik ini, negeri Sabah amat memerlukan suntikan peruntukan berjumlah RM1.2 bilion untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat masalah ini perlu diselesaikan sekarang ini adalah asas yang paling besar untuk menarik pelancong dan para pelabur asing adalah kemampuan kita untuk menyediakan air yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon perhatian Dewan yang mulia ini, berhubung dengan isu tenaga elektrik. Di daerah Sandakan isu mengenai perkara ini telah ditimbulkan semenjak tahun 1994, di mana pada ketika itu saya adalah selaku Ahli Dewan Undangan Negeri, tetapi malangnya masalah tenaga elektrik pada masa itu dikendalikan oleh SESB masih lagi berterusan malah seolah-olah masalah tersebut tidak diambil perhatian.

Memandangkan masalah telah berlarutan sekian lama saya selaku Ahli Dewan Rakyat bagi Batu Sapi sekarang memohon perhatian Menteri Tenaga Air dan Komunikasi untuk memastikan Tenaga Nasional Berhad sebagai pemegang 80% saham SESB untuk menyelesaikan segera masalah ini. Saya sangat mengambil perhatian perkara ini kerana masalah air dan elektrik merupakan perkara asas yang

menjadi keperluan besar menarik keyakinan pelabur dan pelancong untuk datang ke daerah Sandakan negeri Sabah dan amnya negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini..

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Ir Edmund Chong Ket Wah: Belum lagi *[Ketawa]* ke arah memperkasakan usaha kita untuk menarik pelancong khususnya di negeri Sabah, maka dengan ini saya mencadangkan agar satu lesen..

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Ir Edmund Chong Ket Wah: Ada dua *pages* lagi

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Ir Edmund Chong Ket Wah: .. khususnya di negeri Sabah. Maka dengan ini saya mencadangkan agar satu lesen kasino diluluskan untuk Kerajaan Negeri Sabah.

Beberapa Ahli: Wah!

Ir Edmund Chong Ket Wah: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan kasino adalah industri yang sangat menguntungkan selain mampu menarik pelancong, ianya juga akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, industri perhotelan serta tukaran wang asing sekali gus menyumbang cukai pendapatan untuk menjana pembangunan negara.

Perkara ini dibuktikan melalui industri kasino yang terdapat di negara ini dan negara lain. Faktornya adalah seperti yang diterangkan dalam *Business Magazine*, isu bulan Ogos 1st –15th 2004 dengan izin “*the highest paid directors are from the gaming sector and it is associated, it is also affiliated business like Genting Resort, with a turnover of RM4.36 billion for Genting and RM2.2 billion for Resort World*”. Negara Singapore pun akan membina sebuah kasino untuk dengan izin, *take into the tourism industry or the tourism boom* yang diadakan di Asia Barat, China dan Japan yang mana banyak pelancong adalah datang dari negara-negara ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Bera beberapa hari dahulu di dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini pun, ada menerangkan kami mahu *quality tourism*, pelancong yang ada duit *especially from foreign countries*, dengan izin. Dari informasi yang saya dapat dari *Magazine Global Gaming Business*, ini pun isu Ogos 2004 di luar negara seperti di Macau, *casino growth gaming revenue*, dengan izin ialah *USD4.2*

billion with only twelve numbers of casinos. That is in Macau. Dan di Las Vegas *casino growth gaming revenue ialah USD6.11 billion with nearly 100 casinos.*

Saya berharap Kerajaan Malaysia mengambil kira keuntungan yang begitu 'syok' [*Ketawa*] begitu besar untuk menambah kewangan di negeri Sabah dan negara Malaysia yang kita cintai. Dengan izin, saya memohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Oleh kerana ada perempuan seorang kita beri *chance* perempuan dahulu Tebrau.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Eh! Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Gelang Patah..

2.47 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian perbahasan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini menarik perhatian kerajaan khasnya Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi mengenai pemasangan kemudahan-kemudahan pemancar telekomunikasi yang rapat dan berleluasa di kawasan-kawasan perumahan di negeri Johor.

Saya mendapati bahawa kemudahan pemancar telekomunikasi di pasang di bangunan yang berhampiran dengan rumah kediaman semakin meningkat. Semakin banyak struktur pemancar yang telah dipasang di atas rumah-rumah kedai satu daripada syarat lain yang ditetapkan adalah penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran mesti diberitahu mengenai projek tersebut sebelum pemasangannya.

Tuan Yang di-Pertua, mereka hanya mendapat tahu apabila struktur yang berkenaan terpasang di atas rumah-rumah kedai yang berdekatan dengan rumah mereka. Apa yang menghairankan dan mengkhawatirkan ialah pihak kontraktor selalu menjalankan kerja pemasangan pada waktu tengah malam, mungkin ianya adalah untuk mengelakkan bantahan daripada penduduk-penduduk setempat.

Sekiranya projek pemasangan ini betul-betul menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa termasuk pihak berkuasa tempatan, Jabatan Tenaga dan Komunikasi, Jabatan Penerangan, Jabatan Bomba dan sebagainya, mengapa projek itu tidak dilaksanakan secara terus terang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada jawapan dari Kementerian Tenaga, Air dan Telekomunikasi dalam pertanyaan lisan pada 21 hari bulan September yang baru-baru ini bahawa cuma 10% syarikat yang membina menara atau struktur telekomunikasi dapat kelulusan dari Kementerian untuk memasang pemancar telekomunikasi. Saya ingin tahu apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap 90% syarikat yang lain memasang pemancar telekomunikasi ini tanpa kebenaran?

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya terdapat banyak kawasan perumahan yang menghadapi masalah yang serius dalam perkara ini. Ramai penduduk setempat yang telah membuat bantahan mengenai perkara ini tetapi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan tidak mengambil peduli terhadap perkara ini. Rakyat merasa tidak puas hati kerana tidak ada sebarang tindakan termasuk jawapan diberikan terhadap aduan dan bantahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sememangnya tidak dapat membuktikan radioaktif yang dikeluarkan oleh kemudahan pemancar telekomunikasi membawa kesan buruk terhadap kesihatan mereka kerana mereka bukan pakar dalam bidang ini. Penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan struktur telekomunikasi khasnya mereka yang tinggal di belakang rumah kedai yang terpasang dengan kemudahan ini merasa bimbang dan takut bukan sahaja kepada kesan radioaktifnya malah terhadap keteguhan struktur pembinaannya.

Walaupun pemasangan struktur pemancar telekomunikasi ini membawa kemudahan kepada sesetengah penduduk yang menggunakan sistem telekomunikasi yang berkenaan tetapi lebih ramai yang menghadapi gangguan jiwa dan tidak dapat hidup dalam keadaan yang selesa.

Oleh sebab itu saya sungguh berharap pihak kerajaan khasnya Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Tenaga, Air dan Telekomunikasi dapat memberi penerangan yang lebih lanjut mengenai syarat-syarat pemasangan kemudahan telekomunikasi dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan masalah-masalah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) juga. Masalah kekurangan guru yang berterusan akan membawa kesan buruk dan menjejaskan prestasi dan pencapaian murid sekolah dan pendidikan negara pada keseluruhannya. Sebagaimana yang saya

tahu masalah kekurangan guru di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) telah bertambah serius berpunca daripada unsur-unsur berikut:-

- (i) guru-guru bimbingan dilantik daripada guru terlatih yang sedang berkhidmat di sekolah tetapi tidak ada guru baru untuk menggantikan kekosongan mereka;
- (ii) program latihan guru tidak dapat mengejar kekurangan guru yang disebabkan oleh program atau perancangan baru yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia;
- (iii) penambahan bilangan murid pada setiap tahun; dan
- (iv) program latihan mengambil masa selama tiga tahun.

Saya harap Kementerian Pelajaran Malaysia dapat meneruskan usaha untuk melegakan dan mengatasi masalah kekurangan guru yang masih ketara dan mendesak di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) demi kepentingan generasi muda dan masa hadapan negara. Saya berbesar hati memberikan cadangan atau syor seperti berikut:

Saya harap Kementerian Pelajaran Malaysia menambahkan pengambilan Guru Pelatih Opsyen Pengajian Cina. Selain daripada mengadakan kursus perguruan lepasan ijazah dan kursus ijazah sarjana muda pendidikan untuk Opsyen Pengajian Cina, pengambilan guru pelatih untuk kursus Diploma Pendidikan Malaysia untuk pemuda-pemudi lepasan SPM dan STPM diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu 'Along' lagi. Tuan Yang di-Pertua, masalah peminjaman wang oleh rakyat jelata daripada agensi-agensi kewangan haram iaitu 'Along'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 'Along' itu siapa Yang Berhormat? Abangkah?

Puan Tan Ah Eng: *[Ketawa]*amat ketara dan telah membawa kesan buruk dalam masyarakat. Masalah tertimbul akibat bunga atau faedah melampau tinggi yang dikenakan menyebabkan para peminjam tidak mampu membayarnya dan menghadapi tindakan tegas dan kurang munasabah daripada 'Along'. Walaupun terdapat agensi-agensi kewangan berlesen termasuk bank-bank akan tetapi oleh sebab syarat-syarat ketat yang ditetapkan para peniaga kecil atau rakyat jelata yang menghadapi masalah

kewangan tidak dapat menikmati kemudahan tersebut. Ini menyebabkan mereka terpaksa mendapatkan bantuan daripada 'Along' walaupun dikenakan kadar bunga yang tinggi dan perlu menghadapi risiko yang lebih tinggi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa terdapat segelintir rakyat atau peminjam yang memperburukkan 'Along' menyangka wang pinjaman ini sebanyak bantuan ikhlas daripada pihak 'Along' tetapi akhirnya mereka menghadapi masalah kewangan yang lebih serius lagi. Oleh itu saya berbesar hati ingin memohon jasa baik Kementerian Kewangan supaya meninjau semula syarat-syarat yang ditetapkan untuk pinjaman wang daripada agensi-agensi kewangan berlesen supaya memberi kemudahan kepada mereka yang betul-betul memerlukan dan menetapkan cara pembayaran balik yang sesuai kepada para peminjam. Dengan adanya kemudahan ini, saya yakin bahawa masalah Along yang timbul akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan prihatin dan usaha Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk memperkasa sekolah kebangsaan bagi meningkatkan lagi mutunya, supaya rakyat berbilang kaum menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama semasa menghantar anak mereka ke sekolah. Selain daripada membina sekolah-sekolah yang mencukupi untuk menampung keperluan murid-murid dan pelajar, saya sungguh berharap Kementerian Pelajaran mengambil langkah-langkah positif untuk mempertingkatkan kemudahan dan kelengkapan yang amat diperlukan untuk melaksanakan program-program pendidikan yang efektif di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah rupa luar yang cantik, hendaklah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Contohnya, makmal sains hendaklah dibekalkan dengan peralatan dan kelengkapan sains. Begitu juga untuk bilik sains rumah tangga dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan rakyat pelbagai kaum, Kementerian Pelajaran harus berusaha untuk memperkasa semua jenis sekolah termasuk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya ingin bangkitkan ialah kita semua maklum bahawa pelbagai jenis perkhidmatan penting untuk rakyat seperti lebuhraya, pembekalan tenaga elektrik, air, telekomunikasi, pembetulan dan sebagainya telah diswastakan. Ini merupakan perkara baik kepada kerajaan, mengharapkan syarikat-syarikat raksasa swasta yang berjaya memiliki lesen perusahaan ini dapat memberikan perkhidmatan bermutu tinggi kepada rakyat.

Kita semua mengharapkan mutu perkhidmatan yang tinggi daripada syarikat-syarikat swasta ini, dan apa yang menimbulkan perasaan tidak puas hati ialah mutunya belum meningkat, tetapi bayaran yang dikenakan semakin meningkat. Lagipun kerajaan perlu menyediakan peruntukan kewangan yang banyak untuk menyediakan kelengkapan sokongan untuk perkhidmatan tersebut, termasuklah menukarkan paip air lama kepada yang baru.

Rakyat berasa bimbang dan tidak puas hati dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Telekomunikasi bahawa rakyat perlu bersedia untuk membayar kadar perkhidmatan yang lebih tinggi. Kesannya amat besar kepada rakyat jelata. Saya meminta kerajaan supaya membuat pertimbangan khas supaya kenaikan kadar bayaran perkhidmatan dapat dielakkan. Ia amat sensitif kerana semua ini berlaku hanya selepas pilihan raya yang umum.

Akhir sekali, satu perkara saya ingin hendak sebut lagi [*Ketawa*] ialah satu lagi

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Hendak berucapkah? [*Ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading*]

Puan Tan Ah Eng: Tidak boleh, tidak boleh

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak boleh cakap! Apa pasal? Ini Parlimen.....

Puan Tan Ah Eng:sebab masa tidak cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini Parlimen mana ada bahasa kacau. Parlimen cuma kita untuk bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak tunggu keputusan di PWTC?

Puan Tan Ah Eng: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Keputusan petang, Tuan Yang di-Pertua, jadi kita ada masa datang Parlimen, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih baik tunggu sana.
[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan. Pasal kita pun Ahli Parlimen.

Puan Tan Ah Eng: Kita bincang luarlah. Jangan, jangan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya sebenarnya hendak sokong Yang Berhormat punya

Puan Tan Ah Eng: Sebab masa tidak cukup, Yang Berhormat. Ramai orang yang hendak berucap lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apakah kalau saya bertanya, masa dia tidak cukup. Saya hendak masuk tentang penswastan ini tadi. Ini keluhan.

Puan Tan Ah Eng: Kita bincang luarlah, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau dia tidak beri sila duduk ataupun balik ke PWTC, tunggu keputusanlah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit pun tidak bolehkah, Tuan Yang di-Pertua?

Puan Tan Ah Eng: Okay ya!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya, perempuan saya hormat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya banyak sayang perempuan, sebab itu saya mahu sokong. *[Ketawa]*

Puan Tan Ah Eng: Tidak apalah, kita bincang luarlah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada orang macam saya, sayang perempuan, Tuan Yang di-Pertua. Itu pasal saya mahu sokong. Mahu bincang di luarkah? Bincang luar, apa perkara? *[Ketawa]*

Puan Tan Ah Eng: Pasal ini... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay.

Puan Tan Ah Eng: Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan ialah kita perlu perhatikan satu perkara yang serius iaitu tentang kerosakan yang

ditinggalkan oleh syarikat-syarikat swasta ini. Untuk menunaikan tanggungjawab perkhidmatan syarikat semasa membuat pembaikan atau perubahan kontraktor atau syarikat yang berkenaan mengadakan kerja-kerja pengorekan di sana-sini, termasuk di atas jalan raya yang baru sahaja dibaiki oleh pihak JKR atau pihak berkuasa tempatan.

Kontraktor-kontraktor yang berkenaan membuat penampalan di tempat-tempat yang dikorek selepas selesai tugas mereka. Akan tetapi mutunya amat memalukan. Jalan-jalan raya yang rata menjadi tidak rata dan berlubang-lubang. Ini bukan sahaja menyusahkan pengguna-pengguna jalan raya malah telah menjatuhkan imej kerajaan sebagai pengawas atau penyelia terhadap kerja-kerja syarikat penswastaan.

Akhirnya,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hey, berapa kali, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Puan Tan Ah Eng: Sekejap. *[Disampuk]* Dua minit lagilah, dua minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Puan Tan Ah Eng: Kementerian Kerja Raya yang dipertanggungjawabkan untuk membaiki jalan-jalan tersebut, ini menyebabkan kerajaan menanggung kos perbelanjaan yang tinggi jika kerajaan mengambil tindakan yang lambat, wakil-wakil rakyat pula yang dimarah kerana tidak membuat kerja. Oleh itu, kawalan yang lebih ketat harus diadakan, kerajaan boleh menetapkan Kementerian Kerja Raya untuk menjalankan tugas penampalan ke atas kerja-kerja mengorek yang dilakukan oleh kontraktor swasta yang mengenakan bayaran kepada syarikat-syarikat yang tersebut.

Dengan ini saya menyokong bajet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berapa ramai lagi?

Beberapa Ahli: *[Bangun dan riuh sebentar]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak Setiausaha tolong buat catatan berapa ramai lagi yang hendak berucap. *[Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha mengira jumlah Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri]* 21 orang lagi. *[Dewan riuh sebentar]* Yang Berhormat, Yang Berhormat, 21 orang hendak berucap. Kalau saya beri seorang 10 minit untuk berucap, berapa lama masa diperlukan? Tolong kira.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit ... *[Disampuk]* saya hendak buat kiraan, kalau 10 minit tiga jam diperlukan. Baik. Saya beri 10 minit bagi setiap Ahli berucap dan saya minta Setiausaha tolong catatkan. Saya tidak mahu tiba-tiba ada lebih lagi daripada 21 orang, dan dengan syarat siapa yang berucap, selepas berucap hendaklah duduk di sini, jangan keluar. Saya tidak mahu akhirnya tinggalkan saya seorang sahaja. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Mambong, sila.

3.11 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, hari ini tidak boleh berucap lima jam lah tetapi 10 minit pun sudah mencukupi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan kerana telah memberi Bajet yang bermesra rakyat. Namun, bajet ini adalah satu bajet defisit tetapi walaupun begitu kita haruslah lihat dari sudut ekonomi.

Ekonomi negara, pertumbuhan pada suku tahun pertama adalah amat tinggi – 7.6 peratus dan pada suku tahun kedua ialah 8 peratus, tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa maknanya pertumbuhan ekonomi ini kepada rakyat di kawasan luar bandar? Oleh yang demikian, saya menyeru, saya meminta kerajaan memberi bukti kepada rakyat di kawasan luar bandar supaya mereka boleh menikmati manfaat dari segi pertumbuhan ekonomi ini. Mereka ingin melihat pembangunan di kawasan luar bandar. Kalau mereka melihat semua ini barulah mereka tahu bahawa ekonomi Malaysia tumbuh dengan pesatnya.

Menyentuh kepada Bajet 2005, bajet ini adalah satu bajet defisit fiskal – 3.8 peratus daripada KDNK. Bajet tahun depan memang menurun jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Ini bermakna kerajaan dapat mengurus sumber kewangan dan hasil negara dengan mengurangkan defisit. Ini adalah satu petanda yang baik. Saya rasa memang ada satu strategi yang mungkin kita di dalam Dewan ini tidak melihat ataupun tidak tahu.

Namun, defisit fiskal adalah perkara biasa di mana-mana ekonomi di dunia ini. Di Amerika Syarikat, defisit fiskal ialah lebih daripada empat peratus daripada KDNK negara itu. Defisit fiskal di negeri California ialah 5.2 peratus. Oleh itu, kerajaan haruslah mengurus defisit dengan baik. Tetapi kalau saya lihat strategi yang telah pun

digunakan beberapa tahun kebelakangan ini, memang kerajaan cuba mengurus *deficit budget*, dan kerajaan mengurusnya hanya untuk jangka pendek iaitu *stopgap measures* dan mengurangkan perbelanjaan.

Strategi yang biasa digunakan oleh negara kita ialah melambatkan bayaran kepada vendor dan kontraktor. Ini telah pun dilaung-laungkan oleh ramai kawan, ramai Ahli Parlimen yang lain di dalam Dewan ini kerana kontraktor-kontraktor kelas 'F' tidak dibayar ataupun lambat dibayar dan kontraktor-kontraktor kelas 'F' ini adalah bumiputera, kontraktor kecil bumiputera. Jadi kenapalah mengguna strategi ini kalau yang saya sebut tadi, kerajaan sudah boleh mengurangkan defisit dengan 3.8 peratus. Tentu ada strategi yang lebih baik daripada melambatkan bayaran kepada vendor dan kontraktor.

Yang kedua, kerajaan juga telah menunda bayaran balik cukai oleh orang perseorangan dan korporat, dan yang ketiga, mempercepatkan pemungutan cukai. Ini adalah amalan yang selalu digunakan. Nampaknya selama ini kerajaan memang telah pun menggunakan strategi yang sama. Jadi saya haraplah pada tahun depan cubalah menggunakan strategi yang lebih berkesan dan strategi jangka panjang bagi mengurangkan *deficit budget*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya tumpukan perbincangan saya kepada sektor pertanian dan asas tani. Malaysia memiliki pelbagai khazanah tani yang dapat digunakan untuk keperluan rakyat dan sebagai satu sumber eksport penting kepada negara. Kekayaan sektor pertanian di negara kita dapat dikembangkan dengan perkembangan sains dan teknologi. Oleh itu, usaha inovasi haruslah dipertingkatkan agar memberi peluang yang lebih baik kepada petani dan seterusnya kepada negara.

Dalam pada ini, Tuan Yang di-Pertua, saintis pertanian haruslah menguasai ilmu bioteknologi dalam usaha memajukan bidang pertanian. Dalam millennium baru dan abad ini, kemajuan tani dan kemampuan negara untuk bersaing di pasaran global untuk produk-produk tani bergantung kepada kemajuan usaha bioteknologi. Saya mengatakan begini sebab pelbagai usaha dalam bentuk pengurusan telah pun diperkenalkan oleh kerajaan bagi sektor pertanian dan ia tidak begitu berjaya. Ini disebabkan, yang pertama, iklim dan persekitaran untuk kerja di ladang memang tidak selesa. Ini bermakna masa bekerja di ladang tidak panjang dan seterusnya mengurangkan produktiviti dan juga mengurangkan hasil.

Yang kedua, *terrain*, dengan izin, di kawasan ladang di negara kita tidak begitu sesuai dan ini menyekat kegunaan mesin pertanian. Oleh itu kawasan perladangan di negara kita biasanya tidak luas tetapi ini tidak termasuk ladang kelapa sawit. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, jika kerajaan ingin memperkembangkan sektor tani, kaedah bioteknologi haruslah digunakan dan diperluaskan. Namun dalam pada itu, kerajaan harus juga memilih tanam-tanaman yang sesuai di mana negara kita mempunyai *competitive edge*, dengan izin, di pasaran global.

Seorang Ahli: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit: Daripada pilihan tanam-tanaman tersebut, maka kegiatan bioteknologi seterusnya boleh dilakukan.

Seorang Ahli: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit: Tidak boleh, 10 minit tidak boleh tanya. Sila duduk, maaf ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa tinggal satu minit.

Dr. James Dawos Mamit: Tinggal satu minit. Faedah-faedah bioteknologi adalah, yang pertama, hasil pengeluaran tinggi, yang kedua, tahan serangan makhluk perosak dan tidak menggunakan racun makhluk perosak. Oleh itu, kos pengeluaran memang akan rendah. Namun, ada banyak pihak di dunia ini, lebih-lebih lagi di Eropah, Australia dan New Zealand, mereka enggan membeli produk-produk pertanian di mana kaedah bioteknologi sudah digunakan kerana mereka mengatakan bahawa *genenya* sudah diubahsuai ataupun *genetically modified*, dengan izin. Keraguan mereka ialah makanan *genetically modified* memberi kesan buruk kepada kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. James Dawos Mamit: Namun saya gulung, namun menurut WHO, belum nampak lagi kesan kepada kesihatan kita manusia. Oleh itu, saya menyarankan kepada kerajaan agar memperkembangkan kaedah bioteknologi di sektor pertanian. Sekian, terima kasih. 10 minit sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Petra Jaya.

3.20 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan ini. Sebagaimana kita semua ketahui, bajet kali ini menumpukan kepada empat strategi untuk pembangunan dan pertumbuhan. Jadi, saya tidak ingin untuk menyentuh keempat-empat strategi tersebut, cuma saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan di atas bajet yang cemerlang ini.

Cuma *reservation* saya, dengan izin, semua strategi tadi meletakkan harapan yang tinggi kepada *stakeholders* yakni rakyat, sektor perniagaan, kakitangan awam, NGO dan sebagainya. Saya mengharapkan kita mempunyai sumber daya tahan, komitmen serta kesungguhan untuk melaksanakan strategi tadi dengan berkesan. Pada saya ianya melibatkan perubahan budaya, *redesigning* dan *redefining*, dengan izin, tata cara kerja dan juga menambah kemahiran serta mengubah *mindset* dan *behavioral attribute*, dengan izin, sumber manusia kita.

Ianya perlu diterjemahkan pada tindakan. Satu cabaran yang amat berat. Mengapa ianya berat kerana masih banyak yang perlu kita perbaiki dalam konteks sektor perkhidmatan dan juga sumber manusia. Saya ambil satu contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dalam pinjaman perumahan, misalnya, Pinjaman Perumahan Persekutuan di mana ianya dipusatkan di Kuala Lumpur. Jadi, sering kali disebabkan proses jarak di luar, maka menimbulkan masalah kepada kakitangan kerajaan dari luar Kuala Lumpur dan sering kali mereka tidak akan dapat memenuhi peruntukan perjanjian pinjaman di mana pinjaman lambat dibayar kerana proses-proses dan atur cara yang dikenakan.

Akibatnya kakitangan kerajaan yang membeli rumah terpaksa membayar denda lewat bayar kepada pemaju. Pemaju juga menghadapi masalah lambat pembayaran pinjaman, maka mereka akan lambat membayar kontraktor. Jadi, ini harus kita lihat dan selesaikan dengan kadar segera. Ianya banyak bertentangan dengan kerajaan ataupun hasrat kita, Ahli Parlimen, untuk membantu rakyat. Jadi, kalau dapat kita rumuskan manusia memainkan peranan yang penting dalam sistem pentadbiran yang berkesan dan canggih, namun yang kita kawatiri adakah kita sendiri

dan *human capital* kita sedia untuk berubah, mahu berubah sealiran dengan hasrat kerajaan.

Yang kedua saya ingin sentuh tentang satu strategi iaitu penjimatan. Dalam *prudent financial strategy*, kita harus juga melihat kepada penjimatan iaitu, dengan izin, *cost saving measures* dan juga *cost effectiveness*. Maknanya kita harus ada jawatankuasa ataupun *task force committee* untuk melihat bagaimana kita dapat menjimatkan sumber kewangan kita dalam konteks belanjawan, melaksanakan projek secara *cost effective*, mencari tempat di mana kita dapat menjimatkan segala perbelanjaan. Satu lagi ialah mencari jalan bagaimana kita dapat membuat *cost saving*.

Ini kalau kita ambil contoh sebagaimana saya katakan tadi, perubahan bermula daripada kita. Di Parlimen ini kalau kita ambil contoh, kertas-kertas soalan dikeluarkan dengan dua bahasa, satu *English* dan satu Bahasa Malaysia. Kalau kita kaji dari segi penjimatan, kita boleh buat satu format kepada semua Ahli Parlimen untuk memilih bahasa mana yang mereka *refer*. Jadi, kita akan keluarkan hanya satu bentuk soalan sahaja mengikut *preference*, dengan izin, Ahli Parlimen tersebut.

Jadi, bayangkan penjimatan kertas yang kita gunakan. Jadi, berapa banyak penjimatan pengurusan kewangan yang dapat kita jimatkan yang boleh kita gunakan untuk pembangunan kepada rakyat. Begitu juga dengan kita sudah mempunyai sistem komputer ataupun IT yang canggih dalam Parlimen ini. Jadi, semua kertas-kertas dan buku-buku boleh kita edarkan melalui disket ataupun *disc*. Jadi kita tidak banyak menggunakan kertas dan dengan tidak banyak menggunakan kertas, kita akan dapat mengurangkan import kertas daripada luar negara.

Apabila kita mengurangkan import, kita akan ada *extra income* untuk kita gunakan kepada pembangunan negara, pembangunan untuk kebaikan rakyat. Dan daripada itu juga kita dapat menjimatkan ataupun menyelamatkan alam sekitar kita dengan kurang menggunakan kertas. Kurang pokok ditebang, jadi lebih hijau lah negara kita untuk masa depan generasi kita.

Yang ketiga, saya ingin menyentuh kepada kesejahteraan masyarakat. Saya harap pihak kerajaan terutamanya bangunan-bangunan kerajaan yang perlu dikunjungi oleh orang ramai, kalau dapat ianya biarlah *user-friendly* terutamanya kepada golongan warga emas kita dan juga orang kurang upaya atau orang-orang yang kurang berkemampuan dari segi penglihatan dan sebagainya. Kalau ini dapat kita

ambil perhatian, maka barulah kita dapat mencapai apa yang kita hasratkan untuk menjamin kesejahteraan hidup rakyat yang lebih berkualiti.

Satu lagi yang ingin saya sentuh ialah *balance growth*, dengan izin. *Balance growth* yang ingin kita capai ialah dalam konteks pembangunan sumber manusia dan keduanya ialah pembangunan fizikal. *Balance growth* atau pembangunan seimbang ini amat penting sebab kalau kita hendak menjalankan apa yang dikatakan meritokrasi, kita mewujudkan suasana persaingan. Persaingan mesti ada *level playing field*, dengan izin. Kalau tidak wujud *level playing field*, maka akan timbul ketidakadilan. Apabila tidak timbul keadilan, maka akan timbul ketidakpuasan hati. Jadi bila tidak timbul kepuasan hati, maka akan menimbulkan masalah sosial. Mungkin ada pemberontakan secara diam dan sebagainya.

Jadi, saya ambil contoh. Kalau kita hendak menjalankan meritokrasi dalam bidang pendidikan, cuba kita kaji peruntukan ataupun apa yang telah kita jalankan dalam bentuk infrastruktur sahaja di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Jalan luar bandar di Semenanjung, apa yang telah dijalankan ialah mereka telah mencapai sejauh 614.85 kilometer, Sarawak hanya 182.9 kilometer dan Sabah 59.4 kilometer. Projek jalan kampung di Semenanjung telah mencapai 12,422.93 kilometer, di Sarawak hanya 1,093 kilometer dan Sabah 1,404 kilometer.

Bekalan elektrik luar bandar, 98% telah dibekalkan, di Sarawak hanya 77% dan Sabah 69%. Begitu juga bekalan air luar bandar di Semenanjung telah dibekalkan dengan air sejumlah 97%, di Sarawak 65% dan Sabah 63%. Jadi, kalau kita hendak merapatkan jurang digital di Malaysia ini, jadi dengan adanya bekalan air, kurangnya kemudahan bangunan sekolah, perbezaan dalam kualiti tenaga pengajar, adakah adil untuk kita mewujudkan dan mengamalkan meritokrasi sepenuhnya di Malaysia.

Jadi, saya cadangkan kalau dapat kita mengadakan suasana persaingan yang baik untuk semua orang. Persaingan itu penting supaya kita dapat meningkatkan kualiti kita untuk sentiasa bersaing tetapi harus ada keadilan dalam bentuk *level playing field*. Jadi, kalau kita hendak mengadakan persaingan, misal kata untuk memasuki universiti, merit itu mesti diukur pada, misal kata bandar mesti ada kriteria bandar, luar bandar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: ...kriteria luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Jadi, untuk menggulung, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bentong.

3.30 ptg.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2005. Saya menyanjung tinggi usaha Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi untuk terus memperkemaskan jentera pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan awam. Kita sedia maklum sistem penyampaian yang berkesan amat penting untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan dan untuk meningkatkan sistem penyampaian ini ia adalah satu kerja yang amat berat.

Seorang Perdana Menteri ataupun menteri-menteri tidak dapat melaksanakannya tanpa kerjasama dan sokongan, dukungan daripada kakitangan kerajaan. Oleh itu awal-awal lagi Perdana Menteri kita telah pun menyeru bukan sahaja kepada rakyatnya malah juga khasnya kepada kakitangan kerajaan, "Bahawa bekerjalah bersama-sama dengan saya bukan bekerja untuk saya". Itu adalah satu slogan yang amat tepat untuk kakitangan kerajaan. *If the whole administration is dedicated towards developing the country*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya yakin ini akan memudahkan dasar-dasar yang digaris itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Dalam ucapan bajet Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya menyokong penuh usaha Perdana Menteri untuk menyusun semula beberapa kementerian dan juga memberi lebih fokus kepada kementerian-kementerian tersebut sebanyak 20 set *statute* dan juga peraturan telah dikenal pasti untuk dipinda, sementara 104 sistem dan proses kerja di 16 kementerian akan dikemaskinikan. Saya harap kerja-kerja kemas ini ini dapat dijalankan segera dan dapat maklumkan kepada Parlimen dan rakyat tentang keberkesanan dan kemas kini yang telah dijalankan.

Sudah lama kita berharap dan berucap untuk mewujudkan paradigma baru di kalangan kakitangan kerajaan. Perkhidmatan awam perlu melaksanakan perubahan-perubahan asas dari segi strukturnya supaya menjadi lebih berkesan dan praktikal.

Dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan, yang pertama peraturan bagi pengambilan kakitangan. Kita tahu sekarang kebanyakan kakitangan kerajaan perlu melalui Jabatan Perkhidmatan Awam dan satu peraturan yang lebih fleksibel perlu diatur bagi membolehkan calon-calon terbaik, *the best brain* memasuki perkhidmatan awam. Jabatan-jabatan kerajaan sepatutnya diberi kelonggaran dan kuasa yang sewajarnya supaya boleh mengambil kakitangan yang bersesuaian dengan kehendak dan juga keperluan agensi berkenaan.

Pada masa ini apabila sesuatu jawatan diwujudkan dan ia mengambil masa sehinggakan jabatan tersebut kekurangan kakitangan dan apabila diisi kemudian telah pun melepasi masa yang diperlukan. Seseengah pegawai ditukar ke kawasan lain tanpa menghiraukan kerja-kerja yang beliau sedang jalankan sama ada akan mendatangkan kemudharatan kepada jabatan tersebut. Ini adalah kerana amalan sekarang dijalankan oleh JPA, urusan pengambilan kakitangan baru dan juga pertukaran itu dibuat oleh JPA.

Saya penuh yakin dengan adanya kemas kini Jabatan Perkhidmatan Awam ini kita dapat memastikan bahawa pekerja-pekerja kakitangan kerajaan ini tidak perlu terus dilantik secara tetap, tetapi kalau kita hanya mengambil secara bukan tetap ataupun kita guna secara kontrak, maka kita boleh mengekalkan mereka yang cekap sahaja dan yang tidak cekap itu kita tidak perlu meneruskan perjanjian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga yakin bahawa komitmen.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai:kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada Ahli Yang Berhormat bangun. Hendak berikan laluan?

Tuan Liow Tiong Lai: Tidak ada masa. I banyak lagi, itu pun saya kena simpulkan ya. Maaf ya, lain kali kita bincang lagi. Berhubung dengan komposisi perkhidmatan awam sekarang seperti yang diumumkan, kita ada 1.8 juta kakitangan kerajaan dan hanya ada lebih kurang 106,000 bukan bumiputera. Saya rasa kerajaan perlu mengambil usaha yang bersungguh-sungguh.

Kita perlu *commit* untuk memastikan kekuatan masyarakat majmuk di Malaysia ini digunakan dengan sepenuhnya. Kalau semakin hari saya nampak kakitangan bukan bumiputera semakin berkurangan. Di kawasan saya Bentong dahulunya di

hospital ada 10 jururawat bukan bumiputera. Sekarang hanya ada seorang sahaja, *last one and that only one*. Kalau dia cuti saya terpaksa panggil jururawat swasta pergi tolong kerana di kawasan saya hospital tanpa jururawat Cina ini susah kerana banyak 'ahso' ataupun penduduk kampung ini tidak tahu berbahasa Melayu.

Oleh itu saya mintalah komposisi berbilang kaum ini perlu kita wujudkan dan memastikan kerana dengan adanya komposisi perkhidmatan awam yang berbilang kaum ini kita dapat memastikan, bukan sahaja dari segi perpaduan kaum malah juga dari segi kekuatan masyarakat majmuk dapat kita gunakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan, Suruhanjaya Perkhidmatan Perguruan yang diwujudkan sepatutnya adalah untuk mempercepatkan pengambilan pekerja-pekerja kakitangan awam, tetapi nampaknya usaha ini tidak mendatangkan hasil. Kewujudan suruhanjaya-suruhanjaya ini juga melambatkan contohnya pegawai perubatan. Nampaknya kita memang banyak kekurangan. Kita meminta banyak kali, Kabinet sudah lulus pengambilan doktor daripada luar negeri, tetapi suruhanjaya mengambil masa yang cukup lama untuk meluluskan kakitangan tersebut. Saya rasa semua ini perlu dilihat secara teliti. Saya tidak ada masa kerana kalau boleh saya hendak mendalami huraian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kenaikan pangkat, saya rasa ini juga perlu dilihat dengan teliti. Sistem penilaian yang baik perlu diwujudkan. Ketua-ketua jabatan yang membuat laporan penilaian ke atas pegawai-pegawai mereka perlu *familiar* ataupun biasa dengan kerja-kerja yang dilakukan oleh pegawai-pegawai yang dinilai. Ada sesetengah pegawai kerjanya seperti jurutera, tetapi ketuanya bukan jurutera dan tidak tahu apa kerja-kerja yang dijalankan oleh pekerja tersebut.

Oleh itu saya rasa penilaian ini perlu diteliti dan kenaikan pangkat juga skim-skimnya perlu diteliti. Contohnya seorang Pengarah Hospital Daerah dalam pangkat U48, apabila dinaikkan pangkat U52 gajinya hanya naik RM3.33 sen. Ini daripada RM5990 naik jadi RM6003.33 sen. Jadi saya rasa kalau kita gunakan skim-skim yang lapuk ini saya rasa sudah tiba masanya kita tidak perlu guna skim ini. Pastikan bahawa kenaikan pangkat dalam kakitangan kerajaan ini dapat dijalankan dengan lebih teratur. Juga dari segi peperiksaan PTK banyak juga keluhan dan aduan yang kita terima bahawa sesetengah profesion seperti kedokteran, pegawai perubatan. Memang kita sudah kekurangan doktor, tetapi mereka juga perlu menduduki

peperiksaan PTK untuk memastikan mereka dapat naik pangkat. Saya rasa kalau kita bagi sesetengah profesion saya rasa kita tidak perlu adakan peperiksaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang ketiga ialah berhubung dengan budaya kualiti dan latihan. Budaya kualiti dan latihan kakitangan kerajaan itu amat penting. Kita tahu bahawa kita perlu ada pekerja-pekerja yang berkualiti, maka latihan itu perlu dijalankan dengan baik. Contohnya, kita di Jabatan Kerja Raya tidak ada cukup wang untuk menghantar *engineer* kita untuk latihan dalam negeri mahupun di luar negeri. Tanpa latihan secukupnya, tanpa ada pengalaman mereka tidak dapat menguasai kerja-kerja yang dijalankan dalam negara kita.

Masalah MRR2 di Kepong ini, JKR memang sepatutnya mengawasi kerja-kerja jambatan tersebut, tetapi apa yang sedih berlaku kerana kita kurang adanya latihan, maka kakitangan kita tidak dapat menjalankan *supervision* dengan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap kakitangan yang dihantar kepada Parlimen ini juga dapat menjalankan kerja dengan berkualiti. Ramai Ahli Parlimen juga bersungut bahawa selalunya menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen berjanji akan memberikan jawapan secara bertulis, tetapi kita tidak pernah dapat jawapan bertulis kerana pegawai yang mencatat itu balik jabatan, balik ke kementerian tidak menjalankan kerja dengan apa yang kita harapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai: Saya rasa ini kita perlu pantau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukuplah.

Tuan Liow Tiong Lai: *Last one* Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan kewibawaan dan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam, ketelusan kakitangan kerajaan adalah sangat perlu. Oleh itu prosedur dan proses kerja perlu kita tingkatkan. Saya amat menyambut baik seruan Yang Amat Berhormat, kita adakan Disclosure Based Regulation (DBR) Peraturan Berdasarkan Pengisytiharan adalah dialu-alukan. Oleh itu garis panduan yang jelas diumumkan, kelulusan secara automatik.

Saya rasa ini adalah amat penting bagi perkhidmatan awam di negara kita. Kalau kita dapat jalankan kerja macam ini, saya rasa seperti kita memohon visa, memohon permit masuk contohnya, Ahli Parlimen bagi Penampang sudah bercerita hari itu, isterinya sudah 15 tahun di negara kita memohon tetapi tidak dapat jawapan.

Kalau kita ada sistem yang baik ini, maka tidak kiralah lesen, visa atau memohon pekerja asing, apabila kita mengisi borang dengan garis panduan yang jelas, maka kelulusan akan diberi secara automatik maka kecekapan, *efficiency government servant* kita akan dipertingkatkan.

Oleh kerana tidak ada masa, saya akur kepada Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Yang Berhormat bagi Tenom.

3.41 ptg.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2005 ini dan saya juga ingin mengambil kesempatan ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merangkap Menteri Kewangan untuk mencadangkan satu bajet yang begitu mesra rakyat.

Berdasarkan bajet yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri kita baru-baru ini, kita melihat sektor pendidikan telah menjadi keutamaan dalam mendapat peruntukan yang terbesar. Bagi saya peruntukan itu amat bermakna dan bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk meneruskan strategi ketiga iaitu membangunkan sumber manusia sebagai pemangkin ekonomi negara dengan menjadikan sistem pendidikan negara bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membicarakan keperluan dan kepentingan pendidikan, saya ingin menarik perhatian mengenai keadaan guru-guru yang menabur bakti di sekolah-sekolah pedalaman di kawasan Sabah khususnya di kawasan saya dan sebagai contoh, sebahagian guru-guru yang tinggal di luar bandar itu, mereka tinggal di bangunan yang berteraskan struktur separa kekal di mana kebanyakan daripada material-materialnya terutamanya telah usang dan uzur. Ini berlaku kerana kemudahan prasarana kediaman guru-guru yang sedia ada tidak mencukupi dan guru-guru yang cekal ini sanggup untuk bertahan demi tanggungjawab mereka untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak bangsa kita di sana.

Dalam kita menghargai ketabahan mereka ini, saya juga menyelami perasaan mereka dan memahami bahawa mereka bertahan kerana menganggap keadaan yang daif, mereka ini hanya bersifat.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun. Ada masakah Yang Berhormat?

Tuan Raimi Unggi: Tidak ada masa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tolong Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada masa ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak beri laluan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *Please*, satu minit sahaja.

Tuan Raimi Unggi: Bolehkah? Tolong....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Setengah minit, setengah minit.

Tuan Raimi Unggi: Okey, okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang masalah kebajikan guru-guru ini di kebanyakan tempat, kawasan saya pun begitu juga. Tetapi masalahnya apabila ada perumahan yang dibuat berbentuk *apartment* atau kondominium, guru-guru tidak hendak duduk pula. Dia kata kawasan ini luar bandarlah, pedalamanlah, tidak ada Astro dan sebagainya. Jadi minta sedikit pandangan Yang Berhormat. Bagus disediakan rumah untuk mereka tetapi bila kita sediakan mereka tidak hendak duduk pula. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang masalah guru-guru yang enggan duduk di rumah-rumah yang disediakan oleh kementerian kononnya kawasan itu pedalaman, tidak ada kemudahan-kemudahan dan jauh daripada bandar. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Raimi Unggi: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya rasa pandangan Yang Berhormat itu memanglah betul tetapi apa yang penting saya fikirkan, mereka perlulah membuat banciaan ke atas kehendak mereka juga. Jadi saya ingin sambung perbahasan saya [*Disampuk*] tidak ada masa. Saya berdiri di Dewan yang

mulia ini pada hari ini, sehingga hari ini saya rasa masalah-masalah ini masih belum lagi dapat diselesaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Jika keperluan asas guru-guru ini terus diabaikan akan menjadi satu implikasi kepada komitmen mereka, maka mereka mempunyai sebab yang wajar untuk kadang-kadang memohon pertukaran ke kawasan lain. Sementara itu guru-guru pengganti pula akan lebih lama untuk dicari.

Sebagai satu galakan dan insentif kepada guru-guru khususnya mereka yang baru menamatkan latihan sangatlah wajar masalah kritikal ini dapat diberi perhatian. Sekiranya guru-guru baru ini mengajar di kawasan pedalaman dalam keadaan yang tidak selesa kerana terpaksa, sudah pasti tumpuan untuk mendidik tidak akan tercapai sepenuhnya. Akhirnya sekolah-sekolah di pedalaman ini akan mendapat khidmat guru sandaran yang kurang terlatih.

Berasaskan kepada aspirasi untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan kelas pertama ditambah lagi dengan hasrat untuk merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar, saya ingin menyebutkan terdapat keperluan yang mendesak bagi memberikan tumpuan khusus kepada kemudahan rumah guru-guru di kawasan pedalaman ini.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh, Tuan Yang di-Pertua, iaitu keperluan perpustakaan sekolah khususnya di luar bandar. Saya lihat daripada lawatan-lawatan saya baru-baru ini di SRK dan SRJK(C), saya dapati kebanyakan daripada sekolah-sekolah ini masih kurang mempunyai buku-buku dan bahan-bahan rujukan di dalam perpustakaan dan kita berharap pihak-pihak yang berkenaan akan dapat mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk menambah buku-buku rujukan di perpustakaan ini.

Dalam perkara yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal kesihatan. Usaha-usaha kerajaan dalam bidang kesihatan telah meningkatkan taraf kesihatan rakyat di seluruh negara dan ini dapat diukur menerusi petunjuk-petunjuk am kesihatan seperti kadar kematian bayi dan jangka hayat penduduk. Contohnya, kadar kematian bayi pada setiap seribu kelahiran telah menurun dari 13.1 kematian pada tahun 1990 kepada lima kematian dalam tahun 2003. Sementara itu jangka hayat pada tahun 2003 bagi lelaki telah meningkat ke purata 71 tahun dan perempuan pula kepada 75.5 tahun.

Dalam Bajet 2005 ini, sejumlah RM7.9 bilion telah diperuntukkan untuk perkhidmatan kesihatan dan perubatan berkualiti untuk rakyat. Menyentuh prasarana

perkhidmatan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar seperti kawasan yang saya wakili, saya di sini ingin mengambil kesempatan untuk menimbulkan beberapa masalah kesihatan di kawasan luar bandar.

Hari ini di kawasan saya terdapat tiga klinik desa di sekitar Parlimen Tenom iaitu Kuala Tomani, Ulu Tomani dan juga Melalap. Namun apa yang menyedihkan, kebanyakan daripada klinik-klinik ini, keadaannya sudah uzur dan terdapat keperluan segera untuk dibaik pulih. Di samping itu ketiga-tiga klinik ini juga bergilir-gilir ataupun berkongsi kenderaan, ambulans dan pacuan empat roda yang dipinjamkan daripada Hospital Tenom. Seperti juga klinik-klinik tersebut yang telah usang, kita dapati kenderaan tersebut juga dalam keadaan uzur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Tuan Raimi Unggi: Susah hendak cakap 10 minit sahaja. *[Ketawa]* Jadi, saya berharaplah saya berharap kepada kementerian-kementerian yang telah saya katakan tadi akan dapat mengambil perhatianlah terutama kita lihat keadaan kesihatan di luar bandar ini amat ketara sekali tidak diurus dengan baik.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, kesihatan di luar bandar ini juga yang saya lihat mereka ini tinggal terlalu jauh daripada hospital. Jadi di sini saya mengambil kesempatanlah supaya pihak Kementerian Kesihatan agar dapat membina sebuah Klinik Desa yang khusus untuk di kawasan luar bandar terutama di kawasan saya iaitu di mukim Rundum. Kita dapati pada satu ketika dulu mereka ini telah menerima perkhidmatan doktor udara daripada kerajaan negeri, tetapi agak malang pada hari ini perkhidmatan itu telah ditamatkan, dan saya berharaplah Kementerian Kesihatan dapat walau pun mungkin mengambil masa untuk membina klinik kesihatan di mukim tersebut tetapi saya berharap perkhidmatan kesihatan ini akan dapat diberikan secara berterusan kepada penduduk-penduduk di kawasan ini. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bandar Kuching.

3.52 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bajet 2005 telah dilabelkan sebagai mesra rakyat dan bersifat penyayang (*caring bajet*) oleh kebanyakan pemimpin Barisan Nasional. Inilah bukan *something is new*, ini adalah biasa sahaja kerana hampir setiap tahun apabila Menteri Kewangan

membentangkan bajet, hujah-hujah dan pujian-pujian yang lapuk dan tidak inovatif ini yang akan dinyatakan oleh mereka. Mungkin kerajaan dapat memberitahu kita tentang pembangunan ekonomi di Malaysia dengan pelbagai statistik, tetapi hakikatnya hasil pembangunan yang diheboh-hebohkan ini masih belum dapat dirasakan oleh rakyat jelata di akar umbi.

Apabila pemimpin-pemimpin Barisan Nasional begitu giat dengan hujah-hujah pujaan terhadap bajet yang dibentangkan, rakyat jelata pada situasi yang sebaliknya pula semakin menderita dengan kos kehidupan yang semakin melambung tinggi. Salah satu sebabnya mengapa kos kehidupan rakyat melambung tinggi ialah kenaikan harga petrol dan diesel.

Sejak pilihan raya umum yang lepas harga petrol dan diesel dinaikkan oleh kerajaan dan sekarang nampaknya ianya akan terus melonjak tinggi dengan kadar..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Eh, tidak perlu ganggu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak cukup masa, lain kali.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya, kelmarin saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia, tidak beri laluan sila Yang Berhormat duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen: Melonjak tinggi dengan kadar penambahannya dijangka mencecah kira-kira 10 % daripada harga semasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri laluan.

Tuan Chong Chieng Jen: Kalau masa dapat dipanjangkan saya akan beri tetapi tidak dapat bukan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bandar Kuching, Bandar Kuching masa cukup.

Tuan Chong Chieng Jen: *Not my fault, okey are were continue [Ketawa].*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Masa cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat tidak mahu masa cukup.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya akan terus. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru rakyat supaya bersifat lebih bertimbang rasa terhadap kerajaan

dengan alasan bahawa kerajaan sedang kehilangan berbilion ringgit setiap tahun hanya kerana penampungan subsidi atas diesel dan petrol dan pengecualian cukai yang diberi kepada *product-product* petrol.

Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru rakyat supaya bersifat lebih bertimbang rasa saya ingin menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya lebih pula bertimbang rasa terhadap rakyat sekiranya beliau ingin menaikkan harga petrol dan diesel. Khususnya apabila rakyat telah menunjukkan sokongan kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya umum yang lepas di mana Barisan Nasional telah kembali berkuasa dengan majoriti kerusi yang melebihi 90 % dalam Dewan yang mulia ini.

Yang nyata Barisan Nasional tidak harus membalas budi baik rakyat dengan menaikkan harga petrol dan diesel. Pada Mei, 2004 Pengerusi Petronas telah mengatakan bahawa dengan harga minyak mentah yang naik di pasaran antarabangsa, pulangan Petronas dijangka akan meningkat pada tahun 2004. Sekiranya Petronas berupaya untuk menjana keuntungan yang lebih tinggi adalah tidak wajar mengapa sebahagian daripada keuntungan ini tidak dapat disalurkan untuk mengelakkan rakyat daripada menanggung beban harga minyak yang lebih tinggi.

Kita tidak boleh menafikan hakikat bahawa kenaikan harga diesel dan petrol akan mendatangkan kesan yang besar terhadap ekonomi dan kehidupan rakyat negara kita. Mengapakah cadangan untuk menaikkan harga petrol dan diesel tidak disebut dalam ucapan bajet Perdana Menteri. Inilah soalan yang merunsingkan saya. Adakah ianya disebabkan oleh perasaan takut bahawa dengan pengumuman ini habuan-habuan setia yang disediakan oleh kerajaan akan kehilangan kesannya.

Adakah dengan pengumuman ini imej Bajet 2005 yang kononnya mesra rakyat akan tercalar dan terjejas dan bagaimana kita dapat menerima bajet ini di mana bajet ini langsung tidak menyentuh walau satu perkataan terhadap kenaikan harga petrol dan diesel yang mana ianya akan mempunyai kesan yang buruk terhadap kepentingan rakyat.

Adakah udang di sebalik batu, apabila kerajaan ingin menyorok keinginannya untuk menaikkan harga petrol dan diesel. Dengan kenaikan harga diesel dan petrol ini ianya akan mewujudkan kesan inflasi yang mana ianya akan membatalkan semua habuan-habuan kecil yang dijanjikan dalam bajet. Malahan kesan pengumuman bonus kepada kakitangan kerajaan akan terbatal dengan kenaikan harga petrol dan diesel.

Pengumuman bonus hanya satu *benefit* yang bersifat *one off*. Tetapi kenaikan harga petrol dan diesel pula akan menjejaskan kehidupan rakyat setiap hari. Malahan kita semua tahu bahawa harga minyak di pasaran antarabangsa akan turun naik sentiasa tidak, tetapi di Malaysia harga petrol dan diesel seolah-olahnya hanya meningkat sahaja dan tidak pernah sekali pun ia menurun. Ini sama seperti dengan memberi seorang RM10 setahun tetapi kita mengambil balik 50 sen setiap hari daripadanya. Dengan kenaikan harga petrol dan diesel bersertakan dengan kesan inflasi yang dibawa oleh kenaikan ini, rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah akan lebih merasakan kehimpitan hidup mereka.

Jikalau kerajaan memang serius dalam membentangkan satu bajet yang betul-betul mesra rakyat, kerajaan sekurang-kurangnya perlu komited dan berjanji kepada rakyat bahawa kerajaan tidak akan membenarkan kenaikan harga diesel dunia petrol sehingga hujung tahun 2005. Dapatkah kerajaan memberi jaminan dan janji yang sedemikian, kalau tidak bagaimanakah kita boleh mengatakan dan menganggap bajet 2005 sebagai bajet yang mesra rakyat. Oleh kerana tidak cukup masa saya akan membangkitkan satu isu lagi.

Berkenaan dengan tabung pembangunan sebanyak RM28.3 bilion, saya berharap kerajaan akan memberi tumpuan kepada Sarawak khususnya dalam kawalan banjir di Kuching. Sudah dua tahu berturutan pada masa setiap perayaan tahun baru Cina 2003 dan 2004 banjir serius telah melanda Kuching dan bandar-bandar yang berdekatannya. Beribu-ribu rumah telah ditenggelami banjir. Balai polis juga ditenggelami banjir sehingga kelihatan bumbungnya sahaja. Untuk menyelesaikan masalah ini, ianya dijangka akan memakan belanja sebanyak RM300 juta untuk membina sebuah terusan banjir, *a flood mitigation canal*. Kerajaan negeri Sarawak telah mengatakan bahawa mereka sedang menunggu peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan memberikan perhatian yang segera terhadap perkara ini kerana tidak lama lagi perayaan Tahun Baru Cina akan bermula dunia dan sudah pasti semua penduduk Kuching tidak ingin perkara ini berulang lagi.

Secara alternatif sekiranya peruntukan kewangan ini mengalami masalah, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya berbincang dengan Ketua Menteri Sarawak yang juga seorang Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kota Samarahan, sementara Kerajaan Negeri Sarawak mengadu tentang kekurangan

sumber kewangan. Kita pula diberitahu bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telah memulakan pembinaan bangunan Dewan Undangan Negeri, walaupun bangunan Dewan Undangan Negeri yang sedia ada masih dapat digunakan buat berpuluh-puluh tahun. Projek pembinaan bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru ini dijangkakan akan memakan belanja sebanyak RM300 milion. Upacara pecah tanah baru sahaja dijalankan tiga hari lepas iaitu pada 20hb. September 2004. Mana satu yang lebih penting, pembinaan bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru atau terusan banjir yang akan menguntungkan berpuluh-puluh ribu rakyat jelata? Sudah tentu *priority* patutlah diberi kepada projek yang lebih menguntungkan rakyat.

Kami DAP Kuching telah meminta beberapa kali kepada Kerajaan Negeri Sarawak agar projek bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru itu ditangguhkan supaya dana itu dapat digunakan untuk pembinaan terusan banjir itu tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Chong Chieng Jen: Sudah mahu habis. Tetapi ia tidak dipedulikan oleh kerajaan negeri. Mungkin sekiranya ia dikeluarkan oleh seorang yang berpangkat Perdana Menteri, maka mungkin Kerajaan Negeri Sarawak akan menurut. Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional ingin mempotretkan dirinya sebagai kerajaan penyayang, maka ia perlu bertindak sedemikian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kapit.

4.02 ptg.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2005 ini. Dengan kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan, yang telah dengan jayanya menerajui kesinambungan kecemerlangan tampuk kepimpinan negara sebelum ini ke tahap yang lebih gemilang dan seterusnya terbilang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atas bajet yang begitu baik dan yang benar-benar amat mesra rakyat, walaupun ada beberapa aspeknya yang ingin saya persoalkan sedikit. Sebagai keseluruhannya saya turut bersama-sama rakan Yang

Berhormat Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, khususnya dari Barisan Nasional menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2005 ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah inovatif kerajaan memperkenalkan *GST (Goods and Services Tax)*, adalah bersesuaian dengan kehendak masa kini dalam usaha menuju ke arah bajet seimbang nanti. Namun demikian, suka saya ingatkan di sini sekali lagi supaya pelaksanaannya nanti tidak akan membebankan rakyat terutama mereka yang dikategorikan berpendapatan rendah dan sederhana. Seterusnya agar kadar inflasi yang ada, yang di tahap rendah pada masa kini dapat dikekalkan dalam usaha kerajaan cuba mengimbangi penurunan pendapatan yang bakal berkurangan, dengan berkurangnya hasil kutipan yang disumbangkan oleh hasil cukai individu dan juga cukai korporat.

Bagi kepentingan negara amnya, pertama kerajaan harus memikirkan mekanisme yang wajar supaya dengan terlaksananya GST nanti ia tidak akan mengubah corak perbelanjaan pihak swasta yang ada kini. Ini kerana dianggarkan pada bajet tahun 2005 bahawa penggunaan swasta, *private consumption* adalah menyumbangkan 23.3% kepada hasil negara keseluruhannya.

Kedua, kerajaan hendaklah juga memikirkan mekanisme agar mereka yang kaya serta mempunyai *disposable income* yang berlebihan hasil dari pengurangan cukai individu akan berbelanja di dalam negeri ataupun di dalam negara

Ketiga, kerajaan hendaklah memikir dan mengadun formula agar pendapatan syarikat yang berlebihan hasil daripada pengurangan cukai korporat nanti akan dilaburkan semula ke sistem ekonomi negara. Ini bagi memastikan agar matlamat utama untuk mengurangkan cukai korporat dapat dimanfaatkan secara optimum untuk mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan, dan seterusnya dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang lebih cemerlang dari apa yang telah ada kini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu teliti dan berhati-hati dalam melaksanakan GST. Jika tidak ia pasti akan memberi impak sebaliknya kepada pertumbuhan ekonomi negara. Perkara ini boleh berlaku sekiranya kedua-dua sektor awam dan juga swasta mengurangkan perbelanjaan mereka dengan cara yang lebih selektif. Jika ini berlaku maka adalah sukar bagi kerajaan mencapai hasil yang telah dianggarkan diperolehi dari kedua-dua sektor ini sebanyak 33.3% seperti yang telah disasarkan.

Seandainya senario ini berlaku ia sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada anggaran defisit sebanyak 3% kepada KDNK dalam bajet tahun 2005 ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan mempertingkatkan sistem penyampaian *delivery system* adalah sangat dialu-alukan. Namun demikian angka yang tercatat pada bajet tahun 2005 ini adalah menggambarkan keadaan, saya fikir adalah sebaliknya.

Pada bajet tahun 2005 perbezaan yang ketara adalah jurang belanja mengurus dan belanja pembangunan itu masing-masing adalah RM89.1 bilion iaitu 75.9% belanja mengurus dan RM28.3 bilion atau 24.1% belanja pembangunan. Ini bermakna $\frac{3}{4}$ dari keseluruhan bajet tahun 2005 adalah dibelanjakan untuk mengurus pembangunan dan kurang daripada $\frac{1}{4}$ untuk pembangunan.

Dalam dunia ICT yang serba canggih ini yang sepatutnya berlaku adalah sebaliknya. Bukankah kita selalu menekankan kepada perkhidmatan awam berapakah jumlah anggota perkhidmatan awam. Tidakkah sepatutnya kita menekankan kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti sambil mengurangkan kos pentadbiran. Di manakah kedudukan kita jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain seperti Taiwan, Seperti mana yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Kudat beberapa hari lalu.

Gambaran yang saya dapat bila kita menekankan dan menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap k-ekonomi, e-commerce dan berpengetahuan mengenai ICT, walaupun kita mengeluh mengenai kekurangan kemudahan pengetahuan dan penggunaan ICT di kawasan luar bandar dan oleh orang awam amnya. Kita tetap fokus dan komited untuk menjadi negara yang cekap dan produktif dalam ekonomi.

Apa yang mahu saya tekankan di sini ialah supaya jangan terlalu mengharap dan bergantung pada perkhidmatan awam sebagai sumber pendapatan dan pekerjaan. Generasi yang akan datang dan yang mencari kerja mestilah jangan hendak bekerja dengan perkhidmatan awam sahaja. Mereka mesti mengembangkan pandangan mereka dan mencari peluang bukan sahaja di sektor swasta tetapi sebagai usahawan, ahli perniagaan dan yang lain. Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Minta maaflah Jerai sebab kesuntukan masa. Lain kali ya! Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak pa, tak pa.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, ketidakcekapan dalam menguruskan pembangunan dengan kadar kos yang tinggi akan memudaratkan pembangunan dan seterusnya membantutkan pertumbuhan ekonomi. Oleh itu kerajaan seharusnya tidak berkompromi dalam hal ini demi rakyat dan negara.

Sistem penyampaian yang efisien sudah tentu akan dapat membantu mengurangkan kos kumpulan sasar, di samping dapat memberi impak yang optimum kepada pembangunan ekonomi keseluruhannya. Justeru itu kawal selia yang berkesan di semua peringkat pelaksanaan patut diberi penekanan yang sewajarnya oleh kerajaan supaya matlamat utama bajet tahun 2005 ini dapat dicapai sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang berhemah atau *prudent budget* harus dipastikan pelaksanaannya sepanjang masa di semua peringkat supaya bajet tambahan dapat dielakkan demi mencapai hasrat mewujudkan bajet berimbang pada akhir 2008 selewat-lewatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa minat dengan perkara perbekalan tambahan atau *supplementary budget*, dengan izin. Dewan yang mulia telah banyak kali diminta meluluskan permintaan perbekalan tambahan sebelum ini. Ini menunjukkan bahawa kita tidak mengurus dengan cekap dan tidak berdisiplin dengan membelanjakan wang untuk perkara-perkara yang tidak dirancang terlebih dahulu.

Sekiranya Dewan akan diminta untuk meluluskan Perbekalan Tambahan pada tahun hadapan, ini bermakna matlamat untuk memastikan defisit tidak akan melebihi 38% daripada KDK tidak akan tercapai. Jika kita berbuat demikian, orang ramai akan mengkritik kita dengan mengatakan kita tidak cekap mengurus ekonomi dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada perkara yang berkaitan dengan masyarakat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi pembangunan bekalan elektrik luar bandar berjumlah hanya RM130 juta untuk keseluruhan negara pada pendapat saya adalah terlalu kecil. Ini memandangkan seramai 41.1 % dalam banci tahun 2000 penduduk di negara ini adalah tinggal di kawasan luar bandar. Bagi kami di Sarawak, 49.5% rakyatnya adalah terdiri dari masyarakat yang masih tinggal di pedalaman, manakala di negeri Sabah pula 61.8% penduduknya adalah terdiri daripada masyarakat pedalaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Aduh! Banyak lagi yang saya ingin sebutkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mengapalah. Di peringkat Jawatankuasa bolehlah Yang Berhormat ambil kesempatan.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Bolehlah. Tuan Yang di-Pertua, saya menggulung. Dengan ini saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Putatan.

4.11 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut berbahas Bajet 2005 yang bertema “Menjamin Kesan Kesinambungan Kejayaan” yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga merangkap Menteri Kewangan Malaysia. Kita ucapkan tahniah kepada beliau kerana menyediakan Bajet yang begitu mesra kepada rakyat. Ianya sungguh prihatin.....Minta maaf Jerai. *[Ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jerai yang meninggalkan Dewan]* yang sungguh prihatin terutama sekali kepada masyarakat kita dari luar bandar yang terdiri daripada kaum bumiputera yang berpendapatan rendah walaupun kita sudah berjaya membangunkan negara kita begitu pesat dan banyak lagi perkara-perkara yang harus diberikan tumpuan untuk dimajukan.

Perbahasan saya hanya satu tumpuan sahaja iaitu kemajuan dan penglibatan kaum bumiputera secara menyeluruh. Apabila Dasar Ekonomi Baru digubal di dalam Rancangan Malaysia Kedua ianya mengandungi dua rangka utama bagaimana hendak membangunkan negara kita.

Langkah pertama ialah mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat dalam negara ini tanpa mengira kaum. Langkah yang kedua adalah untuk mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat negara ini bagi memperbaiki ekonomi pada ketika itu, seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Proses ini melibatkan pembaharuan penghidupan di luar bandar. Perkembangan kegiatan-kegiatan di luar bandar seimbang mewujudkan satu masyarakat perniagaan dan perusahaan di kalangan orang-orang Melayu dan kaum-kaum bumiputera yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malang, malang sekali kita menjangkau Rancangan Malaysia Ke-9, mimpi segolongan rakyat negara kita yang masih jauh ketinggalan terutama sekali kaum-kaum bumiputera minoriti dari Sabah dan Sarawak dan juga Orang-orang Asli di Semenanjung segala usaha kerajaan yang murni itu tidak sampai kepada sasaran yang sebenar disebabkan kegagalan pihak pelaksana untuk memenuhi hasrat kerajaan itu. Manakala di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 di samping mengekalkan strategi asas Dasar Pembangunan Ekonomi Baru yang memberikan penumpuan kepada pembasmian kemiskinan di kalangan dan golongan termiskin untuk mengurangkan kemiskinan relatif.

Tidak perlulah saya menyatakan anggaran yang dikeluarkan oleh UPE kerana memang ketara negeri Sabah itu adalah negeri yang termiskin di negara ini. Negeri Sabahlah juga johan kemiskinan di negara kita dan negeri Sabah juga penyumbang utama bagi angka yang tertinggi kepada bilangan isi rumah termiskin di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan melalui ucapan Belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita agar kerajaan dapat mengutamakan (*prioritize*) satu pendekatan atau satu langkah yang berfokus untuk menyelamatkan nasib masyarakat yang tertinggal dalam kongkongan kemiskinan ini terutama sekali rakyat kita yang akar umbi duduk di luar bandar.

Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan kita supaya memberi tumpuan yang serius kepada peningkatan produktiviti sektor pertanian melalui pembukaan atau pembangunan tanah-tanah yang kecil saiznya, yang sudah lama terbiar iaitu tanah-tanah yang dibangunkan secara optimum oleh pembeli-pembeli bumiputera di luar bandar yang digelar sebagai orang-orang yang termiskin di negara kita. Mereka ini boleh maju jikalau kerajaan betul-betul sensitif dan serius untuk membantu mereka. Tolonglah, jangan lagi bagi jawapan kepada saya bahawa hal ehwal tanah ini adalah jagaan kerajaan negeri. Puas sudah kita mendengar *excuse* Kerajaan Pusat dengan jawapan seperti itu. Kita mahu menolong orang miskin. Jangan jadikan soal pemilikan atau hal ehwal pentadbiran tanah negeri menjadi satu sekatan untuk Kerajaan Pusat membantu masyarakat-masyarakat yang saya sebutkan tadi.

Bagaimanapun, tanah-tanah orang miskin ini kalau mereka tiada tanah, kita boleh berikan mereka tanah – arah kerajaan negeri berikan tanah kepada mereka. Tidak payah lagi pemilikan kepada syarikat-syarikat yang besar ini. Cukuplah. Kalau ada syarikat yang mahu usahakan tanah-tanah tersebut, biarlah bekerjasama dengan orang-orang kampung - bagi syer, saham dan berikan mereka kerja, bagi jawatan atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali agar mereka *personalize*, dengan izin, tunjuk ajar bagaimana hendak memantau pemilik-pemilik ini mengusahakan tanah-tanah mereka dengan menggunakan teknologi yang sedia ada. Bukan hendak *threaten*, dengan izin, menakut-nakutkan orang-orang miskin, pemilik-pemilik tanah di luar bandar itu seperti kenyataan yang dikeluarkan oleh seorang Menteri Kerajaan Negeri Sabah baru-baru ini yang telah menyatakan bahawa kalau pemilik-pemilik tanah itu tidak mengusahakan tanah-tanah mereka, maka kerajaan negeri akan menarik balik pemilikan tanah tersebut.

Memang ada peruntukan dalam undang-undang tanah bahawa tanah itu kalau tidak dibuka, maka kerajaan ada hak menarik balik tetapi ini bukanlah cara yang baik. Menakutkan rakyat miskin supaya membuka tanah-tanah mereka adalah bahaya. Ini bahaya, perkara ini bahaya kepada pilihan raya yang akan datang.

Apa salahnya kalau kita mengikut cara yang baik. Kita sudah mengenal pasti pelbagai program pembangunan *in situ* termasuk penyediaan infrastruktur pertanian, bantuan awam semula, penyatuan dan pemulihan tanah serta khidmat sokongan. Kita juga tumpu kepada program mekanisme dan pengembangan amalan agronomi moden serta mengukuhkan rantai pengeluaran pertanian yang dapat meningkatkan nilai tambahan dalam sektor ini.

Adalah dicadangkan apabila ada penglibatan syarikat-syarikat swasta untuk menjadi sebagai rakan kongsi kepada pemilik-pemilik pekebun kecil yang mana seharusnya digalakkan dan perkara ini haruslah dilaksanakan dan diselaraskan melalui penubuhan satu agensi kerajaan supaya jangan ada kejadian penyelewengan (*abuse*) atau penipuan dan segala proses kepada usaha ini haruslah dipantau dengan ketat.

Perkara-perkara seperti Ini mahu dipotonglah, Tuan Yang di-Pertua
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya. Kena potonglah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Mahu kasi pendek sedikit. Tetapi kadang-kadang benda yang pendek itu tidak kena pada sasaran itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Patutnya tadi sudah boleh dipotong.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ya, mesti mahu panjang sedikit. *[Ketawa]* Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi – dia mahu dengar juga. Bos saya dengar juga persembahan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang tidak dapat sampai di sini boleh bawa kepada perhatian mereka.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Antara isu yang diutarakan supaya memastikan kesejahteraan hidup serta memperbaiki lagi kualiti hidup kepada golongan yang termiskin dan orang yang kurang upaya serta keluarga ibu tunggal dan juga termasuklah program-program yang lain.

Peruntukan yang besar bagi bidang pembangunan di sektor pertanian adalah satu strategi beliau untuk memperluaskan lagi program di dalam sektor ini terutama sekali di negeri Sabah dan Sarawak kerana kedua-dua negeri ini mempunyai Kementerian Pertanian masing-masing.

Saya mohon supaya peruntukan sekurang-kurangnya RM1 juta kepada setiap Ahli Parlimen supaya kita nampak betul-betul membantu petani-petani atau nelayan-nelayan kita, saya harap peruntukan itu dikendalikan oleh setiap Ahli Parlimen sebagai agensi Kerajaan Pusat supaya bantuan-bantuan seperti yang saya sebutkan tadi itu yang digubal oleh kerajaan dapat dilihat oleh pengundi-pengundi kita di kampung.

Sebagaimana yang kita sudah maklum, Kementerian Pertanian adalah diharapkan dengan bajet ini dapat menumpukan lagi usaha untuk menambah infrastruktur pertanian serta menambahkan perusahaan pembuatan hiliran dan pemprosesan makanan disediakan khasnya kepada rakyat di luar bandar. Saya yakin usaha kerajaan yang murni seperti ini dapat merealisasikan mimpi mereka untuk turut maju. Adalah diharapkan agar sebahagian besar daripada peruntukan yang dicurahkan kepada negeri Sabah dan Sarawak yang agak jauh ketinggalan dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang besar masih diperlukan untuk membangun di luar bandar dan ini sungguh memadai *running on defisit is normal*, dengan izin. Negara yang besar seperti Amerika pun begitu juga tetapi pengurusan

wang negara kita patut pandang jauh dari sekarang, maksud saya persepsi sebab ketidakinginan pelabur-pelabur asing terhadap Malaysia harus dikaji semula. Bajet ini memang begitu jelas wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk mengurangkan defisit kita, tetapi pada masa yang sama juga menumpukan GDP negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Terlampau pendek, susah Datuk [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepuluh minit.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Banyak ini.

Seorang Ahli: Kena *landing*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Ada ramai lagi.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Ini kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan saya kacau Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Bukan. Sahabat saya yang sebelah sini kacau, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat sebut, saya kacau, kena minta tarik balik.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Sekejap ya. Saya tarik balik. [*Ketawa*] Bila Yang Berhormat menentukan soal *Government Link Company (GLC)* dengan izin, atau syarikat-syarikat yang ada penglibatan kerajaan, saya berasa kesal dan malu membangkitkan tentang ini jika ia menyentuh tentang penglibatan kerajaan negeri Sabah.

Pada suatu ketika pernah saya bertanya kepada Ketua Menteri kami semasa berdialog di sidang perjumpaan di antara semua persatuan usahawan dan Dewan Perniagaan di Sabah dengan beliau di Hotel Shangri-La, Kota Belud. Soal saya ketika itu sejauh manakah usaha kerajaan negeri supaya betul-betul dapat membantu peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha bumiputera misalnya pengagihan projek-projek atau kerja profesional dan sebagainya.

Tetapi malangnya jawapan beliau tidak dapat kerana kompeni-kompeni kepunyaan kerajaan negeri adalah sakit. Saya rasa jawapan itu memang tepat dan betul pada saya sebenarnya, sebab itu teruk dan saya sungguh bersimpati dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya pun tidak boleh buat apa-apalah *[Dewan riuh]*

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Ada lagi sedikit Tuan Yang di-Pertua. Lagi sedikit. Bagaimana kita kalau kontraktor-kontraktor kalau yang Kelas 'F' ini, kalau kerja-kerja yang kecil-kecilan pun diswastakan kepada kontraktor-kontraktor yang besar di Sabah. Yang saya tahu, seperti pembangunan kekal mewah, *group* ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Saya ingat Ketua Menteri pun faham Yang Berhormat cukup siap sedia untuk ucapan.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *Airport* kami perlu diperbaiki dengan cepat juga. Jalan tidak diturap. Lampu tidak ada api. Okey, saya menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Teberau.

16.24 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah menyediakan dasar dan rancangan yang baik dalam Bajet 2005 untuk membangunkan negara. Saya percaya keempat-empat strategi yang disediakan yang merangkumi pentadbiran kerajaan, pengurusan ekonomi, pembangunan sumber manusia dan peningkatan kualiti kehidupan rakyat akan membawa negara ke suatu tahap pencapaian yang lebih tinggi dan daya saing yang lebih berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat terharu dan bangga atas ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, PM kita. Izinkan saya memetik ucapan PM yang berbunyi "Kerajaan akan menyediakan persekitaran dan membolehkan seluruh rakyat meraih peluang dalam pelbagai aktiviti ekonomi. Saya bertekad supaya setiap rakyat dapat menikmati kehidupan yang sejahtera dalam suasana harmoni tanpa mengira kaum, pegangan agama dan taraf sosial. Inilah hasrat, inilah matlamat, inilah cita-cita, inilah ikrar saya." Saya percaya ikrar BN kita pasti diterima sebagai ikrar semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa aspek masalah pembangunan di luar bandar dan dalam bandar. Penduduk-penduduk luar bandar dijangka menerima baik dan menyanjungi usaha kerajaan memperuntukkan sebanyak RM467.7 juta untuk menambahkan bekalan elektrik, bekalan air, membina jalan kampung, jalan luar bandar dan meningkatkan taraf kesihatan dalam usaha meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di luar bandar.

Usaha meningkatkan prasarana jalan di kawasan luar bandar pasti akan membantu penduduk-penduduk luar bandar meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan kehidupan dan mempercepatkan lagi proses pembasmian kemiskinan, terutama sekali kemiskinan tegar di kawasan luar bandar. Kerajaan juga cukup prihatin terhadap keperluan orang kurang upaya dan membelanjakan RM205 juta bagi skim baucar tuisyen untuk anak-anak golongan berpendapatan rendah.

Dalam usaha yang murni ini, kita juga perlu memberi perhatian kepada masalah kemiskinan di kawasan bandar khususnya mereka yang tinggal di rumah setinggan di kawasan bandar, di tepi sungai, di atas sungai. Kebanyakan daripada mereka mencerobohi tanah rizab sungai. Pembinaan rumah haram di atas tanah rizab sungai ini telah mengakibatkan pencemaran sungai dan menimbulkan masalah banjir kilat.

Malaysia banjir kilat seumpama '*night may*' dengan izin atau mimpi yang dahsyat yang mana merisaukan Wakil Rakyat setiap kali berlakunya hujan lebat. BPT, pejabat daerah dan kerajaan negeri tidak mempunyai punca kewangan yang mencukupi untuk mengatasi banjir kilat.

Selain daripada pencemaran persekitaran yang dilakukan oleh penghuni-penghuni rumah setinggan, pembangunan projek-projek perumahan juga telah merupakan punca banjir kilat di kawasan bandar dan separuh bandar. PBT ada

peraturan EIA tetapi malangnya masih dapat dikesan setiap kali banjir kilat berlaku. Ianya secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan projek perumahan yang sedang dilaksanakan di lokasi yang berdekatan.

Kemungkinan besar peraturan EIA masih belum dikuatkuasakan secara berkesan serta bertanggungjawab oleh pegawai-pegawai PBT. Saya merayu supaya kerajaan mengambil berat tentang masalah ini dengan memberi peruntukan yang secukupnya untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan bandar khususnya di Bandar Raya Johor Baru, pintu masuk ke selatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan telah menjadi isu perhatian rakyat kebelakangan ini. Apabila kegiatan jenayah ragut berleluasa di negara kita, seperti dimaklumkan kadar jenayah ragut telah turun setelah tindakan polis ditingkatkan. Saya ucapkan tahniah kepada PDRM dan memohon usaha membanteras jenayah diteruskan dan ditingkatkan lagi untuk memulihkan tahap keselamatan yang diinginkan rakyat.

Bajet 2005 telah menambahkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dari RM3.46 bilion bagi tahun 2004 kepada RM3.91 bilion bagi tahun 2005 dan bagi Pembangunan pula dari RM421 juta pada tahun 2004 kepada RM507 juta bagi tahun 2005. Penambahan peruntukan ini telah menunjukkan tekad kerajaan untuk melengkap dan memperkuatkan PDRM dan menyahut permintaan rakyat.

Akspektasi rakyat ialah PDRM akan menambahkan bilangan pondok polis dan kekerapan rondaan serta meningkatkan lagi usaha membanteras jenayah. Walau bagaimanapun, mencegah dan membanteras jenayah adalah tanggungjawab bersama bagi semua rakyat. Program Rukun Tetangga dan RELA harus dipergiatkan lagi untuk membantu mengawal keselamatan taman-taman kediaman khususnya di kawasan yang berkepadatan penduduk tinggi dan begitu juga kadar jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan kualiti kehidupan rakyat, kerajaan harus memberi perhatian kepada kemudahan awam bagi penghuni-penghuni rumah pangsa yang biasanya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah. Kebanyakan daripada mereka tidak memiliki kenderaan dan telefon bimbit. Misalnya, di kawasan Tebrau, terdapat di satu lokasi yang mempunyai 30 blok rumah pangsa kos rendah yang didiami lebih kurang 8,000 penghuni, tetapi tiada perkhidmatan bas di kawasan itu. Tambang teksi mahal dan tiada telefon awam, tiada surau.

Jabatan Agama tidak dapat membantu kerana kehabisan peruntukan. Maksud saya dalam perancangan bandar, kemudahan awam termasuk sekolah, tempat ibadat, pengangkutan awam seharusnya di dalam jarak berpatutan dan langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan syarikat bas juga meliputi kawasan yang tidak mendatangkan keuntungan lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, kesesakan lalu lintas dan kekurangan tempat letak kereta akibat daripada kekurangan pengangkutan awam perlu diberi perhatian. Penduduk-penduduk di bandar raya Johor Bahru dan dari kawasan Tebrau menghadapi masalah ini setiap hari. Kerajaan perlu mengambil inisiatif membentuk sistem *public transport* yang lebih efisien dan menyeluruh. Kita semua setuju bahawa kesesakan lalu lintas membazirkan tenaga dan masa.

Maka, dengan sebab itu selain daripada Lembah Klang, bandar raya utama seperti Johor Bahru perlu meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam. Dengan adanya sistem pengangkutan awam yang efisien, bukan sahaja masalah kesesakan trafik dan kekurangan tempat letak kereta dapat diatasi, ianya akan membantu membangunkan ekonomi negara dan pembinaan kehidupan yang sejahtera bagi rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, di Johor Bahru, setiap hari seramai 30,000 hingga 40,000 rakyat Malaysia menyeberangi Tambak Johor ke Singapura untuk bekerja mencari makan di sana. Dari Singapura pula, datang melawat Johor Bahru setiap hari seramai 25,000 hingga 30,000 rakyat Singapura untuk membeli-belah dan belanja di Johor Bahru. Rakyat kita yang bekerja di Singapura dan berniaga di Johor Bahru telah menikmati faedah daripada hubungan yang mesra di antara dua kerajaan. Walau bagaimanapun, rakyat kita yang bekerja di Singapura terpaksa membazirkan banyak masa dan tenaga kerana kesesakan trafik di Tambak Johor. Langkah-langkah perlu diambil.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kena gulung.

Tuan Teng Boon Soon:melalui saluran diplomatik untuk membolehkan pembinaan sistem komuter seperti LRT atau MRT, membangunkan Johor Bahru dan Singapura untuk mengurangkan kesesakan trafik di Tambak Johor. Pembinaan LRT menyambungkan dua negara akan membawa kepada situasi sama menang. Perbincangan antara kerajaan yang berlandaskan *package deal* perlu diketepikan bagi

perundingan perkara yang *win-win* atau *mutual benefit*. Misalnya, pembinaan sistem pengangkutan awam, kerajaan kedua-dua pihak perlu bersikap lebih fleksibel dan membebaskan diri daripada belenggu formula *package deal* dalam menyelesaikan masalah yang jelasnya akan mendatangkan faedah kepada rakyat di kedua-dua negara, khususnya *public transport*.

Dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah, lebih banyak perpustakaan dan kompleks sukan perlu diusahakan jika kita hendak mewujudkan satu masyarakat yang berilmu dan berbudaya *life long learning*. Di kalangan generasi muda khususnya, kita perlukan lebih banyak kompleks sukan untuk mencungkil serta membina minat dan bakat sukan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang pelajaran. Saya mengucapkan tahniah dan menjunjung tinggi atas dasar pelajaran yang terbuka dan liberal di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Sistem pelajaran sekarang telah berfungsi dengan baik ke arah mewujudkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum di masyarakat majmuk kita. Kerajaan boleh menambahbaikkan sistem pelajaran kita dengan fikiran terbuka dan sistem liberal. Kerajaan harus mengekalkan dasar membenarkan perkembangan sekolah-sekolah vernakular khususnya SRJK(C) dan SRJK(T). Laluan harus diberi kepada permintaan ibu bapa untuk membina SJK(C) dan SJK(T) di kawasan yang penduduknya berkepadatan tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Teng Boon Soon: Sedikit sahaja. Gejala SJK(C) yang mempunyai *enrollment* 3,000, 4,000 dan hampir 5,000 murid di Johor Bahru adalah tidak sihat langsung dari segi pendidikan dan kepentingan murid. Untuk mengeratkan lagi hubungan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan SJK(T), pelbagai program integrasi boleh diadakan sepanjang tahun pada pelbagai aspek, pelbagai tahap dan bidang. Ini termasuk *student exchange program* dalam pembelajaran BM, BI dan BC dalam pendidikan jasmani bagi sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan Teng Boon Soon: Fikiran yang tenang dan terbuka, kita harus menerokai dan mencuba pelbagai kaedah untuk memperbaiki lagi sistem pendidikan

dari segi mengukuhkan lagi integrasi nasional. Fikiran yang tenang dan terbuka atau *open minded*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Teng Boon Soon: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta tolong.

Tuan Teng Boon Soon: Ya, okey *one minute. No, half a minute only.* Adalah amat penting dalam membincang dan menetapkan dasar pendidikan, kita telah berjaya mewujudkan masyarakat majmuk yang berharmoni dan bersatu padu semenjak negara mencapai kemerdekaan. Saya percaya, pemimpin-pemimpin kita *can you call back on the past experience* dengan izin, mengeksploitasi kekuatan, pengalaman yang sedia ada untuk memperelok dan mengukuhkan hasil perpaduan negara yang sudah tercapai sebelum ini. Dalam konteks ini, sistem pendidikan yang merangkumi sekolah kebangsaan, sekolah jenis Cina dan SJK(T) adalah satu kekuatan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon:dan bukan kelemahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak tahu berapa ramai lagi? *[Membuat perkiraan ahli yang bangun]* Yang Berhormat, saya ingin maklumkan, biasanya memang semua kena bersetuju. Bukan semua akan diberi peluang untuk berucap. Tetapi, saya akan cuba. Memang ada cadangan supaya mesyuarat ini dilanjutkan dan saya akan cubalah memberikan peluang kepada semua tetapi, saya minta tolong. Bila saya tegur, tolong duduklah. Beri peluang kepada kawan-kawan yang lain supaya semua dapat diberi peluang berucaplah. Sebelum saya panggil Ahli Yang Berhormat yang lain berucap, oleh kerana ada usul, saya menjemput Menteri mengemukakan usul.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

4.37 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:
Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(I), saya mohon mencadangkan:

Bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 6.30 petang ini dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan hingga hari Isnin 27 September 2004.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, ada yang menyokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Majlis Mesyuarat bersambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, saya minta perkara yang telah dibangkitkan tidak perlu diulang sekali lagi. Ini menjimatkan masa. Yang kedua, 10 minit bila sampai, tolonglah terima teguran saya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat bagi Sepanggar.

4.39 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Belanjawan 2005.

Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan yang dikasihi kerana prihatin sekali dengan mengutamakan pembangunan luar bandar dan rakyat, khususnya

pemuda-pemudi tidak akan berhijrah ke bandar-bandar besar semata-mata untuk mencari rezeki dengan mengharapkan bahawa hanya di bandar mereka dapat kelebihan pendapatan, sedangkan kita semua berasal dari desa-desa yang aman damai serta udara yang segar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyertai perbahasan mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bila kita berbincang mengenai kementerian ini selalunya tumpuan kita adalah kepada penguasa-penguasa tempatan termasuklah Dewan Bandaraya, Majlis-majlis Perbandaran serta penguasa-penguasa perumahan tempatan yang lain sebagai *third-tier of government*. Tumpuan harian rakyat tempatan, orang asing serta pelancong-pelancong untuk membeli belah, berniaga, bekerja ataupun melancong ialah ke bandar-bandar serta pekan-pekan. Satu-satunya perbuatan manusia sama ada sedar atau tidak sedar ialah membuang benda-benda yang tidak diinginkan, membuang sampah sarap.

Inilah yang harus kita tangani dengan seriusnya disebabkan jika kita gagal dan dengan perbuatan ini berleluasa maka tentunya ia akan memudaratkan semua rancangan baik kerajaan. Kemudatan ini bukan sahaja kepada kerugian kerajaan untuk menarik pelancong ke negara tetapi juga yang teruknya ialah kesihatan kita sendiri yang akan terganggu. Kelakuan dan tabiat membuang sampah sarap ini mestilah ditangani oleh semua lapisan rakyat, disebabkan kelakuan membuang sampah ini kerajaan terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit hanya untuk mengutip sampah.

Sedarkah kita perbuatan ini di mana kita membelanjakan wang seperti kita membuang sampah. Kadang kala kita beranggapan bahawa tentunya ada orang yang akan mengutip atau tugas penguasa tempatan adalah tukang kutip sampah sehingga di Sabah sering kali bila kita sebut Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) atau Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) ianya selalu dikaitkan dengan mengutip sampah dan membersihkan longkang dan parit sahaja. Anggapan ini haruslah diketepikan. Soal pokoknya adakah penjagaan kebersihan ini kita beri bulat-bulatnya tanggungjawab kepada orang lain khasnya kepada penguasa-penguasa tempatan sebagai hamba kita? Di mana sudah semangat kekitaan atau *sense of belonging* kita? Di mana sudah slogan "Kerana Mu Malaysia" yang kita laung-laungkan? Jadi apa hendak buat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memupuk kesedaran diri, saya ingin bercadang agar kita kembali kepada asasnya. Kebersihan serta kesihatan haruslah dimasukkan

dalam satu kurikulum penting di Jabatan Pendidikan. Rakyat harus bertanggungjawab bukan sahaja di rumah bahkan di mana-mana sahaja untuk mempertingkatkan kebersihan persekitaran bukan setakat mengajak tetapi membuatnya.

Tokok-tokoh korporat serta NGO haruslah digalakkan untuk mengambil peranan menyalurkan bantuan pengiklanan di multimedia bagi mempertingkatkan kesedaran kebersihan. Kerajaan juga mengambil berat dengan merancang pelupusan *solid waste*, dengan izin, dengan mengutamakan kitar semula dan merancang penggunaan *dump site*, dengan izin, serta incinerator secara *long term*, dengan izin. Saya ingin juga mencadangkan agar kerajaan memperkukuhkan undang-undang yang sedia ada serta peraturan-peraturan untuk menyekat perbuatan yang tidak sopan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan bahawa pihak Petronas serta Shell telah menemui telaga-telaga baru di persekitaran perairan negara kita khususnya di Sabah. Tentunya dengan penemuan ini hasil minyak serta gas yang diperolehi oleh Petronas dan Shell akan bertambah. Soalnya, sejauh manakah keprihatinan pihak Petronas serta Shell untuk menyalurkan balik keuntungan hasil sumber negara kita ini kepada sosial dan kebajikan rakyat Malaysia. Adakah peranannya untuk memberi bantuan biasiswa kepada anak-anak tempatan yang memerlukan ditambah? Adakah rancangannya agar pengusaha-pengusaha rakyat tempatan diberi peluang sebagai pembekal ataupun di segi pengangkutan?

Saya menyeru kepada pihak Petronas dan Shell serta kerajaan agar memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin tempatan khususnya dari Sabah dan Sarawak supaya diberi peranan untuk menyertai dalam perbincangan serta merancang perjalanan Petronas dan Shell.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, difahamkan bahawa ramai orang asing menggunakan pas masuk ke negara kita sebagai pelancong. Kedatangan mereka ini kita alu-alukan tetapi apa yang malang sekali dan sedihnya ialah setibanya orang asing ini di negara kita mereka melakukan perbuatan seolah-olah mereka tidak mengendahkan undang-undang serta adat resam kita. Ada juga yang sengaja menghilangkan diri tanpa dikesan.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran orang-orang asing dari negara-negara jiran seperti Filipina, Indonesia, Myanmar, negara China, Nigeria dan Pakistan telah menggugat ketenteraman serta keselamatan kita. Kehadiran mereka telah

mengakibatkan masalah sosial dan jenayah bertambah. Di Sabah masalah sosial dan jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing ini telah menambahkan keburukan keadaan yang sedia ada yang dilakukan oleh pendatang tanpa izin.

Pendatang asing dari Filipina yang mempunyai kepakaran tersendiri mereka dalam kes-kes jenayah, penagih serta pengedar dadah, kes curi, ragut, rogol, pelacuran, dan kes bunuh. Berjaja secara haram yang dilakukan oleh anak-anak orang asing telah menggugatkan perniagaan tempatan terutama sekali kepada peniaga bumiputera. Orang asing warga Pakistan pula datang ke negara kita berniaga barang-barang tempatan kita sendiri dengan cara hutang bayar beransur-ansur sehingga bertahun-tahun. Perniagaan mereka ini di pelosok kampung di Sabah sebenarnya perbuatan yang lebih dahsyat dari 'Along'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung ya.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Sasaran perniagaan Pakistan ini menjual barang-barang tempatan secara hutang dan dengan kadar bunga lebih dari 500% adalah kepada pihak-pihak wanita dan ibu di kampung-kampung yang bergantung kepada pendapatan suami-suami mereka yang 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Ibu-ibu ini mudah terpedaya dengan kata-kata manis pendatang asing ini. Saya difahamkan disebabkan hutang piutang ini isteri-isteri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Ya, habis dulu *sentence* ya. .. isteri-isteri menjadi mangsa sehingga rumah tangga pun terganggu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

4.49 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjurus kepada sepuluh perkara dalam sepuluh minit yang diberikan kepada saya.

Yang pertama kita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri kita juga Menteri Kewangan yang telah pun membentangkan bajet

yang mementingkan pengimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar khususnya ini dapat dilihat dari peruntukan yang besar kepada Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan juga kita merakamkan penghargaan terhadap peruntukan yang cukup besar kepada pendidikan. Jadi ini menggambarkan keprihatinan pimpinan kita terhadap rakyat kita yang akan menjurus kepada zaman globalisasi yang semakin mencabar di masa akan datang.

Perkara yang kedua, ialah isu salah guna dadah. Ramai teman-teman yang telah menyebut mengenai isu salah guna dadah yang menjadi musuh nombor satu negara. Saya hanya hendak menyatakan bahawa rasa kurang puas hati saya, mungkin ramai dengan teman-teman pun sama terhadap peranan yang dimainkan oleh pihak media khususnya media cetak dan juga media elektronik terhadap agenda menangani salah guna dadah habis-habisan. Jadi ini dapat dilihat pada minggu yang lepas kita telah bicarakan mengenai agenda, penubuhan Agensi Anti-dadah Kebangsaan selama dua hari, tetapi media cetak tidak pula menggambarkan, termasuklah media elektronik tidak pula menggambarkan keprihatinan isu itu, sewajarnya pihak media memainkan peranan yang lebih positif dan proaktif.

Saya ingin mencadangkan dalam kempen anti-rokok, anti-dadah ini supaya agenda yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan khususnya pihak Kementerian Penerangan dengan adanya agenda *Sureheboh*, begitu juga dengan program yang begitu menarik di media TV khususnya seperti *Akademi Fantasia*, *Malaysian Idol*, *Anugerah ERA* supaya masa-masa yang begini menarik khususnya golongan muda malah semua peringkat rakyat digunakan supaya diadakan program pencelahan. Saya hendak contohkan umpamanya dalam program *Sureheboh* yang menarik begitu ramai rakyat khususnya golongan muda, apakah salahnya supaya kempen anti-dadah itu diadakan pada ketika itu sama ada dalam bentuk pameran ataupun dalam bentuk ceramah ataupun taklimat program kesedaran dan seumpamanya. Begitu juga dengan program *Akademi Fantasia*, *Malaysian Idol* dan *Anugerah ERA*. Tidakkah boleh umpamanya pihak Kementerian Penerangan bermuafakat dengan pihak penganjur supaya di celah-celah program yang menarik itu dimasukkan ataupun diselitkan oleh juruacara umpamanya dijelaskan atau pun dihebahkan bahawa pemenang-pemenang ini adalah mereka yang anti-rokok dan anti-dadah, pada ketika itu. Pada ketika semua, ataupun penonton memberi fokus kepada program itu, cuba celah di situ dengan secara strategik dan berhemah.

Begitu juga dalam konteks pemimpin, khususnya Ahli parlimen. Kita ini semua sebenarnya ingin menjadi pemimpin ataupun wakil rakyat yang berkesan. Oleh kerana itu saya menyokong teman-teman di sini supaya Ahli Parlimen ini diberikan peruntukkan yang khusus. Malah saya difahamkan ada kementerian-kementerian tertentu kerana ingin menjayakan program dan aktiviti mereka maka peruntukkan itu juga akan disalurkan melalui Ahli Parlimen. Ini sangat dialu-alukan, oleh kerana itu khususnya kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang mendapat peruntukkan RM150 juta bagi Agensi Anti-dadah Kebangsaan supaya ada peruntukkan diberikan kepada Ahli Parlimen untuk menangani salah guna dadah. Kita boleh menjadi rakyat yang efektif kalau kita juga diberikan peruntukkan yang sebaik-baiknya. Saya tidak menyatakan secukupnya kerana tidak ada ruang menyatakan bahawa ia cukup tetapi peruntukkan yang khusus yang boleh kita gunakan.

Perkara yang ketiga, isu disiplin, khususnya menjurus kepada ponteng sekolah. Kita berpendapat bahawa ponteng ini adalah ibu ataupun punca kepada segala masalah disiplin di sekolah. Dan ini harus diatasi dan kita berharap pihak Kementerian Pelajaran khususnya akan memandang perkara ponteng ini lebih serius kerana ponteng ini sebenarnya boleh diatasi seperti yang pernah kita nyatakan dahulu bahawa pihak sekolah menjelang pukul 8.00 pagi tahu siapa di antara pelajar ini yang ponteng, daripada mana mereka, kelas mana mereka, dari kampung mana mereka. Jadi program permuafakatan, pendidikan, harus disegar dan dibugarkan supaya pihak sekolah dan pihak komuniti khususnya pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi akan benar-benar menangani isu ini.

Perkara yang keempat isu sejarah. Kita telah meneliti daripada buku Bajet daripada muka surat 499 kepada 507. Kita lihat di situ Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan. Kita dapati di situ ada peruntukkan untuk menjaga tempat ataupun lokasi bersejarah tetapi tidak ada suatu peruntukkan yang jelas ada peruntukkan untuk penulisan sejarah. Kita menyatakan bahawa kita berharap pihak kementerian yang berkenaan boleh memperuntukkan secara khusus supaya ada peruntukkan bagi penulisan sejarah sama ada mengenai episod ataupun insiden sejarah suatu ketika yang lampau ataupun mengenai tokoh-tokoh kita, pimpinan kita. Kalau saya hendak menyebut mengenai pimpinan daripada Sabak Bernam, iaitu Allahyarham Tan Sri Mustapha Jabar, peranannya begitu signifikan tetapi tidak ada pihak yang menulis secara serius mengenai sejarah beliau dan peranan beliau kepada

negara khususnya kerana tidak ada peruntukkan yang khusus diberikan kepada pihak-pihak yang ingin menulis mengenai sejarah. Dan dalam konteks sejarah ini kita harus ingat bahawa kita ini banyak merujuk kepada buku-buku yang ditulis oleh pihak Barat.

Saya ingin mengambil contoh umpamanya, campur tangan Inggeris di negeri-negeri Melayu sebagai campur tangan yang tidak disengajakan, tetapi saya tahu ada pihak yang menyatakan telah pun menulis bahawa campur tangan Inggeris di negeri-negeri Melayu adalah satu agenda yang disengajakan kerana matlamat penjajah Barat ini tidak lain dan tidak bukan ialah matlamat ekonomi. Oleh kerana itulah peruntukan sejarah itu saya harap dapat diberikan perhatian oleh kementerian yang berkenaan.

Perkara yang kelima, saya ingat ini boleh diberikan perhatian oleh - tadi ada Menteri Pengangkutan di sini - saya ingat sudah sampai masanya mereka yang bertaraf menteri besar ke atas supaya mereka ini diberikan kemudahan menggunakan helikopter untuk umpamanya melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Saya nyatakan ini bukanlah kerana kita hendak berikan satu kemudahan atau kelebihan sebagai satu *luxury* tetapi ini sebagai satu keperluan. Jadi, mungkin dalam peringkat yang kecil kalau kita lihat jalan raya kita itu begitu sesak sekali. Dengan adanya menteri bertaraf ke atas ini, kalau boleh dipertimbangkan mereka menggunakan kenderaan udara sebelum kereta udara dicipta, Insya-Allah mungkin dalam 30 tahun lagi, kalau boleh masukkan dalam *Handsard*. Saya ingat 30 tahun lagi kereta udara kita, kita udara akan dicipta. Tetapi pada ketika ini kalau kita lihat jalan raya kita begitu sesak dan ini telah mengakibatkan tokoh pimpinan kita dan menteri kita sentiasa lewat daripada jadual yang ditentukan, jadi maknanya ini boleh mengelakkan perkara itu. Tetapi pada peringkat awal selain daripada kebenaran menggunakan ruang udara yang diberikan, mereka mencadangkan menggunakan duit sendiri dahulu untuk menggunakan kemudahan ini.

Perkara yang keenam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat boleh gulunglah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya terus kepada Sabak Bernam, perkara yang keenam. Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Sabak Bernam ada satu pusat pertubuhan baru namanya Sungai Lang, ia ingin dijadikan sebagai satu pusat pertumbuhan ilmu. Jadi walau bagaimanapun, pelbagai kekurangan wujud di situ. Jadi oleh kerana itu kita berharap pihak kementerian yang berkenaan dapat

memberikan perhatian, sebagai contoh Institut Perakaunan Negara iaitu pembangunan yang terkini sedang terlaksana tetapi banyak lagi pembangunan yang masih lagi tertinggal di kawasan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya yang paling akhir Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Setelah ada rancangan untuk menyambung dengan jambatan Parlimen Sabak Bernam dengan Parlimen Bagan Datok dan permohonan ataupun cadangan telah diajukan kalau ini dilaksanakan maka rakyat seramai lebih 50,000 orang akan mendapat manfaat dari segi ekonomi ini. Sekian terima kasih, dengan maaf. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pensiangan.

4.59 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya ruang untuk membahaskan Bajet 2005. Terima kasih kepada Perdana Menteri kita yang begitu prihatin terhadap rakyat Malaysia yang telah memberi satu erti yang saya rasa mesra rakyat dan begitu prihatin terhadap khususnya di luar bandar.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan salam sejahtera dan pada Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kerajaan yang masih berada di Dewan ini. Saya seperti rakan-rakan Ahli Dewan Rakyat turut serta membahaskan Bajet 2005 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada September 10, Jumaat yang telah disiarkan secara langsung pada TV Malaysia.

Saya akan menyentuh empat perkara sahaja, pembentangan Bajet 2005 ini, terutama sekali saya sebagai pembuka tirai perbahasan. RTM baru-baru ini telah membuat perubahan dan pendekatan dan membuat promosi imej baru, logo baru, yang telah membelanjakan sejumlah wang RM8 juta untuk *rebranding*, dengan izin. Untuk memperlihatkan RTM, khususnya TV1 dan TV2, menyerlah, berdaya maju dan kompetitif dalam pendekatan persembahan yang bermutu. Ucapan tahniah dan syabas kepada Menteri Penerangan dan warga kerja Kementerian Penerangan dan semua warga kerja Kementerian Penerangan yang sentiasa prihatin.

Namun demikian, banyak lagi yang perlu dipertingkatkan, antara lain perisian rancangan atau menitikberatkan kepada *contents*, diberi perhatian oleh barisan cendekiawan RTM. Kreativiti dan inovasi diberi dan estetika penerbitan di mana barisan depan warga kerja yang kreatif, inovatif dan komited, dapat memberi mutu persembahan yang lebih bermutu, dan dapat memberi kepuasan kepada cita rasa pada pendengar dan penonton dan kerajaan sebagai pelanggan utamanya.

Apa yang ada sekarang, belum mencukupi untuk kita bergembira. Fokus kepada persembahan barisan rancangan yang dipaparkan baru-baru ini di mana Berita Perdana, di mana pembaca-pembaca berita yang baru, yang molek, yang cantik, diberi bimbingan dan latihan yang komprehensif kepada mereka ini. *Feedback* yang kita terima dari suara ramai, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan RTM masih belum mantap dalam pemilihan barisan pembaca berita yang matang dan profesional.

Bayangkan sahaja, pembaca berita yang baru-baru dikemukakan dalam *rebranding* ini, kebanyakan mereka ini dari segi sebutan bahasa Melayunya pun tidak betul, dari segi intonasinya pun tidak betul, dari segi ritma atau *rhythm* pembacaan pun tidak betul, dari segi *voice control* dan sebagainya pun tidak betul dan apa lagi dengan penggunaan bahasa yang saya rasa RTM menjadi peneraju dan perintis kepada penggunaan bahasa Malaysia di Malaysia ini.

Saya setuju pembaca berita itu harus *diversified*kan ataupun dipelbagaikan dengan bangsa-bangsa lain untuk membaca berita-berita warta perdana, tetapi biarlah mereka ini diberi latihan yang intensif, komprehensif selama mungkin enam bulan atau satu tahun daripada semua kaedah pembacaan berita dan sebagainya.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Sedikit sahaja, sebab saya berminat juga dengan siaran RTM ini. Tahukah Yang Berhormat bagi Pensiangan bahawa pembaca berita yang baru ini sebenarnya tidak ada *training* langsung?

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Memang benar sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita tidak memperlihatkan pembaca-pembaca berita ini dari segi kecantikannya sahaja, dari segi paras mukanya sahaja, tetapi menjadi seorang pembaca berita itu, dia harus mempunyai satu perwatakan iaitu *intelligent broadcasts high performance, this is very important*, dengan izin, supaya dapat kita memperlihatkan persembahan-persembahan yang begitu jitu, begitu menarik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya semua pembaca berita ini harus diberi latihan mendalam dan dalam menghayati bidang-bidang pembacaan berita dan kewartawanan. Perkara ini perlu ditangani dahulu sebelum satu-satunya pembaca berita dan pengacara ditampilkan, kalau tidak RTM hanya membazir wang kerajaan. RTM harus berani dan kerajaan mempunyai keyakinan RTM boleh. Yang ini saya sebutkan di sini sebab kenapa, bila kita sudah *rebranding* itu, banyak pula pembaca-pembaca berita itu ditarik dan disingkirkan lagi ataupun diketepikan dan masuk pula pembaca-pembaca berita yang lama.

Saya percaya ini tidak ada satu persiapan ataupun persediaan yang begitu mantap daripada RTM. Oleh itu, kita harus melihat supaya RTM ini berhati-hati melihat supaya semua pembaca berita ini bukan sahaja menjalani kursus-kursus intensif dan komprehensif dari bidang estetika penyiaran, tetapi akan melibatkan *the art of newscasts*, antara lain menghayati bahasa penghantar intonasi kelancaran ritma yang saya sebutkan tadi.

RTM mempunyai pusat latihan dan penyiaran di Institut Penyiaran Tun Abdul Razak, ini bermakna peranan penting dalam melatih para pembaca berita RTM, mempunyai tenaga pengajar yang saya rasa boleh membantu dalam mengeluarkan graduan profesional dalam bidang pembaca berita atau pengacara, dan kalau boleh peserta dalam bidang ini boleh diberi biasiswa untuk melanjutkan bidang profesionalisme mereka. Saya pasti Malaysia mampu mengeluarkan para graduan profesional *broadcasts of the world standard* ataupun peringkat antarabangsa, iaitu perlu kita lihat.

Saya beri akronimnya A, B, C, D, E, F:

- A - RTM harus memberikan dari segi *advance*. Harus *advance* dari segi pendekatannya;
- B - Mereka harus menekankan mereka itu adalah '*The Best*';
- C - *Creative*;
- D - *Dare to be different*, dengan izin, *and of course*;
- E - Menunjukkan bahawa RTM itu adalah di peringkat *excellent*; dan
- F - *First* dalam semua bidang yang mereka ceburi.

Sebagai contoh, menjadi seorang guru terlatih, mereka yang berminat mandatori menjalani kursus-kursus profesionalisme di pusat latihan pengajian guru-guru. Ini saya sebutkan juga, sama juga dengan RTM *newscasts* mereka ini perlu menjalani latihan-latihan profesional. Dalam mempercepatkan agenda perpaduan integrasi nasional ini, saya akan sentuh yang kedua pula, bahawa saya mencadangkan di sini supaya Sabah dan Sarawak ini diberi perhatian, iaitu penggunaan bahasa Dusun dan Kadazan perlu dimuatkan dalam siaran-siaran RTM dan TV1. Ini akan mempercepatkan lagi dari segi perpaduan bangsa ataupun integrasi nasional.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya RTM melihat berita-berita daripada Sabah dan Sarawak dimuatkan dalam siaran-siaran warta perdana supaya kita dapat melihat aktiviti-aktiviti yang berada di Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu juga, saya menyeru kementerian agar melihat keutamaan kepada kawasan luar bandar ini, luar bandar sekarang di Sabah, khusus di kawasan Pensiangan, di mana sebilangan besar rakyat masih belum dapat menerima siaran-siaran TV yang disiarkan oleh RTM.

Macam mana kita hendak menukarkan minda rakyat kalau mereka ini belum ada maklumat atau informasi yang mereka dahagakan? Ini adalah tanggungjawab kita untuk menentukan rakyat di kawasan pedalaman ini tidak diabaikan dan peruntukan pembangunan harus memberi tumpuan kepada pembinaan *transmitter* ataupun *remitter* di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bila kita membincangkan jurang perbezaan di antara negeri-negeri lain, khusus di Semenanjung Malaysia mengenai kaedah mendapatkan informasi atau matlamat, dalam membentuk minda rakyat di luar bandar agar lebih dinamik dan agresif, saya cadangkan agar satu stesen radio dibina di daerah pedalaman dan stesen perisian radio tersebut dimuatkan dengan rancangan-rancangan pertanian dan rancangan-rancangan sosioekonomi dan kebudayaan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Penerangan boleh bekerjasama membantu dalam merealisasikan cadangan ini agar rakyat di kawasan pedalaman yang sebilangan besar adalah petani dan penternak, Kerajaan Sabah dan kerajaan Pusat akan berusaha melaksanakan projek ini dan sekali gus

ekonomi akan meningkat. Apabila ekonomi meningkat, maka ini akan memberi satu kesan yang baik untuk daerah ini sendiri mahupun negara, pada keseluruhannya.

Menyentuh mengenai dengan pengkorporatan RTM, saya rasa kerajaan harus tegas dalam membuat keputusan sama ada perlu atau tidak. Kita dapati pengkorporatan RTM ini menjadi igauan mimpi sahaja, ia tidak akan menjadi realiti disebabkan terlalu banyak kerengah dan terlalu banyak padang pasir dan hutan belantara yang harus dilalui. Justeru itu, para warga RTM sia-sia menunggu. Disebabkan pengkorporatan ini, banyak aktiviti RTM seperti gerakan kenaikan pangkat yang berkecukupan menerbitkan rancangan yang bermutu dan banyak lagi aktiviti-aktiviti dibekukan disebabkan isu pengkorporatan menghalang perkembangan warga kerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Saya rasa kerajaan berterus terang pada RTM, yang usaha murni ini tidak dapat diteruskan disebabkan tidak *viable* ataupun tidak ekonomi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Dengan itu, saya mencadangkan menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Yang Berhormat bagi Tumpat.

5.10 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kerana diberi peluang untuk bercakap sedikit dalam perbahasan Rang Undang-undang Bajet 2005 ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya daripada parti saya yang memohon untuk bercakap, diizinkan untuk berucap dalam perbahasan belanjawan ini.

Saya bercadang untuk bercakap ringkas sahaja dalam masa kurang daripada 10 minit kalau boleh. Saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada UMNO kerana mengadakan Perhimpunan Agung mereka bermula dari hari ini. Oleh itu, untuk mengiktiraf Perhimpunan Agung mereka itu, saya ingin menyentuh ucapan yang diberikan oleh pemimpin mereka khususnya berkaitan dengan beberapa kementerian yang ada dalam negara kita ini.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran selaku Ketua Pemuda UMNO telah menyentuh dari sudut sejarah dan tadi Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, saya setuju sangat, menyentuh betapa perlunya kita memahami sebenarnya tentang sejarah negara kita. Yang Berhormat Menteri Pelajaran menyentuh tentang penderhaka-penderhaka bangsa, penderhaka dan petualang bangsa dan parti politik yang beliau menjadi salah seorang pemimpinnya.

Saya fikir kalau kita faham sebenarnya tentang sejarah parti politik itu dan sejarah bangsa Melayu mengelaskan seseorang pemimpin yang dipecat daripada partinya sebegitu mudah sebagai petualang atau penderhaka, adalah suatu sebutan dan pengklasifikasian yang agak berbahaya dan sebagai seorang Menteri Pelajaran yang menyeleweng dan ini akan merugikan generasi pelajar kita di bangku-bangku sekolah jika ia tidak diperbetulkan dengan secepat mungkin.

Kalau kita hendak melihat dari segi penderhaka atau petualang maka kita dapati dalam sejarah parti itu sendiri banyak lagi tokoh-tokoh lain yang boleh juga dianggap sebagai penderhaka atau petualang. Malah pemimpin pertama UMNO, Dato' Onn bin Jaafar boleh dikelaskan sebegitu kalau asas pengklasifikasiannya adalah seperti yang diucapkan semalam. Malah berbanding dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dituduh sebagai mewujudkan satu parti politik untuk menentang UMNO, Dato' Onn bin Jaafar mewujudkan bukan satu parti politik tetapi dua parti politik untuk menentang UMNO. Pertamanya beliau menubuhkan *Independence of Malaya Party* dan selepas itu menubuhkan pula Parti Negara.

Kalau dianggap bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim atau keluarganya bertanding untuk melawan UMNO dalam pilihan raya maka kita boleh jawab yang bertanding itu di tempatnya, di kawasanya untuk mempertahankan kawasanya. Tetapi apa yang dilakukan oleh Presiden pertama UMNO, Dato' Onn bin Jaafar bukan bertanding di tempatnya di negeri Johor tetapi sanggup berpindah ke negeri Terengganu, mengambil kerusi Parlimen Kuala Terengganu untuk menentang calon UMNO di sana. Jadi ini

perkara-perkara yang mesti kita faham, dan sebagai Menteri Pelajaran, amatlah penting untuk kita tidak menyelewengkan murid-murid di bangku sekolah dari segi pemahaman sejarah politik dan negara kita.

Kita ada contoh-contoh lain di mana bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad juga terlibat dalam demonstrasi dengan pelajar-pelajar universiti menentang Perdana Menteri ketika itu dalam tahun 1969 dan 1970. Beliau berceramah atas platform parti PAS dalam Pilihan Raya Kecil Kapar dalam tahun 1970 atau 1971. Ini perkara-perkara yang mesti kita fikirkan. Yang Berhormat bagi Gua Musang bersama Yang Berhormat bagi Kinabatangan terlibat dalam satu parti politik, menubuhkan parti politik baru dan malah dengan kejayaan beliau menubuhkan parti politik baru dalam tahun 1990 telah menjatuhkan kerajaan UMNO Barisan Nasional di negeri Kelantan.

Jadi ini adalah fakta-fakta sejarah yang saya fikir tidak perlu dan bahaya sebegitu mudah diselewengkan untuk kepentingan sementara parti politik mana-mana sekalipun, terutama sekali oleh seseorang yang menjadi Menteri Pelajaran untuk negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin seterusnya membincangkan tentang masalah kemiskinan. Masalah kemiskinan adalah amat jelas dalam negara kita. Kalau kita baca laporan-laporan akhbar, banyak perkara yang melibatkan kemiskinan masyarakat. Saya ada maklumat, misalnya daripada internet, dari *Utusan Melayu* bertarikh 3 September yang menceritakan tentang satu keluarga Melayu di Johor Bahru yang terlalu amat miskin sehinggakan *Utusan Melayu* menyebut dengan petikan yang mengatakan si anak yang berumur tujuh tahun ini berkata, "Saya teringin sangat pergi sekolah seperti kanak-kanak lain tetapi ayah tidak ada duit. Memang kami miskin dan tidak mampu. Saya faham keadaan ayah yang tidak ada duit, sebab itu saya tidak marah". Ini disebut oleh Mohd. Shukri bin Mohd. Sapiri, berumur tujuh tahun yang dilaporkan dalam laporan yang agak panjang dalam akhbar-akhbar termasuk yang saya baca ini daripada *Utusan Malaysia*.

Kita juga melihat beberapa minggu yang lalu pada 1 September melalui keluaran pertama akhbar harian tabloid daripada Kumpulan Utusan Malaysia/Utusan Melayu bernama Kosmo keluaran pertama, sulungnya pada 1 September itu, gambar di muka hadapannya ialah segelas air yang kotor berwarna kekuning-kuningan yang diambil daripada paip air yang datangnya daripada bandar-bandar di negeri Selangor

seperti Shah Alam. *Point* saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa kemiskinan berlaku di seluruh negara. Maka seruan saya ialah janganlah lagi kemiskinan itu di Kelantan-Kelantankan sahaja, kemiskinan itu sebelum ini di Terengganu-Terengganukan sahaja ataupun sebagainya.

Marilah kita terima hakikat bahawa kemiskinan khususnya dan terutamanya tanpa menafikan juga terkena kepada kaum, bangsa dan kumpulan yang lain tetapi di kalangan masyarakat Melayu, di kalangan masyarakat bumiputera di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak masih lagi wujud dan amatlah besar keadaannya. Oleh sebab itu saya ingin merayu kepada pihak kerajaan supaya jangan mengabaikan dan jangan mempermudah hal-hal seperti kemiskinan di kalangan masyarakat ini.

Saya dapat memberi contoh-contoh yang lain, Tuan Yang di-Pertua, dalam akhbar-akhbar pemimpin-pemimpin masyarakat, para intelek kita menyebut tentang *disparity* pendapatan di kalangan masyarakat bumiputera dan bukan bumiputera yang semakin meningkat, pendapatan yang *disparity*nya semakin meluas di antara bandar dengan bukan bandar, pendapatan yang *disparity*nya semakin meluas di antara golongan yang kaya dengan golongan yang miskin.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks negara kita yang mana mengikut satu laporan ekonomi, keadaan pelaburan asing adalah amat teruk. *FDI – Foreign Direct Investment* untuk separuh pertama tahun ini hanyalah 1/5 daripada harapan atau jangkaan untuk seluruh tahun. Mengikut laporan ini, Kerajaan Malaysia sehingga pada separuh pertama tahun ini hanya memperoleh FDI (pelaburan asing) sebanyak RM3.1 bilion sahaja manakala matlamat kerajaan untuk FDI bagi seluruh tahun ini ialah RM15.6 bilion. Maknanya, 1/5 sahaja sasaran dicapai pada tahap separuh tahun ini daripada keseluruhan tahun yang kita harapkan. Ini adalah keadaan yang membimbangkan.

Oleh sebab itu, oleh kerana pelaburan kita mungkin tidak akan mencapai matlamatnya, maka kita kemungkinan besar akan terpaksa walaupun pada tahun ini, dalam belanjawan ini, dikatakan kita telah mengurangkan defisitnya tetapi kalau kita ingat ucapan Menteri Kewangan dan bekas Perdana Menteri pada tahun dahulu, mempunyai matlamat sasaran defisit yang rendah tetapi sebenarnya sasaran yang dicapai dan cuba dicapai pada tahun ini tidaklah serendah yang diduga itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Sebagaimana saya janji, saya akan berhenti dan saya dengan itu ingin berhenti dengan menyebutkan sekali lagi tentang masalah kemiskinan dan saya ingin tambah satu *point* sahaja lagi dalam setengah minit sahaja, iaitulah bahawa kita mendengar berita beberapa minggu yang lalu dan juga sehari dua ini bahawa Petronas dan Shell telah sekali lagi menemui atau dapat mencari sumber-sumber galian baru, gas dan minyak, termasuk di antaranya di lautan di Pantai Timur. Jadi, dengan sebab itu saya ingin merayu supaya kerajaan tidak mengabaikan wilayah-wilayah, termasuklah wilayah Pantai Timur, termasuklah negeri Kelantan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya membenarkan Yang Berhormat bagi Tuaran mula berucap, saya ingin mencadangkan supaya kita berehat 10 minit. Dengan ini saya tempohkan Dewan ini selama 10 minit.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 5.20 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 5.31 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasihlah. Ringan sedikitlah sekarang ini. *[Ketawa]* Yang Berhormat Tuaran.

5.32 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2005.

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Pertama di atas pembentangan bajet ulungnya yang bertema "Menjamin Kesenambungan Kejayaan".

Dalam kesempatan sepuluh minit ini yang telah diberikan kepada saya, saya ingin memfokuskan perbahasan dalam soal bagaimanakah Bajet 2005 dapat menepati

temanya iaitu, "Menjamin Kesyambungan Kejayaan Malaysia". Sebelum itu saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bertahan sehingga satu hari mempengerusikan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab itu saya minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat dan dengan mendapat kerjasama ini memang saya rasa bangga jugalah. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih. Saya pun selepas habis sepuluh minit saya mahu jalan Tuan Yang di-Pertua. Mahu terbang balik ke Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi jangan selepas ucapan keluar daripada Dewan. Kena tunggu sampai habis.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terpaksa balik Tuan Yang di-Pertua. Naik kapal terbang tidak boleh tunggu.

[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini adalah amat penting terutama sekali pada tahun ini, di mana bajet ini adalah merupakan satu kesinambungan di bawah kepimpinan yang baru. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua adalah sedikit mengecewakan jika sekiranya kita tidak dapat membahaskan secara terperinci peruntukan-peruntukan. Bagaimana RM117 bilion itu diagih-agihkan kepada kementerian dan kepada sektor-sektor yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berjenaka dan berlawak membahaskan keseluruhan bajet ini dalam masa sepuluh minit. Saya ingat itu tidak mungkin. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua dalam kesempatan ini saya ingin mencadangkan tentang peranan institusi Parlimen ini dalam soal pembangunan terutama sekali dalam Bajet 2005 ini. Bagaimana peranan Parlimen ini dalam menjamin kesinambungan dan kejayaan peranan Parlimen. Daripada Parlimen ini menteri-menteri, kakitangan-kakitangan, pegawai-pegawai kerajaan dan pihak kementerian-kementerian akan mengambil kira pandangan kita dan seterusnya akan dilaksanakan program-program dan projek-projek yang sudah pun dibajetkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah mengecewakan jika sekiranya pihak kementerian dan juga pegawai-pegawai tidak sempat memahami keadaan yang sebenar di peringkat akar umbi khususnya dari kaca mata pembangunan wilayah. Sebagai contoh sahabat-sahabat saya dari Sabah dan Sarawak, seorang Ahli Parlimen bercakap selama sepuluh minit, selepas itu 20 minit bercerita satu isu dan itulah

sebab rakan-rakan dari semenanjung juga pun sudah mula kasihan, jadi dia sokong. Yang Sabah ini masih lagi terbelakang dan kita amat terharu.

Walau bagaimanapun rakan-rakan kita, Ahli-ahli Parlimen dan juga pegawai-pegawai kerajaan belum sempat memahami masalah yang sebenarnya. Saya sudah hampir lima tahun di Dewan yang mulia ini dan belum pernah saya mendengar seorang Ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak diberi peluang lebih 40 minit untuk berbahas. Dalam satu dokumen yang penting seperti ini - belum pernah.

Oleh sebab itu, saya hairan bila kita melihat dari segi perincian-perincian peruntukan, kita ambil contoh Yang Berhormat bagi Ketereh mengatakan kita beli kapal selam berharga RM7 bilion. Dalam bajet ini satu agenda penting yang dicadangkan iaitu mentransformasikan pertanian dan ini agenda penting dalam menjamin kesinambungan kejayaan. Tetapi peruntukan yang diberi hanya RM1.8 bilion. RM300 juta untuk *same capital* yang akan diberikan kepada *Government Link Companies* - RM1.5 bilion untuk memberi manfaat kepada pekebun kecil. Mana yang lebih penting kalau kapal selam RM7 bilion ataupun mentransformasikan pertanian RM1.8 bilion.

Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan dalam bajet tahun 2006 nanti, tahun depan kita juga akan berbahas tentang Rancangan Malaysia Yang Kesembilan, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya dalam sistem perbahasan kita dan Parlimen ini kita minta supaya setiap negeri, kita akan mempunyai 14 pembahas utama dalam bajet seperti ini, iaitu seorang mewakili tiap-tiap negeri termasuk Wilayah Persekutuan. Ahli Parlimen ini harus dilantik oleh kerajaan negeri dan akan membahaskan saya fikir 40 minit pun cukup untuk menyatakan bagaimana keadaan dari kaca mata, katakan daripada negeri Selangor macam mana dia nampak bajet ini. Daripada kaca mata negeri Sabah macam mana dia nampak ini. Saya ingat ini amat penting sebab kita cuma berlawak sedikit kita bahas, sedikit kita bahas. Selepas itu pihak menteri akan menggulung dan menjawab.

Saya tertarik hati dalam perbahasan sahabat saya daripada Cameron Highlands cerita pasal bunga, panjang juga cerita bunga. Tetapi terlalu mahal masa kita di Dewan yang mulia ini. Terlalu mahal - bukan senang, 10 minit - bukan senang hendak berbahas. Ini pun kita bersidang dalam setahun lebih lima bulan, tetapi kualiti masa, kualiti perbahasan bagaimana. Itu amat penting. Kalau kita dengar daripada

Menteri Kewangan Kedua beliau menyatakan bahawa duit yang ada hanyalah lebih duit dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Itu sahajalah yang dibahagi-bahagikan.

Oleh sebab itu apabila kita bercakap pasal transformasi pertanian kita hendak transformasi. Saya ambil contoh kita perbanyakkan lembu, kambing jangan import lagi daging dan sebagainya. Kita ambil daripada peruntukan berapa untuk mengeluarkan, baka lembu. Peruntukannya seluruh negara baru RM450,000 dan untuk menyediakan baka kambing bebiri hanya RM380,000 seluruh negara.

Selepas itu kita mahu pengeluaran padi banyak. Kita mahu supaya pengeluaran padi sampai 10 metrik tan. Tapi kalau kita tengok peruntukan untuk pengairan dan saliran di seluruh negara hanya lebih kurang RM199 juta. Bahagi dengan 13 negeri lebih kurang RM10 juta setiap negeri. Ini RM10 juta, kalau di Sabah kawasan saya Tuaran pun tidak cukup untuk sistem pengairan. Sampai bila? Sampai bila kita boleh tingkatkan sistem pengairan, *irrigation system* supaya kita dapat memulakan projek sampai 10 metrik tan. Tetapi oleh kerana kita ini ikut bajet, selepas bajet kita tengok, selepas itu kalau peruntukan sudah habis ia token RM10.

Saya ambil contoh Jabatan Pertanian Negeri Sabah dalam bajet ini diletakkan untuk pengembangan (*extension*), *extension* ini untuk menjelaskan kepada teknologi-teknologi dalam pertanian. Tetapi diletakkan di sana token RM10, bagaimana kita mahu transformasikan pertanian? Kita mahu memperkenalkan teknologi moden, cara-cara baru, barangkali juga tentang kredit pertanian tetapi RM10 token, barangkali mereka tunggu cerita-cerita di Dewan Rakyat ini, kalau banyak suara, kalau dapat peluang untuk bercakap, barulah diberi barangkali. Di sinilah saya mohon mencadangkan supaya dalam perbahasan yang amat penting seperti ini, ini tebal [*Menunjukkan senaskhah buku Laporan Ekonomi*] kalau jatuh atas budak, mati, [*Disampuk*] sekejap, sepuluh minit. Saya berharap dalam peringkat Jawatankuasa, sahabat-sahabat yang dapat sepuluh minit untuk bercakap itu diberi peluang untuk bercakap.

Dalam penggal ini sebenarnya, perbahasan ini amat menarik sebab tidak banyak politik, dahulu banyak politik, sekarang banyak pembangunan. Inilah yang kita mahukan di negara kita, Malaysia, banyak cerita tentang pembangunan. Tetapi kalau masa itu terlalu sedikit,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sepuluh minit pun sudah sampai.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okey, terima kasih, terima kasih, saya gulung, satu minit. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mohon supaya cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebab semua Ahli Parlimen Barisan Nasional boleh mencadangkan sebagai sumbangan kita dalam menggubal Rancangan Malaysia Kesembilan itu, biarlah surat itu dihantar kepada Ahli-ahli Parlimen, setakat ini belum ada. Kita ini dibolehkan untuk mencadangkan tetapi biarlah ada surat supaya kita juga boleh menyumbang sebab inilah bajet terakhir dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan selepas ini kita mulakan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kanowit.

5.42 ptg.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk terlibat dalam membahaskan Bajet 2005 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 September yang lalu. Dengan ringkasnya, keutamaan strategi Bajet 2005 ini adalah untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan dengan masa yang singkat ini saya akan teruskan ucapan kepada masalah di luar bandar.

Pertama kali, saya akan sentuh dengan perkara pendidikan. Pendidikan dan ilmu pengetahuan adalah kunci kepada segala kemajuan yang diperlukan oleh manusia. Kemajuan seseorang individu, kaum, golongan dan seterusnya sesebuah negara dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, sosial dan politik adalah bergantung kepada pendidikan dan ilmu pengetahuan. Di negara kita ini, jurang di segi pencapaian dan kemajuan dalam pelbagai sudut pelajaran dan ilmu pengetahuan adalah ketara kalau kita bandingkan di antara kalangan penduduk dan sekolah di bandar dan luar bandar.

Sebagai contohnya, kita lihat di daerah saya sendiri. Dalam tahun 2003 yang lalu, 820 orang murid masuk ke peringkat menengah rendah dan hanya 500 sahaja sampai ke tingkatan lima dan selepas itu hanya 120 orang sahaja dapat meneruskan pelajaran mereka ke Tingkatan Enam dan Matrikulasi. Bermakna 88% tercicir dan cuma 12% yang dapat meneruskan ke pelajaran yang lebih tinggi. Untuk keseluruhannya di negeri Sarawak, tiap-tiap tahun lebih kurang 200,000 pelajar ini

tercicir. Jumlah ini adalah termasuk pelajar-pelajar yang tercicir dari lepasan peperiksaan STPM dan Matrikulasi. Kemungkinan mereka yang tercicir ini masuk ke institusi pelajaran tinggi swasta adalah tipis kerana mereka ini adalah dari keluarga yang miskin di luar bandar dan kita ketahui kebanyakan mereka ini kemudiannya akan menjadi buruh kasar di tapak binaan, menjadi pelayan kedai kopi, pekerja *supermarket*, kilang dan sebagainya serta dibayar gaji yang sangat murah.

Disebabkan gaji yang sangat murah ini, mereka juga terpaksa tinggal di kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar dan dari situlah timbul masalah-masalah sosial di kalangan gadis muda dan remaja ini. Di kawasan luar bandar, kita selalu mendengar bahawa ibu bapa adalah punca kepada segala kelemahan yang menimpa kepada anak-anak mereka yang lepasan sekolah ini sebab kata mereka, mereka adalah miskin dan tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke peringkat sekolah yang lebih tinggi dan guru-guru juga mengatakan ramai di antara remaja ini tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka kerana mereka tidak dapat memahami dengan lebih mendalam mata pelajaran yang diajar di sekolah. Ini terjadi oleh kerana di bangku sekolah rendah dahulu, mereka ini memang sudah jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan murid-murid di bandar yang sudah pun mengikuti prasekolah.

Jadi inilah sebabnya di Dewan yang mulia ini menjadi satu soalan kepada kerajaan iaitu sama ada kita perlu mewajibkan anak-anak kecil yang berumur tiga atau empat tahun ini mengikuti prasekolah sebelum masuk ke sekolah rendah seperti di negara-negara yang sudah maju. Dengan adanya Wawasan 2020, besar harapan kita untuk menjadi negara yang maju tetapi kalaulah masalah pendidikan tidak dapat ditangani dengan secepat mungkin, maka masyarakat luar bandar akan menjadi lebih mundur dari semua segi kemajuan lebih-lebih lagi dari segi pembangunan sumber manusia.

Kita menyambut baik langkah kerajaan mewajibkan remaja berumur 18 tahun ke atas mengikuti Program Latihan Khidmat Negara sebab salah satu tujuannya adalah untuk membentuk generasi kita yang cintakan negara dan juga memberikan kesedaran kepada mereka ke atas tugas-tugas mereka untuk negara. Melalui program ini juga, mereka akan bercampur gaul dengan pelbagai kaum, agama dan budaya. Bagi yang di luar bandar, mereka akan terdedah kepada banyak pengalaman, ilmu pengetahuan dan hidup yang kompetitif.

Selain dari program jangka pendek PLKN ini, kita juga perlu menyediakan tempat di mana remaja lepasan sekolah yang tercicir untuk melanjutkan pelajaran mereka, untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pelbagai bidang teknikal dan komersial supaya mereka dapat berkhidmat dan menyumbangkan tenaga yang lebih bermakna kepada negara.

Dengan itu saya menyeru agar rancangan kerajaan untuk membina kolej komuniti di kawasan Parlimen luar bandar adalah amat dialu-alukan. Keutamaan yang patut diberi kepada kawasan Parlimen luar bandar kerana di bandar-bandar sudah ada banyak IPTA dan IPTS ditubuhkan.

Dalam kemiskinan luar bandar, saya akan menyentuh berkenaan dengan isu prasarana. Tuan Yang di-Pertua, di Dewan ini kita sering menyebut kepada peruntukan projek kecil luar bandar yang masih tidak mencukupi. Tetapi saya ingin menekankan lagi bahawa kadar dan sistem pelaksanaan yang tidak cekap dan memuaskan itu adalah masalah yang amat serius menyebabkan projek-projek kecil di luar bandar. Sebagai contoh di Sarawak bagi tahun 2003, RM69 juta peruntukan bagi projek kecil dari kampung di Sarawak tidak dapat dibelanjakan kerana kakitangan dan pegawai yang tidak cekap dan tambahan pula banyak *red tape* di beberapa peringkat jabatan kerajaan.

Garis panduan projek dari KPLB memang sudah jelas tetapi pegawai yang melaksanakan projek itu mengikut kehendak dia sendiri atas sebab yang dia sendiri ketahui. Jadi projek-projek itu tidak dapat dilaksanakan dengan cepat dan sempurna, sebab itu pembangunan prasarana di luar bandar di Sarawak semakin tahun semakin tertinggal.

Dalam Bajet 2005 ini kerajaan mencadangkan bahawa pelbagai undang-undang dan peraturan, sistem dan proses kerja akan diubahsuai dan dikemas kini untuk mengatasi masalah pelaksanaan projek kerajaan di semua peringkat. Saya menyeru agar kerajaan melihat masalah ini dengan serius kerana pada akhirnya akan mengakibatkan banyak lagi masalah lain dalam pembangunan kawasan luar bandar.

Di sektor ekonomi luar bandar, isu utama adalah bagaimana kita dapat membangunkan dan meningkatkan produktiviti, pengeluaran pertanian, pemasaran produk hasil pertanian, membangunkan sektor ekonomi yang lain supaya penduduk di luar bandar dapat menceburkan diri dalam segala sektor komersial luar bandar. Semenjak Dasar Ekonomi Baru dari awal 70-an dan sampai sekarang, kita berada

dalam Dasar Wawasan 2020, banyak rancangan dan peruntukan tiap-tiap tahun diagihkan bagi menolong rakyat yang miskin dan kurang maju. Tetapi malangnya disebabkan oleh fakta-fakta dan keadaan tertentu masih banyak lagi perlu difikirkan oleh kerajaan untuk meneruskan lagi usaha dan dasar ekonomi baru ini untuk menolong kaum yang masih tertinggal dalam segala pembangunan di negara kita ini.

Sebagai contoh diketahui bahawa ekuiti kaum bumiputera di Malaysia ini sudah mencapai 19 %, kurang dari target 30 %, tetapi apabila kita lihat dengan dekat kepada kaum minoriti bumiputera Dayak di Sarawak yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar, ekuiti mereka sekarang ini dalam ekonomi kek negara adalah masih sifar. Kaum India sudah pun menegur kerajaan bahawa mereka ingin meningkatkan ekuiti mereka kepada 3%.

Jadi yang menjadi masalah adalah macam mana kerajaan dapat menolong kaum yang miskin kurang upaya ini dari segi menceburkan diri dalam segala aktiviti dan pembangunan sektor ekonomi dunia peluang business supaya mereka tidak jauh ketinggalan dalam bidang tersebut dan seterusnya dapat meningkat tahap kehidupan mereka setanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia.

Di Sarawak baru-baru ini ditubuhkan Dayak Chamber Commerce dengan tujuan ianya dapat menjadi saluran dan jambatan kepada pengusaha-pengusaha kaum minoriti Dayak untuk menceburkan diri dalam berbagai bidang pembangunan ekonomi dan komersial, memang ianya masih memerlukan bimbingan dan pertolongan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan untuk membangunkan tanah hak milik bumiputera melalui konsep *joint venture* di antara pemilik tanah dengan pemaju seperti ladang besar kelapa sawit di Sarawak adalah satu perkembangan yang amat dialu-alukan oleh pemilik NCR. Tetapi apabila projek sudah berjaya dan mengadakan hasil pihak pemilik tanah tidak tahu langsung berkenaan untung rugi macam kompeni itu. Cuma pihak pemaju sahaja yang berkuasa membuat keputusan atas segala pengurusan ladang, hal dividen dan bonus, cara pelaburan yang akan diadakan oleh JV Kompeni itu menggunakan keuntungannya.

Sebagai contoh di kawasan saya di Kanowit sendiri, konsep JV ladang kelapa sawit dengan sudah pun menjangkau umur 7 ke 10 tahun tetapi sampai ke sekarang ini tidak ada dividen pun sudah dibayar kepada pemilih tanah. Janji-janji

manis dahulu sudah hilang begitu sahaja dan tanah NCR sudah pun diberi komitmen kepada JV Kompeni itu selama 60 tahun. Janji untuk memberi peluang kepada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung ya.

Tuan Aaron Ago Dagang: Ya. Sudah pun hilang dan pihak estet mengambil lebih ramai lagi pekerja asing. Pekerja tempatan tidak puas hati dengan upah harian RM12, sebab dengan upah harian RM12 bermakna dalam sebulan mereka cuma dapat RM300. RM300 ini adalah were below the six hundreds ringgit sebulan bagi keluarga yang tergolong dalam kategori rakyat termiskin di Malaysia. Inilah menjadi satu tidak berpuas hati kepada rakyat-rakyat yang terlibat dalam JV Kompeni ini.

Di sini saya menyeru agar kerajaan membantu pelaksanaan konsep JV ini supaya janji-janji manis pihak pemaju ditunaikan kepada pemilik tanah, kesan pemilihan asing ke atas penduduk tempatan perlu dikaji dan kesan jangka panjang 60 tahun pemilikan tanah oleh JV perlu juga diteliti.

Dan yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan sijil kelahiran yang masalah sering berlaku di Sarawak. Sebab masalah ini difahamkan ada juga yang permohonan ini telah diproses selama 10 dan lebih dan sampai sekarang pun masih juga tidak dapat sijil tersebut. Saya ada beritahu sesetengah pemohon ini adalah dari kaum ataupun mereka ini orang yang miskin dan tidak mampu datang ke Kuching untuk ditemu duga oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Jadi, di sini saya ingin mencadangkan supaya kakitangan JPN di Pejabat Daerah ditingkatkan lagi jumlah mereka dan pegawai-pegawai itu juga diberi kuasa penuh untuk membuat keputusan muktamad ke atas sesuatu permohonan itu supaya ianya tidak dilewat-lewatkan lagi seperti yang sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang: Okey. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Titiwangsa.

17.55 ptg.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang membahaskan Rang Undang-undang Pembekalan 2005. Sebagai Ahli Parlimen Titiwangsa dan juga sebagai Ketua Bahagian UMNO Wangsa Maju, kita telah mendekati banyak sekolah di kedua-dua kawasan tersebut dan di antara situ kita telah dapat membuat beberapa perhatiannya. Dari segi penuntutnya selalunya pencapaian akademik lebih berat kepada penuntut-penuntut perempuan dan tenaga pengajar pula kita perhatikan berat kepada pihak wanita juga. Ada beberapa sekolah guru lelaki hampir pupus hinggan ada satu sekolah ustazah terpaksa mengajar anak-anak lelaki main bola.

Dari segi penglibatan ibu bapa pula bila kita lihat Mesyuarat Agung PIBG kurang sekali dihadiri ibu bapa dan kalau ada pun selalunya ibu yang datang dan apabila tiba masa untuk mengambi *report* kad begitu juga keadaannya hanya ibu yang datang. Bapa nampaknya kehilangan. Nampaknya berat kepada pihak perempuan. Kalau kita tengok pula masalah-masalah yang lain seperti gejala sosial, dadah, merokok, ponteng sekolah ini pula berat kepada penuntut-penuntut lelaki.

Persoalannya, kalau kita perhatikan buku sama, kurikulum sama, cikgu sama, sekolah sama mengapa agaknya pencapaiannya berbeza-beza di antara lelaki dan perempuan dan juga di antara anak-anak umumnya di antara kaum. Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, terletak kepada peranan yang dimainkan oleh pihak keluarga. Keluargalah yang sebenarnya yang mencorakkan pencapaian seseorang anak murid itu. Tetapi rata-rata kekurangan kemahiran keibubapaan ini telah menjejaskan kemajuan banyak keluarga dan sejurusnya anak mereka.

Kami juga teh berbincang banyak kali dengan pihak polis dari IPD, dari Sentul, Dang Wangi dan Cheras. Mereka juga berpendapat banyak gejala sosial ini berasaskan dari rumah ataupun ketidakstabilan di rumah dengan tidak adanya peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dan kita tiga hari dahulu telah mendengar jawapan lisan dari Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa ada beberapa program, beberapa modul yang telah diwujudkan oleh kementerian untuk peranan meningkatkan kemahiran keibubapaan.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan secara *ah-hoc* dan perbelanjaan tidaklah begitu banyak. Kalau kita perhatikan 23% Bajet 2005 ditelan oleh dua kementerian iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Saya rasa sia-sia kalau kita belanja buang begitu banyak akhirnya sistem pendidikan kita tidak dapat mengeluarkan penuntut-penuntut yang kita idamkan, agak rugi begitu banyak kita belanjakan.

Jadi untuk memperbaiki output sistem pendidikan kita, penglibatan ibu bapa harus diwajibkan, tetapi memang ketaralah bezanya kemahiran keibubapaan ini dan ini saya di sini ingin mencadangkan kemahiran keibubapaan ini dibuat sebagai satu perkara yang mandatori kepada semua keluarga. Saya di Titiwangsa juga telah mencabar beberapa sekolah untuk membiayai kursus kemahiran keibubapaan dan memberi kursus ini secara percuma tetapi agak kecewa kerana baru ini dua sekolah tidak mampu untuk mengeluarkan ibu bapa untuk menghadiri kursus tersebut, sebab saya telah meletakkan syarat hendak datang ini mestilah pasangan bukan ibu sahaja yang harus datang menghadiri kursus ini. Jadi sedikit sebanyak ini mencerminkan keketidaksafan ibu bapa ataupun tidak tahulah mengapa mereka tidak mahu meningkatkan ilmu mereka untuk mengelokkan keluarga mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, kita tidak kecewa dan kita harus terus memperkembangkan benda ini. Jadi saya harap walaupun banyak sekarang agensi-agensi yang cuba untuk meningkatkan kemahiran keibubapaan, banyak di peringkat kebangsaan, tetapi saya rasa program ini haruslah diselaraskan oleh satu pihak dan barangkali Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun Kementerian Pelajaran sebab kalau tidak usaha ini bersepah-sepah dan akhirnya kita tidak dapat nikmat yang apa kita idamkan.

Barangkali tibalah masanya kita mengadakan KPI kalau kita KPI untuk GLC, KPI untuk Ahli-ahli Parlimen barangkali kita harus mengenalkan KPI untuk keluarga sebab kita tahu manusia sekiranya mereka tidak diberi penilaian atau tidak ada yang melihat pencapaian mereka, mereka selalunya lebih lalai. Jadi di sini barangkali kalau kita telah berbelanja berbilion-bilion, elok juga kita berbelanja lebih sedikit supaya menentukan ibu bapa memainkan peranan sebab sahsiah seorang insan itu bermula dari rumah. Akhirnya kalau kita tidak ada ini apa yang kita belanja Kementerian Pelajaran akan jadi sia-sia.

Perkara kedua yang ingin saya menyentuh di sini Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai tanah di Kampung Baru. Di Kampung Baru itu ada tanah seluas 223 ekar yang dipanggil tanah MAS, *Malay Agriculture Settlement*. Kalau kita tahu nilai hartanah kalau meminjam istilah orang putih ialah *location, location, location*.

Kampung Baru dari segi lokasi memanglah strategik tetapi oleh sebab syarat-syarat yang ada di atas tanah itu nilainya tidak tinggi langsung. Banyak usaha telah dibuat untuk memajukan tanah itu, yang akhirnya sekali pada tahun 1991 dan kalau tidak salah saya satu gazet telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini tetapi telah ditarik balik oleh sebab masalah teknikal yang tidak dapat dijalankan.

Enakmen untuk *Malay Agriculture Settlement* ini telah diwujudkan pada 1897, lebih seratus tahun dahulu dan di antara syarat-syarat yang agak penting ialah siapa yang berada di situ tidak boleh memiliki tanah itu hanya *the right of occupation* dengan izin. Walaupun tidak ada hak untuk memiliki, 70% daripada tanah sedemikian telah dikeluarkan *title* oleh Jabatan Tanah walaupun enakmen itu masih ada dan apabila Kuala Lumpur diwujudkan enakmen ini tidak dimansuhkan jadi tanah di Kuala Lumpur ini sebenarnya kalau kita tengok dikaji dari segi *quit rent* cukai tanah ada tiga jenis tanah. Pertama adalah tanah-tanah yang bukan rizab Melayu dan bukan tanah MAS, kedua tanah rizab Melayu dan ketiga tanah MAS. Ini ada sedikit anomali dan tidak diperbetulkan dan apabila tanah Kampung Baru ini dipindahkan kepada Wilayah Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Jadi di sini memandangkan Kampung Baru merupakan tanah yang strategik kepunyaan bumiputera, saya mengesyorkan kepada pihak kerajaan untuk mewujudkan satu badan seperti Putrajaya Holdings untuk memajukan tanah itu pada keseluruhannya bukan memajukan sedikit-sedikit dan insya-Allah kalau boleh dibuat begini, satu pembangunan yang *equitable* kepada pemilik tanah-tanah itu dapat dijalankan dan boleh mengekalkan statusnya sebagai tanah bumiputera di Kuala Lumpur. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya dapat benarkan tiga berucap. Yang Berhormat tadi ada bangun? *[Tuan Yang di-Pertua bertanya kepada Yang Berhormat Seputeh]*. Jadi, Kuala Selangor.

6.05 petang

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Bagi pihak rakyat dan pengundi di Parlimen Kuala Selangor saya ingin merakamkan ucapan

syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang membentangkan Bajet 2005 yang prihatin dan melegakan semua golongan masyarakat.

Walaupun Kuala Selangor merupakan sebuah daerah di luar bandar, namun kita harapkan peruntukan yang begitu besar dapat dibawa ke kawasan luar bandar khususnya ke Parlimen Kuala Selangor. Memandangkan bahawa Kuala Selangor hari ini dikenali sebagai sebuah daerah pertanian, pelancongan yang sedang dibangunkan dalam industri kecil dan sederhana dan juga untuk dijadikan sebuah bandar ilmu.

Walaupun Kuala Selangor sedang pesat membangun namun beberapa isu dan masalah saya bawa di sini agar pihak kerajaan khususnya kementerian-kementerian berkenaan dapat mengambil langkah-langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek yang dikenal pasti.

Pertama, dalam soal infrastruktur Kuala Selangor hampir dengan Lembah Klang masih memerlukan lebuh raya dan jalan-jalan kampung untuk kemudahan pengangkutan khususnya petani, penternak, nelayan dan mereka yang sentiasa berulang alik bekerja khususnya ke kawasan Lembah Klang. Oleh itu saya mohon agar jalan-jalan Persekutuan khususnya lebuh raya di antara Klang dan Sabak Bernam dapat disegerakan kerana projek ini didapati agak lambat dan telah memberi kesan kepada pengguna jalan raya di mana kemalangan maut sering berlaku dan diharapkan lopak-lopak dan lubang-lubang di atas jalan berkenaan dapat ditampal bagi keselesaan pengguna jalan raya.

Di samping itu lebuh raya Tampler Park-Asam Jawa, Jalan Sungai Buloh Kepong ke Kuala Selangor dekat 'Tuan Mee' yang bengkok bengkok dapat diluruskan begitu juga dengan izin *Coastal Highway* dapat diteruskan pelaksanaannya.

Begitu juga saya mencadangkan supaya dengan pusat pertumbuhan baru Bandar Puncak Alam dan juga Berjantai Bestari, kemudahan LRT dapat disambung daripada Kelana Jaya ke bandar-bandar berkenaan agar ia dapat memberi satu kemudahan pengangkutan awam kepada penduduk Kuala Selangor khususnya dalam menarik pelancong-pelancong daripada luar kawasan.

Di samping itu ada beberapa kawasan yang masih memerlukan kemudahan asas seperti telefon umpamanya di Kampung Bukit Hijau. Perkhidmatan telefon dari rumah ke rumah masih tidak dapat dilaksanakan kerana satu masalah yang tertentu. Di samping itu juga lampu-lampu jalan dapat dilaksanakan dengan segera berasaskan

kepada peruntukan yang begitu besar dan kita dapati sehingga hari ini pihak TNB sebagai agensi pelaksana belum lagi memberikan makluman khususnya kepada ahli Parlimen dan juga wakil-wakil kawasan untuk melaksanakan projek berkenaan.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh adalah soal pembangunan pertanian. Sebagai golongan sasar petani, penternak, nelayan yang rata-rata dikenal pasti sebagai golongan yang termiskin saya dapati di Kuala Selangor masih banyak lagi tanah-tanah terbiar yang disebabkan masalah kekurangan tenaga buruh, penghijrahan, masalah perundangan dan sebagainya. Oleh itu saya mengesyorkan supaya sebuah *task force* dengan izin, dapat dibentuk di peringkat pusat, negeri dan juga di peringkat daerah agar kajian dan usaha diperhebatkan untuk memulihkan atau membangunkan tanah-tanah terbiar berkenaan agar ia dapat meningkatkan pendapatan petani. Dalam hubungan ini semua jabatan, agensi yang berkenaan khususnya di peringkat daerah khususnya Pertubuhan Peladang Kawasan harus memainkan peranan yang lebih hebat bagi mengatasi masalah tanah terbiar yang saya kira ia dapat membantu mengurangkan import barang-barang makanan.

Isu yang ketiga adalah berhubung dengan perumahan rakyat. Di Kuala Selangor permintaan rumah kos rendah begitu tinggi dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, mereka yang mendaftar dengan Lembaga Perumahan dan Harta Tanah Selangor (LPHS) adalah sebanyak 160,348 orang dan daripada Kuala Selangor seramai 9,564 orang berdaftar dan yang telah dapat rumah sebanyak 6,943 orang. Ini bermakna berdasarkan yang berdaftar 2,621 tidak termasuk yang tidak berdaftar masih memerlukan rumah. Ini bermakna penawaran rumah amat kurang sedangkan permintaannya begitu tinggi. Saya mengesyorkan supaya peruntukan yang secukupnya dapat disediakan bagi mengambil balik tanah estet. Ini disebabkan tanah kerajaan di Kuala Selangor sudah habis dan rumah-rumah untuk pekerja ladang dapat disediakan termasuk untuk membesarkan kampung-kampung tradisional yang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Di samping itu juga saya ingin membangkitkan soal pelancongan. Adalah diharapkan supaya Kementerian Pelancongan dapat menambahkan destinasi baru dan juga produk baru yang boleh menjadi tarikan pelancong daripada dalam dan juga luar negara. Umpamanya projek-projek baru dapat dibawa untuk menaik taraf Taman Alam Kelip-kelip, Kampung

Kuantan, menjadikan Pantai Remis, Jeram sebagai pusat peranginan termasuk menjadikan Bukit Melawati, Bukit Belanda, Keramat Anak Dara, Perigi Beracun dan terowong yang dikatakan boleh sampai ke Melaka dapat diberikan peruntukan secukupnya agar ianya dapat menarik minat pelancong-pelancong tempatan dan juga luar negara.

Di samping itu, saya mencadangkan supaya Sungai Selangor dapat dijadikan sebagai bukan sahaja sebagai suatu sumber bekalan air tetapi juga dapat dibersihkan bagi menjadikan Sungai Selangor sebagai satu tarikan bukan sahaja dalam soal kelip-kelip tetapi juga menjadikannya sebagai pusat untuk memancing udang galah dan juga untuk melihat buaya-buaya dan.....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Buaya tembaga *[Ketawa]* dan akhirnya saya ingin menyentuh soal pendidikan. Minta izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Oleh kerana Kuala Selangor merupakan daerah yang tertinggal, yang tercorot dalam bidang pencapaian akademik, saya harap satu kajian dapat dibuat oleh Kementerian Pelajaran dan juga pelbagai cara dapat dilakukan, umpamanya menghantar guru-guru yang berpengalaman dan berwibawa dalam bidang sains, matematik dan juga bahasa Inggeris.

Di samping kita menjadikan Kuala Selangor sebagai bandar ilmu dengan membawa cawangan Universiti Pertanian Malaysia kerana kesesuaian tempat di pesisir pantai dan akhirnya saya berharap kuota untuk pelajar-pelajar tempatan dapat diberikan kepada institusi pengajian tinggi yang dibina di Kuala Selangor.

Kuala Selangor mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi saya sudah buat keputusan hanya membenarkan dua orang sahaja berucap, Seputeh dan selepas itu Ayer Hitam.

4.15 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya kebanyakan rakyat berpegang pandangan yang sama dengan saya iaitu

Bajet 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak mempunyai apa-apa bahan baru yang boleh diheboh-hebohkan.

Tuan Yang di-Pertua, penjagaan kesihatan (*health care*) merupakan bidang yang amat memerlukan rancangan yang teliti daripada pihak kerajaan. Tetapi malangnya dalam ucapan Bajet 2005 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau kelihatan tidak mempunyai rancangan yang menyeluruh terhadap penjagaan kesihatan di negara kita.

Saya merasa hairan melihat keinginan kerajaan untuk menubuhkan cawangan swasta di hospital kerajaan, khususnya di dua hospital yang moden dan baru iaitu Hospital Putrajaya dan Hospital Selayang. Pengumuman ini jelas menunjukkan kecenderungan kerajaan untuk menswastakan hospital awam kita. Saya diberitahu bahawa penubuhan cawangan swasta di Hospital Universiti telah menyebabkan ramai doktor pakar menggalakkan pesakit mereka menerima rawatan di cawangan swasta di hospital tersebut di mana pesakit dikehendaki untuk membayar kos rawatan yang jauh lebih tinggi.

Selain itu doktor juga cenderung untuk memberi lebih keprihatinan terhadap pesakit yang menerima rawatan di cawangan swasta daripada pesakit lain yang hanya mampu membayar kos rawatan yang biasa malah membenarkan pesakit yang lebih berada ini untuk *jump queue*.

Sehubungan dengan itu penubuhan cawangan swasta di hospital awam juga menggalakkan doktor kerajaan menyalahgunakan kelengkapan dan sumber awam demi *business* perubatan sendiri. Jadi, sekiranya kerajaan menggalakkan lebih hospital kerajaan menubuhkan cawangan swasta, maka lama-kelamaan hospital awam pun akan menjadi hospital swasta yang mengenakan kos perubatan yang tinggi terhadap pesakitnya dan menyusahkan golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita telah membentangkan satu ucapan yang mendapat banyak pujian daripada para wakil agama Kristian di dalam dan di luar negeri semasa merasmikan Sidang Plenary *Commission on Faith and Order* anjuran *World Council of Churches* pada 3 Ogos tahun ini.

Yang Amat Berhormat berkata Malaysia mempraktikkan *moderation*, iaitu beliau dengan izin, berkata, "*We cannot allow our religions to be torn apart by extremist impulses and exclusively doctrines. We must be committed in promoting the values of peace, tolerance and plurality*". Walau bagaimanapun, sedihnya, kenyataan Perdana

Menteri ini tidak dipraktikkan oleh kerajaannya sendiri termasuk anggota partinya sendiri.

Cadangan untuk menubuhkan *Inter-Faith Council* ataupun Majlis Dialog Antara Agama telah lama dibangkitkan oleh pertubuhan agama bukan Islam dan kita tahu dialog di antara pengikut agama yang berlainan memang amat diperlukan dalam satu masyarakat majmuk tetapi yang kesalnya cadangan ini masih tidak diterima oleh pihak kerajaan.

Seperti apa yang dikatakan oleh seorang peguam hak asasi manusia Encik Yang Pek Gan dalam majalah Majlis Peguam keluaran Mei dan Jun:-

“Arahan sesetengah Kerajaan Tempatan yang menghendaki orang yang menternak anjing perlu mendapat kebenaran daripada jirannya itu adalah amat tidak sensitif kepada pihak Kerajaan Tempatan”.

Beliau juga mengambil contoh di mana masyarakat bukan Islam selalu bertolak ansur terhadap masjid yang dibina di kawasan mereka kerana para penduduk bukan Islam ini menghormati hak kebebasan agama Islam kepada masyarakat Muslim. Kesannya, artikel peguam ini mendapat kritikan kuat daripada sesetengah ahli politik dan media malah UMNO Bahagian Shah Alam membuat laporan polis terhadap artikel ini dengan memutarbelitkan tujuan asal dan menuduh penulis ini menghasut.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh penulis ini adalah amat bernas sekali. Sekiranya kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini melaksanakan prinsip *moderation*, kenapakah Kabinet tidak membatalkan arahan Majlis Perbandaran Klang dan Johor Baharu yang menghendaki orang bukan Islam yang menternak anjing mendapat kebenaran daripada jirannya?

Sehubungan dengan itu saya juga menyeru pihak kerajaan supaya memberi nasihat kepada penyelenggara masjid yang terletak di kawasan kediaman masyarakat majmuk supaya mereka mengikut garis panduan JAKIM yang menasihatkan penyelenggara masjid mengurangkan *volume* sembahyangnya pada awal pagi sebagai tanda menunjukkan sensitiviti agama.

Sehubungan dengan itu sekiranya kerajaan betul-betul mempraktikkan prinsip *moderation* dalam masyarakat majmuk ini, saya menyeru supaya kerajaan membenarkan filem *“The Passion of the Christ”* dan *“The Gospel of John”* ditayangkan di kesemua pawagam dan terbuka kepada penonton daripada semua kaum.

Saya memang tidak faham rasional kerajaan yang hanya membenarkan penganut agama Kristian untuk menonton filem "*The Passion of the Christ*" di panggung wayang yang ditetapkan dan saya juga tidak faham kenapakah kerajaan menyekat penganut agama Islam menonton kedua-dua filem tersebut. Dalam satu masyarakat majmuk seperti Malaysia adalah amat penting bagi kerajaan menggalakkan pergaulan dan dialog di antara penganut agama yang berlainan supaya kita saling memahami sistem kepercayaan dan kebudayaan di antara satu sama lain.

Salah satu cara untuk memupuk persefahaman di antara agama dan kaum yang berlainan ini adalah melalui kurikulum pendidikan dan media massa termasuk menayangkan filem yang menceritakan falsafah dan riwayat hidup tokoh agama.

Saya menyeru supaya pihak kerajaan mengkaji semula pendiriannya dalam isu penayangan filem ini. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya memberi keadilan kepada sekolah agama Kristian ataupun *mission school*. Memandangkan Gereja Kristian Katholik telah pun menyerahkan bangunan sekolah yang diasaskan oleh mereka kepada kerajaan dan sekolah-sekolah ini juga menggunakan kurikulum Kementerian Pelajaran, kerajaan sepatutnya memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah ini dari segi *maintenance* dan juga penambahan bilik darjah supaya pengurus sekolah-sekolah ini tidak perlu mengadakan kempen derma demi tujuan ini.

Selain itu, saya juga menyeru supaya Kementerian Pelajaran boleh menghantar lebih guru terlatih yang beragama Kristian untuk mengajar di sekolah-sekolah Kristian ini supaya guru-guru ini boleh memberi kelas agama Kristian kepada pelajar-pelajar kristian di *mission school* berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Bajet 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ini juga langsung tidak menyentuh tentang dasar pengendalian sampah. Seperti apa yang diadakan di negara-negara maju, kerajaan hanya berminat untuk mendirikan lebih *incinerator* yang merosakkan alam sekitar dan kesihatan penduduk di seluruh negara untuk mengatasi masalah pertambahan sampah.

Saya merasa kesal kerajaan kurang serius terhadap kempen kitar semula dan tidak mengawal penggunaan plastik dan menggalakkan industri yang menghasilkan produk alternatif yang menggantikan plastik. Saya ingin meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya membatalkan projek *incinerator* yang akan dibina di

Broga kerana kawasan itu merupakan tempat takungan air yang digunakan dan diminum oleh penduduk di Lembah Klang.

Saya juga mencadangkan supaya kerajaan menggunakan teknologi alternatif seperti teknologi MRF yang menggunakan cara kitar semula untuk mengendalikan sampah kita untuk menggantikan *incinerator*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

18.22 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

“Wahai puteri DAP

Hujah basi tidak bertaraf

Mengutuk BN bertuli-tuli

Kejayaan BN harus diiktiraf

Rakyat jelata kagum sekali” [*Tepuk*]

Saya ingin sentuh pada beberapa isu tetapi akan memfokuskan tentang aspek pendidikan. Kalau kita meninjau Bajet 2005 ini, saya memang menyokong usaha kerajaan untuk kita menambahkan bilangan biasiswa untuk pelajar-pelajar cemerlang khususnya bagi mereka yang diberikan tawaran biasiswa JPA ke luar negeri.

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa dalam bajet ini, telah jelas mengatakan bahawa biasiswa MARA akan ditambah dari RM700 kepada RM1,000. Tetapi bagi kami, biasiswa JPA adalah terbuka kepada semua kaum. Berlandaskan kepada jumlah yang ada sekarang, RM1,300 saya rasa ia tidak lagi dapat menampung keperluan semasa.

Ingin saya mengambil contoh, pada tahun 2001 bilangan pelajar yang mendapat A1 dalam semua mata pelajaran di peringkat SPM adalah 207 orang, tahun 2002 pula 489 orang, tahun 2003 seramai 603 orang dan pada tahun ini 1,040. Ini menunjukkan satu peningkatan 400%. Kita perlu memikirkan dari segi keperluan itu, RM1,300 juga merangkumi mereka dari Sabah dan Sarawak dan juga diberikan kepada semua kaum.

Saya ingin merayu kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam supaya menambah biasiswa ini kepada RM1,600 sekurang-kurangnya dan inilah cara kita menghantar pelajar-pelajar cemerlang kita keluar negeri dan itulah satu-satunya

peluang untuk kita menjaga kepentingan masyarakat luar bandar. Di sini juga saya ingin menyentuh tentang cara mengendalikan temu duga baik untuk calon bumiputera ataupun bukan bumiputera.

Saya dapati ia dijalankan secara berkumpulan dan diberi satu soalan iaitu masalah *vandalism* di sekolah dan diminta 20 orang calon itu berbincang. Dalam perbincangan itulah ditentukan nasib mereka sama ada dapat atau tidak biasiswa. Saya ingin mencadangkan bahawa cara ini perlu dikaji semula kerana ia tidak berlaku adil kepada pelajar-pelajar yang mungkin tidak tahu secara spesifik tentang sesuatu topik itu.

Ini adalah tentang biasiswa JPA. Saya juga menyeru supaya biasiswa Khazanah yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini juga dibuka kepada semua kaum. Saya berasa kagum 100 biasiswa akan disediakan untuk melahirkan kepakaran dalam bidang teknikal dan kejuruteraan dan saya rasa ini adalah satu perkara yang memang mengagumkan kita. Kita melihat cara pemberian biasiswa Khazanah ini memanglah ia selari dengan dasar kerajaan seperti mana yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan Kedua bahawa kita akan memberikan pakar-pakar dari bukan bumiputera supaya mereka juga terlibat bersama menjadi Pengarah GLC.

Saya rasa ini adalah satu dasar yang memang sama satu galakan untuk kita melatih pakar dan cerdik pandai kita supaya mereka juga berpeluang untuk menerajui GLC kelak. Saya rasa ini adalah suatu cara yang baik. Di sini pula saya ingin mencadangkan bahawa memandangkan pada ketika ini tidak ada pula biasiswa kepada mereka yang mendapat keputusan cemerlang untuk STPM dan Matrikulasi, inilah masanya kita dapat mengisi kekosongan ini.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pada tahun 2002 seramai 624 orang mendapat semua A dalam STPM dan tahun ini pula 767 orang. Ini menunjukkan suatu peningkatan yang begitu besar dan kita perlu mengambil suatu tindakan supaya kita memberi rangsangan kepada mereka yang mendapat keputusan yang baik.

Beralih kepada isu pengambilan di IPTA. Saya rasa kerajaan telah mengatasi masalah ini pada tahun ini dan biarlah kita mengambil iktibar daripada sistem pengambilan IPTA. Di sini saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pengajian Tinggi supaya mengumumkan *cut of point* dan juga jumlah kursus yang ditawarkan di

semua universiti. Ini bukan suatu perkara yang susah kerana Kementerian Pengajian Tinggi juga tertakluk kepada pelaksanaan PIN.

Ianya merupakan satu-satunya kementerian yang terpaksa untuk mematuhi sepenuhnya PIN. Saya rasa kalau dalam konteks ini tidak ada sebab kita tidak boleh melakukan perkara ini. Sekarang kita salahkan pelajar bahawa mereka tidak tahu memilih kursus baik untuk matrikulasi atau STPM. Tetapi kita tidak memberi penerangan dengan jelas. Daripada 550 kursus yang ditawarkan di peringkat IPTA apakah semua orang itu tahu apakah kelayakan untuk sesuatu kursus.

Sebab itulah saya meminta supaya kementerian ini mengkaji semula untuk memperhebatkan lagi promosi-promosi dan ceramah-ceramah demi memahamkan semua calon yang akan memohon memasuki IPTA. Seperkara lagi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar rayuan di peringkat IPTA itu perlulah dikawal selia oleh Jabatan Pengajian Tinggi kerana kita lihat sekarang semua pelajar menghantar kepada semua 17 buah IPTA. Masing-masing menulis surat bertimbun surat itu tetapi kita tidak nampak surat yang bertindih dapat diambil tindakan dengan berkesan. Saya berharap ianya dapat pulih pada dua tahun yang lalu di mana JPTlah yang akan mengawal selia dan memastikan kekosongan diisi daripada pusat universiti. Saya rasa ini adalah suatu cara yang baik.

Beralih kepada isu pelajar-pelajar yang cemerlang yang telah diberi tempat di IPTS untuk mengikuti pengajian perubatan. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi bahawa semua pelajar-pelajar yang mendapat CGPA penuh akan diberi tempat di IPTS dan mereka juga mendapat *convetable loan* sepenuhnya.

Tetapi dari sistem penyampaian saya berasa sedih. Saya tidak tahu siapa yang melaksanakan keputusan ini seolah-olah mereka ini tidak faham dengan keputusan Kabinet. Kabinet sudah membuat suatu keputusan diumumkan oleh Menteri, sebanyak RM10 juta diperuntukkan kepada mereka sebagai pinjaman. Kalau mereka dapat berkhidmat selama 10 tahun di hospital mereka tidak perlu membayar balik. Tetapi apa yang menyedihkan kita, ada di antara pelajar yang mendapat RM250,000 sahaja bagi mereka belajar di IMU. Tetapi kita melihat dari segi kos atau yuran pengajian itu adalah RM273,000. Ini tidak mencukupi. Apa salahnya kalau kita beri sampai cukup dan termasuklah kos sara hidup seperti mana yang telah dilakukan oleh pemberian biasiswa yang lain.

Saya melihat perkara ini kalau kita campur sekalipun tidak sampai RM7.5 juta dan Kabinet sudah meluluskan RM10 juta tetapi dari segi sistem penyampaiannya tidak sampai. Saya merayulah kepada PPT yang melaksanakan keputusan ini dengan baik. Baru-baru ini juga Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi ada membuat pengumuman bahawa pihaknya sedang mengkaji untuk menerima SPM sebagai suatu syarat kemasukan ke universiti.

Saya masih ingat dua tahun yang lalu, perkara yang sama juga diungkit-ungkitkan. Apa yang telah disampaikan oleh Menteri Pendidikan pada masa itu mengatakan bahawa menggunakan kelayakan SPM untuk memasuki IPTA bukanlah suatu norma, bukanlah suatu praktis di peringkat antarabangsa. Ini apa yang saya ingat pada tahun 2002 dan sekarang pula kita tidak konsisten. Kita tidak mengkaji semula dan itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat sekarang sudah 6.30 petang. Tetapi Yang Berhormat ada lagi 3 minit. Saya benarkan. Teruskan tiga minit.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Boleh, tiga minit tidak ada masalah. Okey, sampai mana tadi? Okey dan dua tahun. Perkara dua tahun itu sekarang pula diungkitkan semula dan semalam saya baca surat khabar, menteri pula kata kita tidak akan berpandukan kepada pengalaman bekerja untuk seseorang yang ada kelulusan SPM tidak berpandukan kepada pengalaman bekerja untuk menentukan sama ada beliau layak atau tidak memasuki IPTA.

Dalam konteks ini, saya pun tidak faham apakah dasar yang ada pada kementerian. Kita perlu telus dan secara konsisten dan jangan kita suka ubah-ubah. Pada tahun 2001, sebanyak 49 kursus Ijazah Sarjana Muda ditawarkan di UTM dan juga KUITHO di Batu Pahat. Tetapi tahun berikutnya 2002, terdapat 33 kursus Ijazah Sarjana Muda di mana mereka dikehendaki mengikuti kursus dalam lima tahun tetapi ianya telah ditukar dasarnya dan sejak tahun lalu tidak boleh. Tetapi kalau kita hendak kembali kepada sistem lama nampaknya kita kembali kepada suatu perkara yang saya memang tidak tahu apa yang saya hendak katakan dan kita perlu konsisten dalam konteks ini.

Satu perkara lagi, saya memang menyokong usaha kerajaan untuk kita membuat ranking kepada universiti, IPTA dan sebagainya. Tetapi apa yang menyedihkan saya melihat sejak sesi 2000 dan 2001, Universiti Kebangsaan Malaysia

dan beberapa universiti lagi tidak lagi menganugerahkan kelas Kepujian Kelas Satu, *Second Upper and Second Lower*. Mereka hanya menggunakan Kelas Kepujian. Saya rasa ini bukan satu cara, bukanlah satu *intentional practice*. Kita kena pulihkan sistem yang baik itu. Apa susahny kalau kita menentukan pelajaran ini *First Class*, ini *Second Upper* untuk melihat sama ada seseorang itu dapat menguasai ilmu dengan baik atau tidak. Saya rasa cara ini kita kena pulihkan.

Yang terakhir sekali ingin saya sentuh tentang pendidikan adalah mengenai soalan bocor di peringkat Kementerian Pelajaran. Inilah suatu masalah saya rasa saya memang sokong 100% kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Kita kena sampai ke *bottom* dan menyemak apa masalah yang berlaku. Ini yang saya hendak sentuh adalah Majlis Peperiksaan Malaysia. Berapa kali sudah membuat kesilapan. Pada tahun ini pelajar-pelajar yang mendapat A1 dalam Kertas Pengetahuan Moral telah diberi suatu keputusan G9 iaitu gagal. Kemudian setelah dibuat rayuan, dianya telah diubah dan dipinda kepada A1. Ini macam mainan. Bukan berlaku pada tahun lalu? Pada tahun ini juga berlaku.

Sebelum itu pada tahun ini juga saya pergi ke Sungai Petani, seorang pelajar mendapat semua A kecuali mata pelajaran IT dapat 8. Tetapi tidak sampai lima hari rayuan dikemukakan, *sorry*, silap. Sepatutnya dapat 3. Ini bukan satu cara yang baik dan saya menyeru kepada Menteri Pelajaran yang memang komited ini supaya kita mengambil tindakan, siasat pegawai mana yang tidak membuat dengan betul. Semak keputusan dahulu sebelum diumumkan kepada pelajar. Kalau tidak, kita tidak ada kewibawaan. Kita tidak akan percaya dengan MPM ini.

Sebab itulah saya minta supaya kita memperkemas sistem kita. Oleh kerana kesuntukan masa, saya memang tidak ada cara untuk bercakap dengan lebih lanjut. Saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya meminta oleh kerana ada beberapa Ahli Yang Berhormat ingin berucap tetapi tidak dapat diberi peluang. Walau bagaimanapun, terdapat jumlah 90 Ahli Yang Berhormat diberi peluang berucap. Pihak menteri akan memberikan jawapan mereka mulai hari Isnin selama tiga hari. Dengan ini, saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.34 petang.

1 September 2004

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. " **Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO**
8. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. " **Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) - UMNO**

11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO**
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ **Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB**

30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ **Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO**

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Mulia Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji Aman** (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO

18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ **Dato Haji** Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP

33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Tuan Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Dato’ Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO

69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO**
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO**
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN

105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah **binti** Wan Ismail (Permatang Pauh) -
KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ **Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS**

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab****Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Hajah Samsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mat Thani
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Mohd. Izhar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS

UNIT CETAK

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Cik Lee Jing Jing

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman